“E-sisa” adalah singkatan kepada sisa elektrik dan elektronik yang juga dikenali sebagai sisa peralatan elektrik elektronik yang telah rosak, usang atau tamat hayat (Jabatan Alam Sekitar, 2023). Pertambahan dalam penggunaan peralatan ini telah menyumbang kepada peningkatan sisa terbuang yang dikenali sebagai e-sisa dan hal ini sekali gus membimbangkan masyarakat umum global termasuk Malaysia. E-sisa telah muncul sebagai salah satu jenis sisa yang paling pesat berkembang berbanding dengan kategori sisa lain yang ada kerana sebahagian besar disebabkan oleh kebergantungan yang berlebihan oleh individu pada hari ini terhadap peranti elektronik bagi meningkatkan produktiviti harian mereka (George *et al.*, 2018). E-sisa akan mengakibatkan kesan-kesan yang memudaratkan alam sekitar dan kesihatan awam jika tidak diuruskan dengan betul.

Elektronik dan trend yang semakin meningkat, ditambah lagi dengan populasi global yang semakin berkembang, telah menghasilkan peningkatan yang luar biasa dalam penjumlahan e-sisa. Dalam laporan *Global Transboundary E-waste Flow Monitor*, Forti *et al.*, (2020) berpendapat bahawa menjelang tahun 2030 nanti, dunia akan menyaksikan penjumlahan e-sisa tahunan sebanyak 74.7 tan metrik, seterusnya menandakan peningkatan tahunan sebanyak 2 tan metrik.

Dalam konteks global ini, Malaysia menghadapi beberapa cabaran dalam mencapai pengurusan e-sisa yang mampan. Pada tahun 2022, negara Malaysia telah mengumpulkan sejumlah besar e-sisa dari isi rumah iaitu 2657.83 tan metrik atau 2.65 kilogram (KG), yang mana telah mencatatkan peningkatan yang begitu ketara iaitu 198.32 tan metrik daripada tahun yang sebelumnya (Jabatan Alam Sekitar, 2023). Peningkatan yang begitu ketara dalam kutipan e-sisa ini telah menjadi bukti kepada kepesatan penggunaan barangan elektrik dan elektronik. Walau bagaimanapun, ia juga menitikberatkan keperluan kritikal untuk amalan pengurusan e-sisa yang rapi dan mampan di Malaysia.

Kesudahannya, kajian ni bertujuan untuk menyediakan penelitian menyeluruh prospek e-sisa di Malaysia secara amnya, dengan memberi tumpuan yang mendalam terhadap kelestarian dan kemampanan. Sungguhpun begitu, adalah penting untuk mendedahkan bahawa kajian ini akan mengamati aspek-aspek utama seperti penjanaan dan trend e-sisa, impak terhadap alam sekitar, rangka kerja pengawalseliaan, amalan kitar semula dan pemulihan serta penglibatan komuniti bagi memacu salah satu aspek penting daripada konsep Malaysia MADANI, iaitu kemampanan. Konsep ini menekankan perlindungan alam sekitar sebagai satu komponen teras dalam usaha kita untuk mencapai pembangunan lestari di negara ini (Malaysia Madani, 2023).

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah ulasan kepustakaan. Pendekatan ini bertujuan untuk menilai dan menggambarkan ulasan terhadap sumber-sumber primer yang berkaitan dengan pengurusan e-sisa dan isu-isu yang terlibat. Kaedah ini juga memberikan peluang untuk mengkaji, menyusun dan menilai maklumat daripada pelbagai sumber asli termasuk penyelidikan terdahulu, laporan, kajian kes dan artikel jurnal yang relevan. Dalam konteks kajian ini, ulasan kepustakaan digunakan untuk menyediakan gambaran yang menyeluruh mengenai pengelolaan e-sisa dan isu-isu yang berkaitan khususnya di Malaysia.

Tema utama yang diterokai dalam kajian ini ialah pengurusan e-sisa, khususnya dalam konteks Malaysia. Metodologi yang digunakan melibatkan pendekatan penyelidikan perpustakaan yang menyeluruh, menggunakan analisis dokumentasi lengkap. Sumber rujukan yang berwibawa seperti buku ilmiah, artikel jurnal, kertas seminar atau persidangan, dan buku telah dipilih dengan teliti sebagai rujukan utama. Sumber-sumber ini memberikan pandangan yang berharga tentang pelbagai aspek pengurusan e-sisa, menawarkan perspektif dan data yang berwibawa. Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sabah berfungsi sebagai salah satu medium utama, menempatkan sumber rujukan bercetak dan elektronik yang diperoleh daripada laman sesawang terkenal seperti *Google Scholar*, *Semantic Scholar*, *Research Gate* dan *Science Direct*. Sebanyak 63 sumber telah diperolehi daripada pangkalan data, dan kaedah pemilihan sistematik telah dilaksanakan. Proses pemilihan sumber-sumber ini melibatkan penyelidikan terperinci menggunakan kata kunci yang relevan dengan tajuk kajian, penyaringan berdasarkan kriteria seperti tahun penerbitan dan kebolehpercayaan penulis, serta penilaian terhadap relevansi dengan konteks kajian. Pelbagai teknik analisis digunakan, termasuk analisis dokumentasi, analisis kualitatif, dan analisis perbandingan, untuk menghasilkan pemahaman yang holistik tentang isu pengurusan e-sisa di Malaysia. Dengan menggabungkan kaedah pemilihan yang sistematik dengan pelbagai teknik analisis, kajian ini dapat menyediakan analisis yang menyeluruh dan informatif mengenai pengurusan e-sisa di negara ini.

Selain sumber ilmiah, sumber rujukan yang diperoleh daripada laman-laman rasmi kementerian telah dimuatkan dalam kajian ini, seperti Jabatan Alam Sekitar, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Kementerian Alam Sekitar dan Air, dan pelbagai akhbar. Sumber sekunder ini melengkapi rujukan utama dengan menyediakan perspektif dan data tambahan yang berkaitan dengan pengurusan e-sisa di Malaysia. Tambahan pula, dokumen dan laporan rasmi kerajaan, seperti Pelan Strategik Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan dan Laporan

Pemantau Global 2020-2022, telah digunakan untuk memperkayakan kajian dengan pandangan daripada sumber rasmi dan dokumen strategik. Dengan menggabungkan pelbagai sumber rujukan primer dan sekunder, kajian ini bertujuan untuk menawarkan analisis komprehensif tentang isu pengurusan e-sisa di Malaysia, menyumbang kepada badan pengetahuan dalam bidang ini dan memaklumkan usaha penggubalan dasar masa hadapan.

DAPATAN KAJIAN

E-Sisa di Malaysia

Menurut kajian yang dijalankan oleh Mohammed (2022), Malaysia akan menghasilkan kira-kira 24.5 tan metrik e-sisa menjelang tahun 2025. Hal ini kerana pengeluaran e-sisa telah dikenal pasti sebagai isu utama dalam pengurusan sisa pepejal pada era ini. Peningkatan bahan buangan dan pilihan terhad yang tersedia untuk pengurusannya telah menyebabkan e-sisa menjadi tidak mampan (Mapa *et al.*, 2021). Pengurusan e-sisa di Malaysia yang merupakan salah satu negara membangun menghadapi banyak cabaran dan isu yang menggesa dan memerlukan perhatian segera dalam menguruskan sisa elektronik (e-sisa) dengan berkesan (Andeobu *et al.*, 2021) kerana pelupusan dan pengurusan e-sisa yang tidak betul boleh membawa kesan buruk kepada alam sekitar dan kesihatan manusia (Dinggai *et al.*, 2020; Jain *et al.*, 2023).

Salah satu cabaran utama dalam pengurusan e-sisa di Malaysia adalah ketiadaan sistem formal untuk pengurusan e-sisa isi rumah (Jayaraman *et al.*, 2019; Shad *et al.*, 2020; Sofian *et al.*, 2023). Hal ini kerana menurut Kalana (2010) dalam kajiannya di Selangor mendapati kebanyakan pengguna atau isi rumah individu tidak tahu di mana dan bagaimana untuk membuang sisa dengan cara yang betul. Akibatnya, mereka terpaksa membuang sisa buangan di luar premis mereka bersama-sama sisa isi rumah yang lain.

Sejak dunia dilanda darurat kesihatan atau wabak COVID-19 pada awal tahun 2020, hampir semua orang terpaksa berada di rumah akibat kawalan pergerakan atau Perintah Kawalan Pergerakan yang dikenali sebagai PKP. Sekatan pergerakan ini telah menyebabkan lebih ramai orang membeli dan menjual produk serta perkhidmatan secara atas talian, dan mempercepatkan proses digitalisasi. Sistem pesanan makanan dan membeli-belah barangan runcit, serta rangkaian kewangan teknologi adalah antara yang berkembang pesat, menandakan bahawa dunia semakin beralih ke teknologi berkonsepkan digital (Dusim, 2021). Secara tidak langsung ini telah menyumbang kepada peningkatan e-sisa kerana setiap barangan elektronik mempunyai jangka hayat yang berbeza.

Pada tahun 2021 yang lalu, dalam masa 9 bulan sahaja e-sisa yang dikumpulkan di seluruh negara adalah 432 tan metrik (Buqhairah, 2021). Ini sangat jelas menunjukkan bahawa peningkatan e-sisa di Malaysia begitu membimbangkan. Laporan keseluruhan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam sekitar, kuantiti e-sisa yang dikumpulkan sepanjang tahun 2022 adalah sebanyak 2657.32 tan metrik iaitu berlaku peningkatan sebanyak 198.32 metrik tan dari tahun sebelumnya, yang hanya mengumpulkan sebanyak 2459 metrik tan. Jumlah ini sahaja

adalah jumlah yang diperoleh daripada isi rumah. Berikut adalah kuantiti e-sisa yang dikumpulkan pada 2021 dan 2022 oleh JAS (Jadual 1).

Jadual 1 Kuantiti e-sisa yang dikumpulkan oleh Jabatan Alam Sekitar, Malaysia

Peralatan Elektronik	Jumlah e-sisa dibuang pada 2021 (tan)	Jumlah e-sisa dibuang pada 2022 (tan)
Mesin Basuh	137	414.16
Televisyen	1052	771.14
Penyaman udara	71	105.52
Peti Sejuk	273	355.23
Komputer riba dan PC	912	995.04
Telefon bimbit	14	16.23

Sumber : Jabatan Alam Sekitar, (2023)

Isu Utama Berkaitan E-Sisa Global

I. Peningkatan jumlah E-sisa

Peningkatan jumlah e-sisa ini menjadi isu serantau, seterusnya memberi kesan terhadap negara-negara seluruh dunia termasuk Malaysia. Peningkatan alat elektrik dan elektronik terbuang (e-sisa) menjadi ancaman serius terhadap alam sekitar (Jayaraman *et al.*, 2019; Shumon *et al.*, 2014). Menurut laporan daripada Jabatan Alam Sekitar, anggaran jumlah e-sisa di Malaysia akan melonjak hingga 1.1 juta tan metrik menjelang tahun 2020, dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 14%. Namun, sempena menyambut hari Alam Sekitar Negara, Jabatan Alam Sekitar telah mengadakan kempen di seluruh negara untuk mengumpulkan barangan elektrik elektronik ni bermula daripada 23 September sehingga 24 Oktober. Hasil daripada kempen selama sebulan tersebut, e-sisa telah dikumpulkan sebanyak 230 metrik tan (2020). Datuk Seri Dr Mohd Uzir yang merupakan Ketua Perangkawan berpendapat bahawa peningkatan penggunaan peranti elektronik seperti televisyen dan telefon bimbit adalah susulan daripada impak pandemik COVID-19 (Azman, 2021).

Pengurusan e-sisa yang efektif menghadapi pelbagai kesukaran. Menurut Yuan *et al.* (2019) ketiadaan peraturan dan undang-undang adalah halangan utama dalam pengurusan yang cekap. Hal ini kerana ketidakcukupan dalam peraturan komprehensif ini mencipta cabaran dalam pemantauan dan pengawalan pertambahan kuantiti e-sisa yang semakin hari semakin meningkat. Bukan itu sahaja, peranan aktif dalam pembuangan e-sisa juga turut merupakan aspek yang penting. Penyertaan isi rumah yang rendah dalam kitar semula e-sisa ini terutamanya di Malaysia, akan menyumbang kepada peningkatan e-sisa kerana tidak di uruskan dengan cara yang sebetulnya (Afroz *et al.*, 2020).

II. Ketiadaan peraturan yang komprehensif

Pengurusan e-sisa di Malaysia masih belum memiliki peraturan dan kawalan yang mencukupi. Pada 2015 yang lalu, fokus di Malaysia lebih tertumpu kepada perlindungan alam sekitar berbanding kawalan kuantiti dalam pengurusan e-sisa (Jaibee *et al.*, 2015). Seperti yang pernah diumumkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia, pada masa ini tiada sistem formal yang ditubuhkan untuk pengurusan e-sisa isi rumah

(Jayaraman *et al.*, 2019). Bagi e-sisa daripada industri perkilangan, ianya hanya dikawal mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Buangan Berjadual) 2005 bermula daripada pengeluaran sehingga ke pelupusan. Ketiadaan peraturan dan sistem yang berstruktur untuk pengurusan e-sisa isi rumah merupakan satu kesenjangan yang memerlukan perhatian segera. Hussin *et al.* (2023) berpendapat bahawa tindakan dan langkah yang wajar hendaklah diambil jika sekiranya tidak ada peraturan yang komprehensif berkaitan dengan e-sisa dari isi rumah.

Ketidalcukupan komitmen dari organisasi perniagaan dan syarikat swasta di Malaysia dalam pengurusan dan pelaporan e-sisa adalah salah satu penyumbang kepada isu ini (Dinggai *et al.*, 2020; Mutalib *et al.*, 2021). Tambahan pula, ketiadaan serta kekurangan kemudahan kitar semula e-sisa dan penyertaan yang rendah oleh isi rumah dalam pembuangan e-sisa adalah isu biasa dalam negara membangun seperti Malaysia (Afroz *et al.*, 2020). Keadaan ini menjadi halangan untuk menuju ke arah pengurusan e-sisa yang mampan.

III. Ketidakprihatinan terhadap pengurusan e-sisa

Menurut laporan dari Awani, (2022), rakyat di negeri Perak hanya 10% sahaja yang mempunyai kesedaran berhubung dengan kepentingan pengurusan sisa produk elektrik dan elektronik (e-sisa) terhadap alam sekitar. Ini jelas menunjukkan sikap negatif yang dominan terhadap kitar semula e-sisa di Malaysia sangat membimbangkan. Pelbagai kajian telah dijalankan untuk mengkaji tingkah laku dan sikap masyarakat terhadap aktiviti kitar semula e-sisa (Nguyen *et al.*, 2018). Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada sikap ini adalah kadar kitar semula domestik yang rendah, dan telah mendorong Malaysia untuk mengimport sisa daripada negara luar bagi menghasilkan produk kitar semula (Chen & Ogunseitan, 2021). Ini menunjukkan bahawa terdapat kekurangan dalam sistem pengurusan sisa dan kitar semula yang efektif dalam negara kita.

Mohamad *et al.* (2022) telah menggunakan Teori Tingkahlaku Terancang (TPB) untuk menilai faktor-faktor yang mempengaruhi tingkahlaku pengguna terhadap kitar semula di Malaysia. Namun, Noor *et al.* (2023) mendapati keinginan penduduk di Malaysia untuk mengitar semula adalah bergantung kepada maklumat, insentif, sikap, dan juga niat untuk mengitar semula. Dia juga menambah dalam kajian beliau bahawa, insentif atau ganjaran adalah faktor paling penting yang mempengaruhi niat kitar semula e-sisa orang ramai. Sama seperti kajian oleh Sofian *et al.* (2023) mendapati bahawa terdapat 15% pengguna mengharapkan ganjaran sekiranya mereka membawa e-sisa mereka ke pusat kitar semula.

E-Sisa dan Matlamat Pembangunan Lestari

Peralihan ke arah amalan pengurusan e-sisa yang mampan adalah sangat penting dalam era masa kini. Artikel ini akan menekankan kepentingan peralihan ini dan bagaimana ia selari dengan agenda yang lebih luas bagi Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs), khususnya Matlamat 11 (bandar dan komuniti mampan) dan Matlamat 12 (pengeluaran dan penggunaan yang bertanggungjawab).

Pengurusan e-sisa yang tidak sewajarnya akan membawa kepada risiko serius bukan sahaja kepada alam sekitar, akan tetapi kepada kesihatan awam (Ankit *et al.*, 2021; Mahat *et al.*, 2019). Bahan berbahaya yang terdapat dalam e-sisa elektronik, seperti logam berat dan bahan kimia toksik, boleh mencemari tanah dan sumber air, memberi kesan kepada alam sekitar dan

kesejahteraan komuniti yang berhampiran dengan tapak pembuangan. Oleh itu, mengamalkan amalan yang mampan ini adalah tanggungjawab semua orang dan amat penting kepada persekitaran.

I. Matlamat 11 (Bandar Dan Komuniti Mampan)

Apabila bandar terus berkembang dan urbanisasi bergerak pantas, penghasilan sisa elektronik atau e-sisa, di kawasan bandar juga mengalami peningkatan yang begitu membimbangkan. Pengeluaran e-sisa yang meningkat ini membawa cabaran yang pelbagai yang berkaitan dengan matlamat SDG 11. Secara khusus, bahaya alam sekitar dan kesihatan yang berkaitan dengan pelupusan e-sisa yang tidak betul memberi kesan besar kepada keselamatan dan kelestarian komuniti bandar. Bahan beracun dan logam berat yang meresap dari e-sisa boleh mencemarkan alam sekitar bandar, membahayakan kesihatan penduduk bandar dan menghalang pencapaian matlamat SDG 11. Hussin *et al.* (2023) meneliti sistem pengurusan e-sisa di Bandaraya Shah Alam, Malaysia yang memfokuskan pada kesedaran dan tingkah laku isi rumah. Rujukan ini memberikan pandangan tentang konteks tempatan dan peranan isi rumah dalam pengurusan e-sisa. Ia menekankan kepentingan mengubah tingkah laku dan meningkatkan kesedaran di kalangan isi rumah untuk mencapai pengurusan e-sisa yang sistematik dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian matlamat pembangunan mampan (SDGs) ke-11 .

Seperti bandar-bandar yang lain di dunia, Malaysia juga sedang bergiat dalam memperjuangkan pengurusan e-sisa yang berkesan terutamanya kawasan bandar. Pertumbuhan pesat penggunaan elektronik di kawasan bandar telah mengatasi pembangunan strategi pengurusan e-sisa yang komprehensif (Shumon *et al.*, 2014). Penglibatan dan kesedaran komuniti adalah antara perkara penting bagi mencapai matlamat SDG. Dalam konteks pengurusan e-sisa, memupuk kesedaran awam dan penyertaan aktif komuniti adalah penting. Dengan mendidik penduduk tentang pelupusan yang betul dan kitar semula e-sisa, ia bukan hanya mengurangkan risiko alam sekitar dan kesihatan, tetapi juga mencipta kawasan bandar yang lebih selamat dan berdaya tahan (Nguyen *et al.*, 2018).

Untuk meningkatkan kelestarian pengurusan e-sisa, sektor awam dan swasta di Malaysia hendaklah bekerjasama untuk mengatasi cabaran yang dihadapi terutamanya oleh kawasan bandar (Shad *et al.*, 2020). Kerjasama awam-swasta yang berjaya memainkan peranan penting dalam menyelaraskan pengurusan e-sisa agar selaras dengan objektif SDG 11, yang menekankan keselamatan, dan kelestarian. Kerjasama ini merupakan kunci untuk membangunkan penyelesaian inovatif dan berkesan dalam mengatasi masalah peningkatan e-sisa elektronik di komuniti bandar.

II. Matlamat 12 (Pengeluaran Dan Penggunaan Yang Bertanggungjawab)

Tambahan lagi, pengurusan e-sisa yang mampan secara langsung sejajar dengan Matlamat 12 SDGs, yang menekankan penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab. Kuantiti e-sisa yang semakin meningkat saban tahun adalah bukti untuk menilai semula corak penggunaan dan penghasilan sisa. Mengamalkan amalan mampan bermaksud menggunakan produk berulang kali akan memanjangkan jangka hayat produk dan mengurangkan penjanaan sisa dalam kehidupan seharian, mengguna semula peranti elektronik, dan mengitar semula komponen (Andeobu *et al.*, 2021; Ghulam & Abushammala, 2023). Ini menyokong hasrat yang lebih luas dalam pengeluaran dan

penggunaan yang bertanggungjawab, seterusnya menyumbang kepada usaha global untuk mengurangkan kesan alam sekitar.

Jayaraman *et al.* (2019) mencadangkan model pengurusan e-sisa berdasarkan amalan pelupusan komputer riba individu di Malaysia. Kajian ini menekankan kepentingan pengurusan e-sisa yang betul untuk mengawal bahan berbahaya dan mencegah pencemaran alam sekitar. Apabila individu sedar akan bahan berbahaya dalam komputer riba dan kesan buruknya terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia, mereka lebih cenderung mengamalkan amalan pelupusan yang tepat. Pelaksanaan model seperti ini sejajar dengan matlamat untuk menggalakkan corak penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab.

Malaysia telah melaksanakan pelbagai program yang bertujuan untuk menyelaraskan pengurusan e-sisa dengan prinsip penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab. Inisiatif tersebut merangkumi pembangunan peraturan dan dasar formal yang menggalakkan amalan mampan dalam pengurusan e-sisa (Faibil *et al.*, 2023). Secara umum, program *Extended Producer Responsibility* (EPR) Malaysia memainkan peranan yang sangat penting dalam mempromosikan penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab (Murthy & Ramakrishna, 2022). Dengan menuntut pengeluar bertanggungjawab untuk seluruh kitaran hidup produk elektronik mereka, program ini menggalakkan corak pengeluaran dan penggunaan yang terurus yang mencerminkan antipati matlamat ke-12 SDG.

Cadangan

Setelah meneliti keadaan pengurusan e-sisa di Malaysia dan sejajar dengan matlamat pembangunan yang lestari, jelas sekali bahawa terdapat beberapa langkah penting diperlukan untuk menjadikan pengurusan yang lebih mampan di negara ini. Kajian ini telah menyoroti beberapa cabaran serta peluang yang sedia ada bahawa mengambil tindakan yang sewajarnya adalah sangat penting. Terdapat beberapa cadangan yang dikenal pasti untuk mengatasi isu sedia ada dan membimbing Malaysia ke arah pengurusan e-sisa yang bertanggungjawab. Cadangan ini adalah hasil daripada penilaian komprehensif dengan merujuk kepada amalan terbaik secara global dan telah disesuaikan dengan konteks unik Malaysia, serta merangkumi pendekatan perundangan, logistik dan masyarakat. Melalui cadangan ini, Malaysia bukan sahaja dapat menguruskan e-sisa dengan lebih baik tetapi memberi sumbangan yang signifikan kepada pencapaian matlamat pembangunan mampan terutama dalam perlindungan alam sekitar.

I. Menkuatkuasakan Kerangka Peraturan

Untuk menubuhkan sistem pengurusan e-sisa yang mampan di negara kita Malaysia, adalah penting untuk membangunkan satu kerangka perundangan yang komprehensif dan kukuh yang khas kepada menguruskan e-sisa sahaja. Kerangka ini hendaklah merangkumi panduan pengumpulan, kitar semula dan pembuangan yang betul bagi e-sisa berserta tindakan tegas untuk ketidakpatuhan kepada peraturan tersebut. Selain itu, peraturan khusus yang menumpukan pelbagai kategori e-sisa seperti e-sisa isi rumah, industri dan e-sisa berbahaya hendaklah diambil perhatian yang lebih dalam walaupun terdapat beberapa peraturan yang suda ada digariskan agar dapat membentuk landasan yang kukuh bagi pengurusan e-sisa yang lebih bertanggungjawab dengan menetapkan piawaian yang jelas bagi semua pihak berkepentingan yang terlibat.

II. Mempromosikan Peluasan Tanggungjawab Pengeluar (EPR)

Cara berkesan untuk mendorong pengurusan e-sisa yang efektif adalah dengan melaksanakan secara aktif konsep EPR ini. Kajian rintis EPR ini telah pun dijalankan di Pulau Langkawi pada tahun 2022 yang lalu yang bertujuan untuk melihat mekanisme pelaksanaan EPR yang terbaik di kawasan Pulau Langkawi dan hasil daripada kajian ini telah membantu Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam mewujudkan polisi dan kerangka pelaksanaan EPR ini di Malaysia (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2022). Dalam konsep ini, pengeluar dan pengimport bertanggungjawab menguruskan fasa akhir hayat produk mereka. Dengan mengamalkan EPR ini seperti di negara-negara yang lain, pengeluar produk elektronik di Malaysia boleh mengalihkan tumpuan kepada reka bentuk produk yang mesra alam dan memanjangkan hayat guna peranti elektronik, sekali gus mengurangkan kesan keseluruhan e-sisa terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia. Di Malaysia, konsep EPR ini masih lagi berada dalam penyediaan garis-garis panduan dan peraturan, dan akan dilaksanakan dalam jangka masa 2024 sehingga 2025 menurut laporan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dengan wujudnya konsep seperti ini, ia bukan sahaja dapat menyumbang kepada pengurusan sisa yang baik tetapi turut menyumbang kepada peningkatan ekonomi kitaran secara menyeluruh.

III. Kempen kesedaran dan Pendidikan

Meningkatkan tahap kesedaran orang ramai mengenai kepentingan pembuangan e-sisa yang betul dan kesannya kepada alam sekitar serta kesihatan awam yang berpotensi berpunca daripada ketidakpatuhan dalam pengurusan e-sisa adalah sangat penting. Melalui kempen-kempen ini, kerajaan dan badan bukan kerajaan dapat berinteraksi dengan orang awam, dapat menyedarkan masyarakat akan akibat dan kesan pembuangan e-sisa yang tidak efisien dan mempromosikan budaya tanggungjawab terhadap kelestarian alam sekitar.

IV. Memperbanyakkan infrastruktur pengumpulan

Memperbanyakkan pusat-pusat pengumpulan yang cekap di seluruh Malaysia terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Kemudahan akses kepada pusat pengumpulan ini adalah kunci kepada keberhasilan menuju alam sekitar yang lestari. Selain itu, pelaksanaan sistem pengumpulan “pintu-ke-pintu” seperti inisiatif yang pernah dijalankan oleh Nestle Malaysia bagi menambahbaik pengurusan sisa dan meningkatkan keupayaan kutipan sisa buangan (Noh, 2023).

KESIMPULAN

E-sisa adalah satu isu alam sekitar yang semakin meningkat di seluruh dunia termasuk di Malaysia ketika ini. Peningkatan yang pesat dalam penggunaan produk elektronik dan jangka hayat yang pendek memberi ancaman besar kepada alam sekitar dan juga kesihatan awam. Tanpa pengurusan e-sisa yang formal, e-sisa boleh mengakibatkan bahan berbahaya meresap ke dalam tanah dan air, berlaku pencemaran udara daripada pembakaran terbuka dan masalah kesihatan bagi mereka yang terdedah dan terlibat dengan pengurusan e-sisa yang tidak formal.

Kajian ini mendapati peningkatan kuantiti e-sisa yang dihasilkan secara global, kekurangan peraturan yang komprehensif, ketidakcukupan infrastruktur e-sisa serta kurang kesedaran di kalangan orang awam. Walau bagaimanapun, terdapat permulaan yang baik

apabila Malaysia akan melaksanakan dasar ini tidak lama lagi dan ketika ini masih lagi berada dalam fasa merangka kerja dan kajian dasar perundangan (BSA & KPKT, 2022).

Bagi mencapai sistem pengurusan e-sisa yang mampan dan selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), pelaksanaan cadangan adalah penting. Kerangka perundangan dan dasar menyeluruh yang merangkumi semua aspek pengurusan e-sisa sebagai titik permulaan penting adalah salah satu cadangan yang perlu diambil kira. Model Tanggungjawab Pengeluar Diperluas (EPR) mempunyai potensi untuk membawa perubahan positif dengan mengalihkan tanggungjawab kepada pengeluar dan pengimport serta memberi insentif untuk menggalakkan reka bentuk produk yang mesra alam. Kempen pendidikan dan kesedaran juga memainkan peranan dalam mengubah tingkah laku orang awam dan memastikan pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini dapat dicapai. Dengan menambah dan mewujudkan pusat-pusat pengumpulan e-sisa yang mudah diakses dan selesa serta menjalankan kerjasama antara sektor awam dan swasta, Malaysia boleh mengambil langkah yang signifikan ke arah pengurusan e-sisa yang lestari dan mampan.

RUJUKAN

- Afroz, R., Muhibbullah, M., Farhana, P., & Morshed, M. N. (2020). Analyzing the intention of the households to drop off mobile phones to the collection boxes: empirical study in Malaysia. *Ecofeminism and Climate Change*, 1(1), 3–20. <https://doi.org/10.1108/efcc-03-2020-0004>
- Andeobu, L., Wibowo, S., & Grandhi, S. (2021). A Systematic Review of E-Waste Generation and Environmental Management of Asia Pacific Countries. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 18(17). <https://doi.org/10.3390/IJERPH18179051>
- Ankit, Saha, L., Kumar, V., Tiwari, J., Sweta, Rawat, S., Singh, J., & Baudh, K. (2021). Electronic waste and their leachates impact on human health and environment: Global ecological threat and management. *Environmental Technology and Innovation*, 24. <https://doi.org/10.1016/j.eti.2021.102049>
- Awani, A. (2022). Hanya 10 peratus rakyat Perak punyai kesedaran pengurusan e-waste | Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hanya-10-peratus-rakyat-perak-punyai-kesedaran-pengurusan-ewaste-373751>
- Azman, F. (2021, April 12). Kegunaan internet isi rumah meningkat 91.7 peratus pada tahun 2020 - Ketua Perangkawan | Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kegunaan-internet-isi-rumah-meningkat-917-peratus-pada-tahun-2020-ketua-perangkawan-292948>
- BSA, B. P. S. dan A., & KPKT, K. P. dan K. T. (2022). *Pelan Strategik Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) 2021-2025*.

- Buqhairah, T. M. A. T. (2021, October 21). 432 tan metrik e-Waste dikumpulkan. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/167970/BERITA/Nasional/432-tan-metrik-e-Waste-dikumpulkan>
- Chen, M., & Ogunseitan, O. A. (2021). Zero E-waste: Regulatory impediments and blockchain imperatives. *Frontiers of Environmental Science and Engineering*, 15(6). <https://doi.org/10.1007/S11783-021-1402-X>
- Dinggai, M. S., Mapa, M. T., & George, F. (2020). Persepsi Masyarakat Tempatan Terhadap Pengurusan E-sisa oleh Syarikat Swasta di Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(10), 217–227. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i10.516>
- Dusim, H. H. (2021). Digitalisation and E-waste. *The Star*. <http://mystar.newspaperdirect.com/epaper/viewer.aspx>
- Faibil, D., Asante, R., Agyemang, M., Addaney, M., & Baah, C. (2023). Extended producer responsibility in developing economies: Assessment of promoting factors through retail electronic firms for sustainable e-waste management. *Waste Management & Research*, 41(1), 117. <https://doi.org/10.1177/0734242X221105433>
- Forti, V., Balde, C. P., Kuehr, R., Bel, G., & Lattoni, G. (2020). The Global E-waste Monitor 2020.
- George, F., Mapa, T., Dinggai, E., & Dinggai, M. S. (2018). Pengurusan Sisa Elektrik dan Elektronik dalam Kalangan Isi Rumah Kajian Kes Wilayah Persekutuan Labuan. *Geografi*, 6(2), 57–66. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/GEOG/article/view/2088>
- Ghulam, S. T., & Abushammala, H. (2023). Challenges and Opportunities in the Management of Electronic Waste and Its Impact on Human Health and Environment. In *Sustainability (Switzerland)* (Vol. 15, Issue 3). MDPI. <https://doi.org/10.3390/su15031837>
- Hussin, N. E. H., Ali, N. E. H., & Khalil, N. (2023). E-Waste Management Systems in Shah Alam City: Household Awareness and Behavior. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(4). <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/V13-I4/16320>
- Jabatan Alam Sekitar. (2023). Bahagian Bahan Berbahaya, Jabatan Alam Sekitar. <https://ewaste.doe.gov.my/index.php/ms/infografik/>
- Jaibee, S., Abd Rahim, A. K., Mohamad, F., Jamian, S., Seiji, Y., & Mohd Nor, N. H. (2015). Review on Current Status of Waste Electric and Electronic Product in Malaysia.

- Jain, M., Kumar, D., Chaudhary, J., Kumar, S., Sharma, S., & Singh Verma, A. (2023). Review on E-waste management and its impact on the environment and society. *Waste Management Bulletin*, 1(3), 34–44. <https://doi.org/10.1016/J.WMB.2023.06.004>
- Jayaraman, K., Vejayon, S., Raman, S., & Mostafiz, I. (2019). The proposed e-waste management model from the conviction of individual laptop disposal practices-An empirical study in Malaysia. *Journal of Cleaner Production*, 208, 688–696. <https://doi.org/10.1016/J.JCLEPRO.2018.10.125>
- Kalana, J. A. (2010). Electrical and Electronic Waste Management Practice by households in Shah Alam, Selangor. *International Journal of Environmental Sciences*, 1(2).
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. (2022). KPKT jalin kerjasama strategik bersama MAREA dalam melaksanakan kajian rintis Pelaksanaan Peluasan Tanggungjawab Pengeluar di Pulau Langkawi.
- Mahat, H., Hashim, M., Nayan, N., Saleh, Y., & Norkhaidi, S. B. (2019). E-waste disposal awareness among the Malaysian community. *Knowledge Management and E-Learning*, 11(3), 393–408. <https://doi.org/10.34105/j.kmel.2019.11.021>
- Malaysia Madani. (2023). Prime Minister's Office of Malaysia. <https://malaysiamadani.gov.my/pengenalan/>
- Mapa, M. T., George, F., Peters, D., Dinggai, M. S., & Jafar, A. (2021). The Effect of Social-economic background on electric and electronic waste (e-waste) management amongst Residential areas in Kota Kinabalu City, Sabah, Malaysia 1. *Journal of Contemporary Issues in Business and Government*.
- Mohamad, N. S., Thoo, A. C., & Huam, H. T. (2022). The Determinants of Consumers' E-Waste Recycling Behavior through the Lens of Extended Theory of Planned Behavior. *Sustainability* 2022, Vol. 14, Page 9031, 14(15), 9031. <https://doi.org/10.3390/SU14159031>
- Mohammed, S. I. (2022). E-Waste Management in Different Countries: Strategies, Impacts, and Determinants. In D. A. Sabban (Ed.), *Advances in Green Electronics Technologies* [Working Title]. IntechOpen. <https://doi.org/10.5772/INTECHOPEN.106644>
- Murthy, V., & Ramakrishna, S. (2022). A Review on Global E-Waste Management: Urban Mining towards a Sustainable Future and Circular Economy. *Sustainability* (Switzerland), 14(2). <https://doi.org/10.3390/SU14020647>
- Mutalib, H. A., Jamil, C. Z. M., Mohamed, R., Shafai, N. A., & Nor-Ahmad, S. N. H. J. N. (2021). Firm and board characteristics, and e-waste disclosure: A study in the era of

- digitalisation. Sustainability (Switzerland), 13(18).
<https://doi.org/10.3390/su131810417>
- Nguyen, H. T. T., Hung, R. J., Lee, C. H., & Nguyen, H. T. T. (2018). Determinants of Residents' E-Waste Recycling Behavioral Intention: A Case Study from Vietnam. Sustainability 2019, Vol. 11, Page 164, 11(1), 164.
<https://doi.org/10.3390/SU11010164>
- Noh, N. C. (2023, January 31). Nestle perluas inisiatif kitar semula komuniti dengan pelancaran Kita Recycle. BH Online.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/01/1058152/nestle-perluas-inisiatif-kitar-semula-komuniti-dengan-pelancaran>
- Noor, N. H. M., Soleman, N. A. F., & Azuan, A. S. K. (2023). To Recycle or Not to Recycle? Factors Affecting Malaysian Residents' Intention for Recycling E-Waste. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8(2), 2102.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2102>
- Shad, K. M., Ling, S. T. Y., & Karim, M. E. (2020). Sustainable E-waste management in Malaysia: Lessons from selected countries. In IIUM Law Journal (Vol. 28, Issue 2).
- Shumon, M. R. H., Ahmed, S., & Islam, M. T. (2014). Electronic waste: present status and future perspectives of sustainable management practices in Malaysia. Environmental Earth Sciences, 72(7), 2239–2249. <https://doi.org/10.1007/s12665-014-3129-5>
- Sofian, D. D., Hanafiah, M. M., Woon, K. S., & Hassan, F. M. (2023). Characteristics of consumer towards development of sustainable e-waste management in Malaysia. IOP Conference Series: Earth and Environmental Science, 1167(1).
<https://doi.org/10.1088/1755-1315/1167/1/012043>
- Yuan, P. W. S., Mun, N. K., & Rajendran, S. D. (2019). A Study on Barriers to Implement E-Waste Management. <https://doi.org/10.1051/e3sconf/2019136020>

**PANDEMIK COVID-19 DAN GOLONGAN B40 DI MALAYSIA:
KAJIAN TERHADAP IMPAK DAN STRATEGI (2020-2021)
*THE COVID-19 PANDEMIC AND THE B40 GROUP IN MALAYSIA:
STUDY ON IMPACT AND STRATEGY (2020-2021)***

**EMMA BINTI TINGKAS¹
MAUREEN DE SILVA^{1*}**

¹*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Sabah (UMS), 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.*

*Corresponding Author: *maureend@ums.edu.my*

Tarikh dihantar: 09 Mac 2024 \ Tarikh diterima: 27 Mei 2024 \ Tarikh diterbitkan: 31 Disember 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/ejk.v30i.5672>

ABSTRAK - Pandemik COVID-19 telah membawa cabaran besar kepada golongan B40 di Malaysia, terutamanya dalam konteks kenaikan harga bekalan makanan. Golongan ini, yang secara tradisinya paling rentan terhadap perubahan ekonomi, menghadapi kesukaran yang luar biasa apabila kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membendung penularan virus. Penutupan sektor-sektor ekonomi yang kritikal menyebabkan ramai daripada golongan B40 kehilangan punca pendapatan utama mereka, yang seterusnya menjejaskan kebolehmampuan mereka untuk menyediakan makanan yang mencukupi dan berkhasiat bagi keluarga mereka. Kertas kerja ini bertujuan untuk menilai impak kenaikan harga makanan akibat pandemik terhadap golongan B40 serta menilai keberkesanan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membantu mereka mengatasi cabaran ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis dokumen sebagai metodologi utama, merujuk kepada artikel-artikel dan kajian terdahulu yang relevan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa meskipun langkah-langkah seperti Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana Kerjaya) memberikan bantuan sementara, ia tidak mencukupi untuk menangani cabaran jangka panjang yang dihadapi oleh golongan B40. Kenaikan harga makanan yang lebih cepat daripada peningkatan pendapatan telah menyebabkan golongan ini terpaksa mengorbankan kualiti pemakanan, yang boleh membawa kepada masalah kesihatan jangka panjang. Kajian ini menegaskan keperluan untuk strategi yang lebih berkesan dan berkelanjutan bagi memastikan golongan B40 tidak terus terpinggir dalam menghadapi cabaran sosioekonomi pasca-pandemik.

Kata kunci: Pandemik COVID-19, golongan B40, sekuriti makanan, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kenaikan harga makanan.

ABSTRACT: *The COVID-19 pandemic has posed significant challenges to the B40 group in Malaysia, particularly in the context of rising food prices. This group, traditionally the most vulnerable to economic changes, faced extraordinary difficulties when the government implemented the Movement Control Order (MCO) to curb the spread of the virus. The closure of critical economic sectors led many in the B40 group to lose their primary source of income, which subsequently affected their ability to provide adequate and nutritious food for their families. This paper aims to assess the impact of rising food prices during the pandemic on the B40 group and evaluate the effectiveness of the government's measures in helping them overcome these challenges. The study adopts a qualitative approach, utilizing document analysis as the primary methodology, and references relevant articles and previous research. The findings indicate that although measures like Bantuan Prihatin Nasional (BPN) and the*

National Economic Recovery Plan (Penjana Kerjaya) provided temporary relief, they are insufficient to address the long-term challenges faced by the B40 group. The rise in food prices, outpacing income growth, has forced this group to compromise on the quality of their diet, potentially leading to long-term health issues. The study underscores the need for more effective and sustainable strategies to ensure that the B40 group is not further marginalized in facing post-pandemic socioeconomic challenges.

Keywords: *COVID-19 Pandemic, B40 group, food security, Movement Control Order (MCO), rising food prices.*

PENDAHULUAN

Malaysia, yang pada asalnya sebuah masyarakat agraria, telah mengalami transformasi besar menjadi sebuah negara yang semakin perindustrian, terutamanya semasa pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri ke-4 pada tahun 1981. Dengan kekayaan sumber alam semula jadi, tanah yang subur, corak taburan hujan yang konsisten, dan bekalan air yang mencukupi, Malaysia pada mulanya berada dalam posisi yang baik untuk memastikan sekuriti makanan dan menjadi peneraju dalam pengeluaran pertanian di peringkat global (Shahino, 2017).

Walau bagaimanapun, perubahan fokus ekonomi daripada sektor pertanian kepada perindustrian telah membawa kepada peningkatan pergantungan terhadap import makanan. Dalam tempoh lebih empat dekad, Malaysia telah mengimport sebahagian besar bekalan makanannya, termasuk makanan ruji seperti beras. Pergantungan ini menjadikan negara terdedah kepada turun naik harga makanan di pasaran global. Krisis harga makanan global pada tahun 2008, misalnya, memberi kesan ketara kepada negara-negara berpendapatan rendah, termasuk Malaysia, dan mendedahkan kerentanan yang wujud dalam sistem sekuriti makanan negara (Fatimah & Amna Awad, 2009).

Tambahan pula, pandemik COVID-19 yang melanda dunia telah memburukkan lagi situasi ini. Pandemik ini bukan sahaja menyebabkan gangguan kepada rantai bekalan global, tetapi juga menekan ekonomi domestik, terutama dalam kalangan kumpulan B40, iaitu golongan berpendapatan terendah dalam negara. Ramai daripada mereka telah kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan utama akibat daripada langkah-langkah sekatan seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan untuk membendung penularan virus.

Bagi kumpulan B40, isu sekuriti makanan kini bukan sahaja soal ketersediaan, tetapi juga soal kemampuan dan aksesibiliti. Ketidakstabilan ekonomi yang disebabkan oleh pandemik ini telah menjadikan semakin sukar bagi mereka untuk mendapatkan bekalan makanan yang mencukupi. Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, golongan ini terpaksa bergantung kepada bantuan kerajaan dan simpanan peribadi untuk meneruskan kehidupan. Oleh itu, keberkesanan strategi kerajaan dalam membantu golongan B40 menghadapi impak pandemik, khususnya dalam aspek sekuriti makanan, menjadi persoalan yang amat kritikal.

Artikel ini bertujuan untuk meneroka implikasi pandemik COVID-19 terhadap kumpulan B40 di Malaysia, dengan fokus khusus kepada cabaran sekuriti makanan yang dihadapi oleh golongan ini serta langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam menyokong mereka mengharungi krisis ini. Secara spesifiknya, ia cuba mengkaji bagaimana pandemik telah mempengaruhi kesejahteraan ekonomi kumpulan B40 dan keupayaan mereka untuk mendapatkan bekalan makanan asas. Pada masa yang sama, ia cuba menganalisis pelbagai langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan impak pandemik terhadap kumpulan B40, dengan fokus kepada sekuriti makanan, dan menilai sama ada strategi-strategi ini telah mencapai matlamat yang diharapkan.

SOROTAN LITERATUR

Sekuriti makanan merupakan aspek kritikal dalam memastikan kesejahteraan sosial dan ekonomi sesebuah negara. Malaysia, sebagai sebuah negara yang mengalami transformasi ekonomi dari masyarakat yang berasaskan pertanian kepada perindustrian, bergantung secara signifikan kepada import makanan untuk memenuhi keperluan rakyatnya. Krisis harga makanan global pada tahun 2008 dan pandemik COVID-19 adalah dua peristiwa besar yang telah memberi impak mendalam terhadap kestabilan harga makanan di peringkat antarabangsa dan domestik. Kenaikan harga makanan ini amat dirasai oleh golongan B40, iaitu 40% pendapatan isi rumah terendah di Malaysia, yang terdedah kepada risiko kelaparan dan ketidakmampuan untuk mendapatkan makanan yang mencukupi dan berkhasiat. Sorotan literatur ini bertujuan untuk mengkaji kesan kedua-dua krisis tersebut terhadap sekuriti makanan golongan B40 di Malaysia, menganalisis faktor-faktor pendorong di sebalik kenaikan harga makanan, serta menilai keberkesanan langkah-langkah kerajaan dalam mengatasi cabaran ini. Dengan memahami dinamika dan implikasi krisis harga makanan global serta respon nasional, kajian ini diharapkan dapat menyumbang dalam merumus strategi yang lebih efektif dalam meningkatkan ketahanan makanan (food resilience) dan mengurangkan ketidaksamaan ekonomi di kalangan masyarakat Malaysia.


Konteks Sejarah dan Krisis Harga Makanan Global 2008

Sekuriti makanan telah lama menjadi isu global, terutama sejak *World Food Summit* 1996 mendefinisikan sekuriti makanan sebagai kemampuan semua individu untuk memiliki akses fizikal dan ekonomi terhadap bekalan makanan yang mencukupi, selamat, dan berkhasiat, demi menjamin kehidupan yang aktif dan sihat (Fatimah & Amna Awad, 2009). Namun, kemampuan ini sering terancam oleh pelbagai faktor global dan tempatan yang menggugat kestabilan bekalan makanan. Menurut Zarina (2004), ancaman terhadap sekuriti makanan bukan sahaja memberi kesan kepada individu tetapi juga kepada masyarakat dan negara, suatu pandangan yang diakui oleh Bakri et al. (2013).

Sebelum krisis harga makanan global pada tahun 2008, harga makanan telah mengalami penurunan yang konsisten sejak tahun 1950-an, dipacu oleh inovasi dalam sektor pertanian seperti Revolusi Hijau pada pertengahan tahun 1960-an. Revolusi ini menyaksikan peningkatan ketara dalam hasil pengeluaran bijirin melalui penggunaan teknologi moden dan

praktik pertanian yang lebih efisien, yang secara tidak langsung mengurangkan kadar kemiskinan di negara-negara berasaskan pertanian (Overseas Development Institute, 2008). Walau bagaimanapun, sejak awal tahun 2000, harga makanan global mula menunjukkan trend peningkatan, yang memuncak pada tahun 2008. Sebagai contoh, harga gandum meningkat dari \$105 satu tan pada Januari 2000 kepada \$481 pada Mac 2008 (Harga Komoditi Utama IMF, 2008). Rajah 1 menunjukkan indeks harga makanan dan minyak dari tahun 1980 hingga 2008, menyoroti lonjakan harga yang berlaku.


Malaysia, sebagai sebuah negara yang bergantung kepada import makanan, turut terkesan oleh krisis harga makanan global pada tahun 2008. Antara impak yang paling ketara ialah peningkatan harga beras, yang melonjak sebanyak 221% dari Januari 2007 hingga Mei 2008, berbanding peningkatan 31% untuk tempoh yang sama pada tahun 2005 hingga 2006 (Fatimah & Amna Awad, 2009). Kenaikan ini, disertai dengan pertumbuhan populasi dan peningkatan pendapatan per kapita, telah mengubah tabiat pemakanan dan pola perbelanjaan masyarakat Malaysia, yang membawa kepada peningkatan permintaan terhadap bekalan makanan, khususnya beras. Jumlah import beras meningkat dari 594 juta tan pada tahun 2000 kepada 843 juta tan pada tahun 2006, dengan nilai import meningkat dari RM700 juta pada tahun 2000 kepada RM10.1 bilion pada tahun 2007 (Kementerian Pertanian, 2008; Jabatan Statistik Malaysia, 2008).



Rajah 1 Indeks harga makanan dan minyak 1980 hingga awal 2008

(Sumber: Overseas Development Institute, 2008)

Peningkatan harga makanan yang mendadak ini memberi kesan besar kepada golongan B40, yang merupakan kelompok paling rentan dalam menghadapi kenaikan kos kehidupan. Kenaikan harga makanan bukan sahaja mempengaruhi kuasa beli golongan ini tetapi juga menjejaskan pola pemakanan mereka, yang sudah sedia terhad. Data menunjukkan bahawa perbelanjaan isi rumah B40 untuk makanan dan minuman bukan alkohol mencapai 31% daripada keseluruhan perbelanjaan mereka, menunjukkan betapa besar impak kenaikan harga makanan terhadap kesejahteraan mereka (Rajah 2: Bank Negara Malaysia, 2009 dalam Fatimah & Amna Awad, 2009).



Rajah 2 Bakul Barang dan Perkhidmatan yang dibeli oleh Pengguna
(Sumber: Bank Negara Malaysia, 2009 dalam Fatimah & Amna Awad, 2009)

Impak pandemik COVID-19 terhadap harga makanan global

Pandemik COVID-19, yang bermula pada penghujung tahun 2019, telah mencetuskan krisis kesihatan global yang paling buruk sejak wabak *Spanish Flu* pada tahun 1918. Namun, kesannya bukan sahaja terhad kepada kesihatan awam; pandemik ini turut membawa kepada keruntuhan sistem ekonomi global yang mendalam. Sektor pengeluaran makanan adalah antara sektor yang paling terjejas, dengan kenaikan harga makanan di pasaran global mencatatkan peratusan yang membimbangkan, khususnya bagi golongan rentan yang kini berdepan dengan cabaran kelangsungan hidup (Cadman et al., 2021).

Di pelbagai negara, harga makanan menunjukkan peningkatan yang ketara. Sebagai contoh, harga tauhu di Indonesia meningkat sebanyak 30% antara Disember 2020 hingga Mac 2021, manakala harga gula di Rusia melonjak 61% dalam tempoh yang sama (Bloomberg, 2021). Walaupun beberapa negara, seperti Indonesia, berjaya menstabilkan harga makanan ruji seperti beras melalui campur tangan kerajaan (Zahrahturrami et al., 2021), trend keseluruhan menunjukkan tekanan inflasi yang berterusan terhadap harga komoditi makanan.

Menurut laporan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), kenaikan harga komoditi makanan pada bulan Mac 2021 menandakan peningkatan bulanan yang kesepuluh berturut-turut, didorong oleh permintaan tinggi di pasaran antarabangsa. Sekiranya tiada tindakan segera diambil, krisis sekuriti makanan yang lebih besar, termasuk risiko kelaparan dan kekurangan nutrisi, boleh menjadi satu lagi episod krisis kemanusiaan global yang memburukkan lagi keadaan semasa pandemik (Al Jazeera, 2021).

Golongan B40 di Malaysia dan Cabaran Sekuriti Makanan

Golongan B40 di Malaysia, yang mencatatkan purata pendapatan isi rumah di bawah RM4,360, merupakan kelompok masyarakat yang paling terkesan oleh kenaikan harga makanan. Berdasarkan data Survei Pendapatan Isi Rumah 2016, terdapat 2.78 juta isi rumah tergolong dalam kelompok B40, yang memperuntukkan sebahagian besar pendapatan mereka untuk

perbelanjaan makanan dan minuman bukan alkohol. Menurut laporan pada tahun 2019 pula, jumlah ini meningkat kepada 2.91 juta isi rumah, menunjukkan peningkatan bilangan golongan rentan di negara ini (Chamhuri Siwar et al., 2019; Amin Ridzuan Ishak, 2019). Selain daripada golongan B40 terdapat juga kumpulan M40 dan T20 di Malaysia. Golongan isi rumah M40 adalah merujuk kepada kelompok isi rumah berpendapatan di antara RM4,360 sehingga RM9,619 manakala kumpulan isi rumah T20 adalah kelompok berpendapatan melebihi RM9,619 (Shahriman Haron, 2020).

Kenaikan harga makanan semasa pandemik COVID-19 memburukkan lagi kesempitan hidup golongan ini, yang sudah sedia bergelut dengan masalah sekuriti makanan. Kenaikan kos pengangkutan dan pembungkusan, bersama dengan peningkatan harga komoditi makanan, telah menyebabkan harga makanan di pasaran terus melonjak, memberi tekanan kepada golongan berpendapatan rendah di Malaysia. Seperti yang dinyatakan oleh Sylvain Charlebois, pengarah di *Agri-Food Analytics Lab*, Universiti Dalhousie, Kanada, "*People will have to get used to paying more for food*," suatu kenyataan yang menggambarkan realiti pahit yang sedang dihadapi oleh golongan rentan tatkala berhadapan dengan dampak pandemik (Cadman et al., 2021).

Secara keseluruhannya, sorotan literatur ini menunjukkan bahawa krisis harga makanan global, sama ada pada tahun 2008 atau semasa pandemik COVID-19, telah memberi impak yang besar terhadap sekuriti makanan di Malaysia, terutama sekali bagi golongan B40. Penggabungan faktor-faktor global dan tempatan menunjukkan betapa rentannya golongan ini dalam menghadapi cabaran ekonomi dan sosial yang dibawa oleh kenaikan harga makanan. Untuk menangani isu ini dengan berkesan, intervensi yang lebih bersepadu dan berasaskan bukti diperlukan, yang bukan sahaja melihat kepada peningkatan pengeluaran makanan domestik tetapi juga kepada peningkatan keupayaan golongan rentan untuk mengakses makanan yang berkhasiat dan mencukupi.

METODOLOGI KAJIAN

lessened. This would foster a sense of community and belonging, where people are standing together as one nation to develop Sandakan. To conclude, examining the demographics of ethnic groups in Sandakan can lead to two outcomes: merging their differences in ethnicity and helping to bring about development in Sandakan or using this as an agenda to gain more support from the major ethnic group. Both possess a powerful impact on Sandakan's political landscape.

CONCLUSION

In summary, the political landscape of Sandakan is complex and strongly influenced by its social, historical, and economic context. A thorough analysis of the candidate representation in Sandakan based on the parliamentary constituencies- Sandakan, Libaran and Batu Sapi – reveals that the various candidates from many political parties are representing their respective constituencies made up of diverse society. Additionally, the agenda of the political parties alongside their strategic use of social media possess a crucial role in shaping voters' perceptions and the public discourse, which is necessary for both voters and political parties. At last, an analysis of voter demographics offers important insight into the composition of electoral and voting patterns among voters in Sandakan. All these components create a dynamic and shift the landscape in Sandakan's politics, which can bring a huge impact or changes in Sabah's politics, too. Future research can examine the other elements that shaped Sandakan's political landscape.

REFERENCES

- Asmin, A. (2024, January 15). "*Jalan raya berlubang seperti kolam amat memalukan.*" Sinar Harian. https://www.sinarharian.com.my/article/644487/edisi/sabah-sarawak/jalan-raya-berlubang-seperti-kolam-amat-memalukan#google_vignette
- Ationg, R., Esa, M. S., Ibrahim, M. A., Gansau, J., Totu, A., & Othman, I. W. (2021). Kebangkitan semula fahaman politik berbilang kaum melalui slogan 'Sabah for Sabahan' di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 70-79.
- Azizah, W. (2002). Women in politics: Reflections from Malaysia. *International IDEA*, 191-202.
- Chan, J. (2022, October 31). Sabah Pakatan to reveal GE15 candidates today, starting with Upko's five seats. Malay Mail. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2022/10/31/sabah-pakatan-to-reveal-ge15-candidates-today-starting-with-upkos-five-seats/36544>
- Channel News Asia (2022, November 20). Malaysia GE15: Borneo electoral bloc is possible if Sabahans vote for local parties, says Shafie Apdal. CNA. <https://www.channelnewsasia.com/asia/malaysia-sabah-ge15-warisan-gps-grs-bersatu-pn-borneo-electoral-bloc-3072771>
- Crane Jr, W. W. (1960). Do Representatives Represent? *The Journal of Politics*, 22(2), 295-299.
- Demographic. (2024). In Merriam-Webster Dictionary. <https://www.merriam-webster.com/dictionary/demographic>
- Department of Statistics Malaysia. (n.d.). P.185 Batu Sapi Kawasanku | OpenDOSM. OpenDOSM. <https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Sabah/parlimen/P.185%20Batu%20Sapi>

- Department of Statistics Malaysia. (n.d.-a). P.184 Libaran Kawasanku | OpenDOSM. OpenDOSM.
<https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Sabah/parlimen/P.184%20Libaran>
- Dollah, R., Joko, E. P., Maraining, A., & Sakke, N. (2018). Nota editor jemputan: Notes from the guest editors. *Jurnal Kinabalu*, 1-1.
- Fong, D. R. (2022, November 11). GE15: GRS might spring surprise amid intense Warisan, Pakatan fight in Sandakan. *The Star*.
<https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/11/11/ge15-grs-might-spring-surprise-amid-intense-warisan-pakatan-fight-in-sandakan>
- Glick, H. R. (1965). The Chinese Community in Sabah and the 1963 Election. *Asian Survey*, 144-151.
- Govindasamy, A. R., & Yew Meng, L. A. I. (2018). GE14: THE URBAN VOTING PATTERN IN P172 KOTA KINABALU AND P186 SANDAKAN, SABAH. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 45(2).
- Guinier, L. (2008). Beyond electocracy: Rethinking the political representative as powerful stranger. *The Modern Law Review*, 71(1), 1-35.
- Harding, A. 2021. 'Asymmetric Federalism and Protection of Indigenous Peoples: The Case of Sabah and Sarawak in Malaysian Federalism', *50 Shades of Federalism*.
- Hua, K. C., Jamil, J. M., Shaharane, I. N. M., & Sheng, A. J. (2021). Understanding Voter Turnout Through Big Data Analytics. DOI:10.21203/rs.3.rs-380811/v1
- Kasmani, M. F. (2023). Undi 18: Understanding the political participation of first-time Malay voters through social media. *SEARCH Journal of Media and Communication Research*, 33-48.
- Kausar, R., Muzaffar, M., & Saqib, N. U. (2019). Political Parties and Democracy in Malaysia: A Case of United Malay National Organization (UMNO). *Pakistan Languages and Humanities Review*, 3(2), 01-15.
- Lee, S. (2024, August 12). Sandakan MP urges tourism players to step up promotion of district's attractions. *The Star*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/08/12/sandakan-mp-urges-tourism-players-to-step-up-promotion-of-district039s-attractions>
- Liao, C. I. (2018). Can One be Hakka without Speaking Hakka? The Conflicts between Language and Identity in a Hakka Community in Sabah. *Global Hakka Studies*, 10, 27-58.
- Means, G. P. (1968). Eastern Malaysia: The politics of federalism. *Asian Survey*, 8(4), 289-308.
- MySPR Semak. (2023). <https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan/pru>
- Pomper, G. M. (1992). Concepts of political parties. *Journal of Theoretical Politics*, 4(2), 143-159.
- Puyok, A. (2011). Political development in Sabah, 1985–2010: Challenges in Malaysian federalism and ethnic politics. *Les notes de l'Irasec N°9 - Irasec's Discussion Papers #9*. Research Institute on Contemporary Southeast Asia.
https://www.irasec.com/IMG/UserFiles/Files/04_Publications/Notes/Political_Development_in_Sabah-1985_2010.pdf
- Sabah.第15届全国大选-东方日报-2022.(n.d.).
<https://ge15.orientaldaily.com.my/seats/sabah/p>
- Shama, A. (1976). The marketing of political candidates. *Journal of the academy of marketing science*, 4, 764-777.
- Voter Definition & Meaning | Britannica Dictionary. (n.d.).
<https://www.britannica.com/dictionary/voter>
- Warisan Plus Sandakan lancar manifesto bersepadu. (2020, September 16). DAP Malaysia.
<https://dapmalaysia.org/warisan-plus-sandakan-lancarkan-manifesto-bersepadu/>

- Webster, S. W., & Pierce, A. W. (2019). Older, younger, or more similar? The use of age as a voting heuristic. *Social Science Quarterly*, 100(3), 635-652.
- Wikipedia Contributors. (2024, July 25). *Kinabatangan (federal constituency)*. Wikipedia; Wikimedia Foundation. https://en.wikipedia.org/wiki/Kinabatangan_%28federal_constituency%29
- Wolfinger, R. E., & Rosenstone, S. J. (1980). *Who votes?* Yale University Press.
- Wouters, R., & Walgrave, S. (2017). Demonstrating power: How protest persuades political representatives. *American Sociological Review*, 82(2), 361-383.
- Yanai, N. (1999). Why do political parties survive? An analytical discussion. *Party Politics*, 5(1), 5-17.
- Yeo, M. (2022, February 15). Urban Life on the Margins: Segregation in Sandakan and Jesselton, c. 1880s–1930s | The Blog. <https://blog.iias.asia/cosmopolitan-communities/urban-life-margins-segregation-sandakan-and-jesselton-c-1880s-1930s>
- Yusoff, M. A. (1999). The politics of centre-state conflict: The Sabah experience under the ruling Sabah Alliance (1963-1976). *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 26, 1-25.

**EVOLUSI PENDIDIKAN VERNAKULAR CINA DI SARAWAK:
ANALISIS SEJARAH DASAR PENDIDIKAN DAN LAPORAN
PENTADBIRAN, 1841-1963**
***EVOLUTION OF CHINESE VERNACULAR EDUCATION IN SARAWAK:
HISTORICAL ANALYSIS OF EDUCATIONAL POLICY AND
ADMINISTRATIVE REPORT, 1841-1963***

ALLAN LEONARD KHO

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Corresponding Author: allan_leonard_kho_ma20@iluv.ums.edu.my*

Tarikh dihantar: 10 September 2024 \Tarikh diterima: 14 Oktober 2024 \Tarikh diterbit: 31 Disember 2024

DOI: DOI: <https://doi.org/10.51200/ejk.v30i.5838>

ABSTRAK Kepentingan pendidikan kepada masyarakat Cina mampu dibuktikan dengan tertubuhnya sekolah-sekolah Cina yang didirikan serta dibiayai oleh masyarakat Cina sendiri tanpa sedikit pun bantuan daripada kerajaan pemerintah. Satu analisis mengenai dasar pendidikan dan laporan pendidikan di Sarawak dilakukan untuk meninjau sejauh mana signifikan dan kesannya terhadap sekolah rendah vernakular Cina di Sarawak. Pada masa yang sama, penulisan ini juga akan menganalisis perkembangan pendidikan vernakular Cina kesan daripada dasar pendidikan dan laporan pendidikan yang telah dilaksanakan. Dapatan kajian membuktikan pendidikan vernakular Cina di Sarawak sentiasa dipantau dan diberikan perhatian oleh kerajaan pemerintah kerana penggunaan bahasa Mandarin dikatakan boleh membawa ancaman keharmonian kepada Sarawak. Dalam pada itu juga, status sekolah vernakular Cina di Sarawak juga mengalami beberapa perubahan sehingga pembentukan Malaysia 1963. Kajian ini adalah bersifat kualitatif iaitu menggunakan pendekatan sejarah berasaskan laporan-laporan rasmi, dokumen rasmi, surat khabar dan lain-lain sumber sekunder. Kepentingan penulisan ini berupaya untuk memperkenalkan salah satu warisan pendidikan vernakular yang masih kekal di Sarawak.

Kata Kunci: Dasar Pelajaran, Laporan Pendidikan, Sarawak, Sekolah Rendah Vernakular Cina.

ABSTRACT *The importance of education to the Chinese community is proven by the establishment of Chinese schools that are capable and financed by the Chinese community themselves without any help from the government. To assess the degree of relevance and influence on Chinese vernacular primary schools in Sarawak, an analysis of education policy and education report was conducted. This article will also analyze the development of Chinese vernacular education due to the educational policies and education reports that have been implemented. The research findings prove that Chinese vernacular education in Sarawak is always monitored and given special attention by the government because the use of Mandarin is considered a threat to the harmony in Sarawak. Meanwhile, the status of Chinese vernacular schools in Sarawak also experienced several changes until the formation of Malaysia in 1963. This discussion is qualitative in nature, which uses a historical approach and analysis on primary historical documents such as official reports, official documents, newspapers as well as secondary sources. The importance of this writing is trying to introduce one of the vernacular educational heritages that still remain in Sarawak.*

Keywords: *Education Policy, Education Report, Sarawak, Chinese Vernacular Primary School.*

PENGENALAN

Kepentingan pendidikan kepada masyarakat Cina di Sarawak mampu dibuktikan dengan tertubuhnya sekolah-sekolah Cina yang didirikan serta dibiayai oleh masyarakat Cina tanpa sedikit pun bantuan daripada kerajaan. Sejarah pentadbiran negeri Sarawak boleh dikatakan antara aspek yang cukup dinamik untuk dibincangkan. Segala urusan tadbir negeri Sarawak perlulah dinilai bermula dari pentadbiran politiknya kerana ini secara tidak langsung menjadi kayu ukur kepada hala tuju bidang pendidikan negeri Sarawak. Pentadbiran negeri Sarawak dikatakan dinamik kerana tampuk pentadbiran Sarawak telah diperintah oleh beberapa kuasa yang berlainan. Bermula daripada pemerintahan keluarga Brooke, pemerintahan sementara rejim Jepun ketika Perang Dunia Kedua, pentadbiran tentera British (*British Military Administration*- BMA) dan akhir sekali Sarawak dijadikan koloni Inggeris di bawah *British Crown* sebelum menyertai pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Perkembangan bidang pendidikan Sarawak secara keseluruhannya adalah dipengaruhi oleh transisi pemerintahan. Sarawak telah melalui beberapa fasa transisi pemerintahan maka hal ini secara tidak langsung telah memberikan impak besar terhadap perkembangan pendidikan di Sarawak. Pelaksanaan dasar pendidikan mengalami perubahan disebabkan adanya perubahan dasar dan corak pemerintahan di Sarawak. Oleh itu, sedikit banyak menjadikan bidang pendidikan di Sarawak sentiasa mengalami pembaharuan dan penambahbaikan mengikut corak pemerintah yang berbeza. Pendidikan masyarakat Cina antara pendidikan yang sangat terkesan dengan perubahan perkembangan dasar pendidikan yang dijalankan oleh kerajaan pemerintahan. Rentetan daripada itu, makalah ini bertujuan untuk mengesan dasar dan laporan pendidikan yang dilaksanakan oleh kerajaan Sarawak terhadap pendidikan vernakular Cina. Selain itu, penulisan ini juga akan menganalisis kesan dasar pendidikan dan laporan pendidikan terhadap perkembangan pendidikan rendah vernakular Cina.

METODOLOGI

Perbincangan ini adalah berdasarkan analisis kandungan ke atas dokumen-dokumen sejarah yang bersifat primer serta sumber sekunder yang berkaitan. Penelitian ke atas kandungan sumber-sumber primer seperti laporan pendidikan (*Blue Report, Hamond Report, Woodhead Report, Mc Lellan Report, Report of the Inter-Governmental Committee*), rekod kerajaan, akhbar (*Sarawak Gazette*) dan dokumen rasmi kerajaan (Surat Pekeliling Ikhtisas). Selain itu, kajian komparatif turut digunakan ke atas beberapa kajian lepas, artikel jurnal, tesis dan buku yang berkaitan seperti yang disenaraikan dalam rujukan. Analisis kandungan ini hanya akan berfokus kepada fakta-fakta yang mempunyai aspek pendidikan vernakular Cina khususnya pendidikan rendah mengikut peredaran masa dari tahun 1841 hingga 1963.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dasar Pendidikan Keluarga Brooke

Pemerintahan keluarga Brooke merupakan kuasa pemerintahan yang paling lama di Sarawak. Semasa pemerintahan Rajah James Brooke, dasar pemerintahan bersifat tidak bercampur tangan telah diamalkan dan begitu juga dalam bidang pendidikan. Fokus utama pemerintahan James Brooke lebih tertumpu kepada pembangunan politik dan ekonomi memandangkan kedua-dua aspek ini mampu mengukuhkan kedudukannya di Sarawak. Oleh itu, tidak ada satu dasar pendidikan yang jelas mengenai pendidikan orang Cina bahkan pendidikan kaum lain. Justeru, pembangunan pendidikan masyarakat Cina sekadar menubuhkan sekolah persendirian tanpa melibatkan entiti pemerintah. Sukatan pelajaran yang digunakan pula diadaptasikan sepenuhnya dari negara China. Perkara ini memperlihatkan pada zaman awal pemerintahan keluarga Brooke iaitu semasa pentadbiran James Brooke hanya bersikap "melepas tangan" membiarkan masyarakat Cina sendiri mengurus pembangunan pendidikan. (Yeo, 2011)

Semasa pemerintahan Rajah kedua pula, Charles Brooke juga tidak mempunyai satu dasar pendidikan yang jelas terhadap bidang pendidikan masyarakat Cina. Walaupun demikian, kerajaan menggalakkan penubuhan institusi pendidikan yang bersifat vernakular. Galakan ini telah mendorong penubuhan sekolah pendidikan vernakular Cina di seluruh Sarawak. Dari tahun 1912 hingga 1917, sekolah vernakular Cina berkembang dengan cepat, hanya dalam masa enam tahun sahaja Sarawak telah mempunyai 11 buah sekolah rendah vernakular Cina (Ooi Keat Gin, 1994; 507). Kerajaan juga menekankan setiap kumpulan kaum di Sarawak untuk mengekalkan keunikan identiti masing-masing melalui pendidikan yang disesuaikan dengan corak kebudayaan setiap kumpulan etnik. Oleh itu, tidak ada keperluan untuk memperkenalkan sistem kurikulum Barat dan penggunaan bahasa Inggeris. Tujuan ini tentunya ingin mengekalkan pola identiti setiap kaum. Kerajaan beranggapan pengenalan sistem kurikulum Barat akan menimbulkan perselisihan faham dan kerisauan dalam kalangan penduduk Sarawak. Oleh hal yang sedemikian, disarankan agar sistem pendidikan menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar di sekolah (Syed & Santhiram, 1990; 61).

Berkenaan dengan pendidikan Cina pula, Charles Brooke berpandangan bahawa pendidikan Cina seharusnya menggunakan dialek Cina masing-masing sebagai bahasa pengantar di sekolah agar mereka dapat menguasai dialek masing-masing (Van Der Kroef, 1966; Douglas P, 1964). Ketua-ketua masyarakat orang Cina telah digalakkan untuk menubuhkan sekolah bagi generasi baharu yang menggunakan dialek sebagai bahasa pengantar (Ooi, 1994). Di daerah Sibu misalnya, Sekolah Chung Cheng dan Sekolah Chung Hua masing-masing ditubuhkan pada tahun 1906 dan 1907 untuk komuniti Cina berdialek Foochow. Sekolah Min Teck ditubuhkan untuk komuniti Cina berdialek Teochew di Kuching. Sekolah Free Hokkien ditubuhkan pada tahun 1912 untuk komuniti Cina berdialek Hokkien dan begitu juga di Saratok, Sekolah Min Syn ditubuhkan oleh komuniti Cina berdialek Hokkien pada tahun 1919 (Ho, 2012). Pola penubuhan sekolah vernakular terus berkembang sehingga zaman

pemerintahan Charles Vyer Brooke. Sistem pendidikan berpaksikan negara China dan guru-guru serta buku teks juga dibawa masuk dari negara China. Walaupun tidak ada campur tangan dan dasar pendidikan yang jelas namun kerajaan tetap risau mengenai pendidikan masyarakat Cina khususnya berkenaan dengan pendekatan yang digunakan untuk mengajar dialek di sekolah-sekolah vernakular Cina (The Sarawak Gazette, 1871; Ooi, 1994).

Penubuhan Jabatan Pelajaran Sarawak 1924

Selepas pemerintahan Charles Brooke, pentadbiran negeri Sarawak diambil alih oleh pewaris seterusnya iaitu Charles Vyner Brooke. Era pentadbiran Charles Vyner Brooke dilihat telah banyak membawa perubahan terhadap pembangunan pendidikan vernakular Cina. Salah satu usaha yang signifikan kerajaan terhadap sektor pendidikan Sarawak iaitu memperkenalkan Jabatan Pelajaran Sarawak (Syed & Santhiram, 1990; 69). Jabatan Pelajaran Sarawak ditubuhkan pada tahun 1924. Penubuhan jabatan ini memberikan lonjakan baharu kepada pembangunan bidang pendidikan Sarawak dan memberikan keyakinan bahawa kerajaan mula mengambil berat mengenai isu-isu pendidikan. Fungsi Jabatan Pelajaran Sarawak ini bukanlah bertindak sebagai badan penggubal sistem kurikulum sekolah tetapi hanya merupakan sebuah platform pentadbiran bagi penyeliaan dan mengawal pertumbuhan sekolah-sekolah yang semakin meningkat setiap tahun khususnya sekolah vernakular Cina. Registration of Schools 1924 di bawah Order No. LX telah diperkenalkan oleh Jabatan Pelajaran Sarawak. Peraturan ini bertujuan untuk mewajibkan semua sekolah yang ditubuhkan sebelum Januari tahun 1925 dan tahun-tahun selepasnya perlu didaftarkan di bawah Jabatan Pelajaran Sarawak (The Sarawak Government Gazette, 1924). Kerajaan mula menggesa semua sekolah khususnya sekolah yang bersifat persendirian seperti sekolah vernakular Cina untuk mendaftar di bawah Jabatan Pelajaran Sarawak bagi memudahkan proses penaziran dan pemeriksaan dilakukan. Proses penaziran yang dilaksanakan meliputi semua aspek yang melibatkan keseluruhan tadbir urus sekolah seperti pemeriksaan tahap kesihatan dan kebersihan, penilaian penggunaan buku-buku teks, rekod kewangan dan rekod sekolah, rekod kehadiran murid serta tahap pengawalan disiplin sekolah (Syed & Santhiram, 1990; 69).

Undang-Undang Order No. LVII (Peraturan Larangan Pengajaran Bahasa Mandarin)

Situasi pasca Perang Dunia Pertama telah memberikan tekanan kepada Jabatan Pelajaran Sarawak kerana pertumbuhan sekolah vernakular Cina di Sarawak lebih pesat jika dibandingkan dengan sekolah vernakular yang lain. Peningkatan jumlah ini berpunca daripada penyebaran semangat nasionalisme China dan kesan daripada Revolusi China 1911 yang mula tersebar luas ke wilayah Nanyang. Di Tanah Melayu misalnya, sekolah vernakular Cina mula dijadikan sebagai sasaran untuk penyebaran unsur-unsur subversif ajaran Kuomintang dan memupuk semangat nasionalisme China. Situasi sama turut berlaku di Sarawak, kegiatan penyebaran nasionalisme China mula dikesan di sekolah rendah vernakular Cina. Pasca Perang Dunia Pertama telah memperlihatkan sebilangan kecil sekolah rendah vernakular Cina mula memperkenalkan dan mengajar bahasa Mandarin atau 国语Guo-yu sebagai salah satu mata pelajaran. Bukan itu sahaja, sekolah-sekolah ini turut menggantikan penggunaan bahasa

pengantar di sekolah daripada dialek kepada bahasa Mandarin. Kegiatan pengajaran dan penggunaan bahasa Mandarin sebagai mata pelajaran dan bahasa pengantar berjaya dikesan oleh Jabatan Pelajaran Sarawak. Satu perkara yang perlu difahamkan adalah kerisauan sebenar kerajaan mengenai bahasa Mandarin adalah ia berupaya menyatukan masyarakat Cina yang terdiri daripada pelbagai dialek untuk bangkit bersama dan mengancam keamanan Sarawak.¹ Keadaan semakin serius apabila sekolah rendah vernakular Cina mula menggunakan lagu kebangsaan China serta buku teks cetakan keluaran penerbitan dari wilayah Shanghai yang dikatakan hasil penulisan daripada para revolusioner China (Yeo, 2012).

Oleh yang demikian, usaha untuk mengekang penularan penggunaan bahasa Mandarin perlu difikirkan segera. Pada tahun 1924, kerajaan mengambil langkah yang tegas dengan mengeluarkan undang-undang Order No. LVII iaitu peraturan larangan pengajaran bahasa Mandarin di sekolah vernakular Cina. Peraturan ini mula dikuatkuasakan pada Januari 1925 (The Sarawak Gazette, 1924; 450). Ironinya, selepas setahun pelaksanaan undang-undang Order No. LVII, kerajaan mendapati bahawa risiko bahasa Mandarin sebagai medium penyebaran propaganda Komunis tidaklah begitu serius di Sarawak. Melihat kepada situasi penggunaan bahasa Mandarin di Sarawak yang masih lagi dalam keadaan yang terkawal maka kerajaan bertindak menarik semula undang-undang Order No. LVII. Meskipun undang-undang Order No. LVII telah ditarik semula oleh kerajaan tetapi Jabatan Pelajaran Sarawak tetap melakukan pengawasan ketat terhadap perkembangan sekolah vernakular Cina. Ini disebabkan oleh sekolah vernakular Cina lebih bersifat persendirian dan segala hal-ehwal pentadbiran sekolah dikawal selia oleh Lembaga Pengurusan Sekolah atau 校董 xiao-dong yang ditubuhkan khas oleh sekolah itu sendiri. Lembaga pengurusan tersebut disokong oleh persatuan orang Cina masing-masing membuatkan kerajaan masih berwaspada terhadap ancaman nasionalisme yang berlaku di China.

Pemantauan ketat yang dilakukan oleh Jabatan Pelajaran Sarawak terhadap sekolah vernakular Cina juga disebabkan isu lambakan murid di sekolah rendah vernakular Cina sehinggakan proses pembelajaran berlangsung dengan tidak kondusif. Ekoran daripada permasalahan ini, Jabatan Pelajaran Sarawak telah mengeluarkan pekeliling baharu iaitu semua sekolah vernakular Cina sama ada peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah perlu didaftarkan di bawah Jabatan Pelajaran Sarawak. Tindakan ini mampu mengawal pengurusan sekolah ke arah yang lebih bersistematik serta mengatasi isu lambakan murid. Sebelum ini, di bawah peraturan Registration of Schools 1924 sebilangan kecil sahaja sekolah vernakular Cina yang didaftarkan. Keadaan ini menyukarkan kerajaan melakukan penyeliaan terhadap sekolah vernakular Cina kerana angka sekolah enggan mendaftar masih terlalu tinggi. Bagi meningkatkan angka sekolah vernakular Cina yang mendaftar, Jabatan Pelajaran Sarawak telah mengeluarkan inisiatif bersyarat bahawa sekiranya sekolah vernakular Cina ingin mendapat dana kewangan kerajaan maka sekolah-sekolah ini hendaklah mendaftar di bawah Jabatan

¹ Sekiranya dinilai sebagai dasar yang diperkenalkan oleh Charles Brooke iaitu pengekalan penggunaan dialek masing-masing sebagai bahasa pengantar di sekolah vernakular Cina, adalah bertujuan untuk segregasi orang Cina mengikut pecahan dialek masing-masing. Kerajaan Brooke cuba untuk mengelakkan orang Cina bersatu daripada menjadi satu kelompok yang dominan di Sarawak.

Pelajaran Sarawak serta mengajar mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah. Walau bagaimanapun, seruan Jabatan Pelajaran Sarawak ini tidak mendapat sambutan.

Bermula tahun 1930an, krisis ekonomi yang dihadapi oleh kerajaan telah menyebabkan Jabatan Pelajaran Sarawak tidak lagi bertanggungjawab terhadap penyeliaan dan pengawasan sekolah vernakular Cina. Tugas ini telah diambil alih oleh Badan Setiausaha Hal-Ehwal Orang-orang Cina (Government Secretary for Chinese Affairs) (Sarawak Administration Report For 1929; 55).² Badan ini bertanggungjawab melakukan penyeliaan terhadap semua sekolah vernakular Cina. Beberapa peraturan larangan telah dilaksanakan oleh badan tersebut dan bertindak menyenarai-hitamkan buku-buku yang diharamkan sebagai buku teks sekolah. Sekiranya terdapat sekolah yang gagal mematuhi peraturan ini, maka akan dikenakan tindakan tegas atau diarahkan tutup beroperasi (The Sarawak Gazette, 1930; 229). Badan Setiausaha Hal-Ehwal Orang-orang Cina dilihat telah melaksanakan beberapa langkah proaktif terhadap sistem pendidikan vernakular Cina supaya intipati pendidikan Cina lebih berpaksikan konteks Sarawak. Contohnya pada tahun 1931, badan ini telah menerbitkan sebuah buku teks sejarah Sarawak dalam bahasa Mandarin untuk kegunaan sekolah vernakular Cina. Pada tahun 1938 pula, syarat kemasukan profesion perguruan telah dilonggarkan kepada orang Cina kelahiran Sarawak. Usaha-usaha ini adalah untuk mengurangkan kebergantungan penggunaan buku teks dan khidmat guru-guru dari negara China.

Perkembangan Undang-Undang Registration of Schools 1924

Pada tahun 1930, undang-undang Registration of Schools 1924 telah disemak semula oleh kerajaan dan melakukan beberapa pindaan baharu. Peraturan-peraturan baharu banyak menyentuh mengenai isu pengurusan bangunan, kemudahan dan keselamatan sekolah serta taraf kebersihan sekolah. Melalui pindaan ini, kerajaan telah menggesa sekolah vernakular Cina mematuhi segala peraturan baharu ini dengan meningkatkan kemudahan dan tahap keselamatan sekolah supaya keselamatan dan keselesaan warga sekolah terjamin. Walau bagaimanapun, pindaan baharu ini tidak mendapat sambutan. Hal ini demikian kerana sebahagian besar peruntukan yang diperlukan adalah menggunakan dana daripada tabung dana Lembaga Pengurusan Sekolah bukannya peruntukan kerajaan. Kebanyakan Lembaga Pengurusan Sekolah menghadapi tekanan kewangan kerana terpaksa mengeluarkan sejumlah dana untuk membaiki pulih bangunan sekolah. Dalam pindaan peraturan baharu undang-undang Registration of Schools 1924, kerajaan juga bertindak memantau pengurusan sekolah dari segi pengambilan guru, buku teks dan pelaksanaan cuti persekolahan. Segala urusan mengenai cuti tahunan dan pembinaan sekolah baharu perlulah mendapatkan kelulusan daripada pengarah Jabatan Pelajaran Sarawak terlebih dahulu (Order No. LX 1924 Registration of Schools, No.

² Krisis kemelesetan ekonomi dunia berlaku pada tahun 1929 hingga tahun 1933 memberikan kesan kepada ekonomi Sarawak. Jawatan pengarah pendidikan terpaksa dimansuhkan. Pemansuhan jawatan ini secara tidak langsung telah mengubah pengurusan sekolah-sekolah di Sarawak. Sebelum ini, semua sekolah diselia oleh Jabatan Pelajaran Sarawak namun selepas krisis ekonomi, kerajaan terpaksa menyerahkan soal pengurusan sekolah kepada badan-badan yang telah dilantik khas. Misalnya, sekolah *Mission* diuruskan oleh residen-residen bahagian. Sekolah vernakular Cina diambil alih oleh bahagian Urusetia Hal-Ehwal Orang-orang Cina manakala sekolah vernakular Melayu dan Dayak dikendalikan oleh Setiausaha Hal Ehwal Anak Negeri.

264). Pemantauan yang ketat ini hanyalah tertakluk kepada sekolah vernakular Cina sahaja. Melalui usaha ini, kerajaan mampu mengawal isu penyalahgunaan kuasa dalam pengurusan Lembaga Pengurusan Sekolah. Berdasarkan pindaan baharu undang-undang Registration of Schools 1924, kerajaan telah melampirkan panduan pelaksanaan kurikulum di sekolah vernakular Cina. Kerajaan menyarankan pihak sekolah memasukan mata pelajaran sampingan selain daripada bahasa Mandarin. Contohnya mata pelajaran bahasa Inggeris, pengetahuan mengenai Sarawak, Asia, Eropah dan Geografi perlu diajar. Usaha ini juga antara inisiatif kerajaan mengurangkan nilai sentimental dan kebergantungan terhadap negara asal (China) dalam kalangan generasi muda.

The Blue Report 1935

Semasa pemerintahan Charles Vyner Brooke, terdapat dua laporan pendidikan yang signifikan kepada perkembangan pendidikan di Sarawak iaitu The Blue Report 1935 dan Laporan Hammond 1936. Pada tahun 1934, Kapten Le Gros Clark telah dilantik oleh kerajaan untuk melakukan penyemakan mengenai sistem pendidikan Sarawak. Ini merupakan penyemakan rasmi yang pertama dilaksanakan oleh kerajaan terhadap sistem pendidikan Sarawak (Blue Report, 1935). Berdasarkan The Blue Report 1935, diperakui bahawa masalah-masalah pendidikan yang berlaku adalah berpunca daripada ketiadaan satu dasar pendidikan yang bersifat menyeluruh. Tindakan kerajaan sebelum ini menutup Jabatan Pelajaran Sarawak dan pengasingan sistem pengurusan sekolah-sekolah kepada perbadanan yang berasingan. Melihat kepada sistem pengurusan berasingan ini, The Blue Report telah mencerakinkan penyemakan pendidikan di Sarawak kepada tiga aspek utama iaitu pendidikan Mission, pendidikan Melayu, pendidikan Cina. Secara keseluruhannya, The Blue Report 1935 tidak menyentuh banyak mengenai pendidikan orang Cina. Sebaliknya hanya mencadangkan agar tanggungjawab penyeliaan dan pengurusan sekolah vernakular Cina dikekalkan di bawah Setiausaha Hal-Ehwal Orang-orang Cina memandangkan pembangunan sekolah vernakular Cina berkembang dengan baik. Dari segi kurikulum sekolah, ia juga menepati keperluan orang Cina dan tidak menimbulkan masalah besar. Cumanya mencadangkan agar kawalan yang lebih ketat mengenai proses penapisan buku-buku teks dan menggalakkan pengambilan guru-guru dari kalangan masyarakat Cina tempatan. Inisiatif ini mampu mengurangkan bilangan kemasukan guru-guru dari negara China.

Laporan Hammond 1936

Selepas The Blue Report 1935, seterusnya kerajaan melantik R.W. Hammond untuk mengkaji sistem pendidikan di Sarawak (The Sarawak Gazette, 1971; 74). Penilaian dan penyemakan daripada R.W. Hammond lebih terperinci berbanding The Blue Report 1935. Berdasarkan laporan Hammond, penekanan diberikan terhadap peranan kerajaan dalam bidang pendidikan dan mencadangkan Jabatan Pelajaran Sarawak ditubuhkan semula. Dalam pada itu, turut dikenalpasti masalah utama yang berlaku di sekolah vernakular Cina ialah isu pertukaran guru yang terlalu kerap sehingga menjejaskan proses pengajaran. Masalah ini berpunca daripada rombakan tahunan Lembaga Pengurusan Sekolah. Oleh kerana Lembaga Pengurusan Sekolah mempunyai autonomi terhadap pelantikan guru-guru maka tidak hairanlah masalah pertukaran

guru di sekolah adalah menjadi satu kebiasaan selepas rombakan jawatankuasa Lembaga Pengurusan Sekolah dilakukan.

Dari segi sistem kurikulum, laporan ini mencadangkan perlu perubahan dalam sistem kurikulum yang sedia ada. Pertama adalah menyentuh isu penggunaan bahasa pengantar di semua sekolah. Mekanisme cadangan ialah empat tahun pertama pendidikan rendah kanak-kanak perlu menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar (Hammond, 1937). Kanak-kanak hendaklah diajar dalam bahasa ibunda masing-masing iaitu bahasa Melayu, dialek untuk kanak-kanak Cina, Dayak Laut, Dayak Darat dan bahasa-bahasa lain seperti Kayan dan Kenyah (sekiranya sekolah tersebut mampu mengajar bahasa ini). Selepas daripada empat tahun pertama pendidikan, peringkat seterusnya bahasa pengantar perlu diubah kepada bahasa Melayu bagi sekolah-sekolah vernakular Melayu dan Dayak; Sekolah Mission diberi pilihan sama ada penggunaan bahasa iaitu bahasa Inggeris, bahasa Melayu ataupun bahasa Mandarin. Bahasa pengantar bagi sekolah vernakular Cina pula sama ada bahasa Mandarin ataupun bahasa Inggeris. Berkenaan dengan pengajaran mata pelajaran bahasa Inggeris pula, dicadangkan untuk mengurangkan tahap kesukaran silibus dan dipermudahkan intipati pengajaran agar memudahkan pemahamannya.

Cadangan yang kedua adalah mengenai mata pelajaran yang akan diajar semasa empat tahun pertama sekolah rendah. Pada peringkat ini sukatan pelajaran perlu merangkumi kemahiran asas 3M (membaca, mengira dan menulis), mata pelajaran Pengajian Alam Pengkebuman, Pertukangan kayu dan Pertukangan Tangan, Latihan Jasmani, Lukisan dan Nyanyian (Hammond, 1937). Dalam Laporan Hammond, mata pelajaran bahasa Melayu diwajibkan di semua jenis aliran sekolah. Mata pelajaran lain seperti bahasa Inggeris, Sains Am Rendah, Sejarah dan Geografi juga dicadangkan untuk mula diajar di peringkat sekolah rendah lagi. Aspek penggunaan buku teks juga ditekankan dalam Laporan Hammond 1936. Kerajaan diseru untuk berusaha menulis dan menerbitkan buku teks sejarah dan geografi khas untuk Sarawak bagi kegunaan semua sekolah. Langkah ini penting untuk memupuk semangat taat setia terhadap Sarawak. Sebagai langkah sementara, buku-buku teks dari Hindia Timur Belanda akan diubah suai untuk keperluan Sarawak. (Hammond, 1937)

Dasar Pendidikan Koloni British

Setelah tamatnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1945, pemerintahan Sarawak telah diambil alih oleh kerajaan British dan menjadi koloni British di bawah pemerintahan British Crown. Bidang pendidikan merupakan fokus utama proses pemulihan selepas perang. Ini kerana kebanyakan sekolah-sekolah telah dimusnahkan ketika tempoh perang. Keadaan sekolah yang musnah teruk menyebabkan kerajaan British mengambil langkah segera untuk memulihkan bidang pendidikan. Ekoran permintaan pendidikan semakin mendesak selepas perang, kerajaan British terpaksa merangka beberapa inisiatif baharu bagi memenuhi keperluan penduduk Sarawak. Majlis Tempatan telah ditubuhkan pada tahun 1948 (Syed & Santhiram, 1990; 123). Matlamatnya adalah menguruskan sistem pendidikan di samping mendidik masyarakat ke arah lebih berdikari dalam bidang pendidikan. Bagi kerajaan British, penubuhan Majlis Tempatan

merupakan langkah pertama mendidik anggota masyarakat menuju ke arah berkerajaan sendiri. Melalui penubuhan Majlis Tempatan, anggota masyarakat mampu bergiat aktif dalam bidang pendidikan.

Lembaga Tempatan diwujudkan di bawah Majlis Tempatan bagi mengambil alih tanggungjawab terhadap pendidikan rendah di daerah masing-masing. Pengurusan kewangan sekolah juga diletakkan di bawah pengurusan Lembaga Tempatan. Menerusi lembaga ini, anggota masyarakat diberi peluang untuk menyertai bersama untuk mencari penyelesaian terhadap masalah yang timbul di sekolah masing-masing. Tindakan ini membolehkan anggota masyarakat menentukan rentak kemajuan pendidikan anak-anak. Salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan British melalui Lembaga Tempatan adalah pengurusan perbelanjaan sekolah. Jabatan Pelajaran Sarawak ditubuhkan semula akan melakukan pembiayaan peruntukan melalui bantuan geran (Grants-in-aid) kepada sekolah-sekolah di bawah Lembaga Tempatan. Peruntukan dana tersebut akan diagihkan kepada badan-badan terlibat seperti Lembaga Pengurusan Sekolah (sekolah vernakular Cina) dan agen Mission (sekolah Inggeris). Namun begitu, kerajaan British tetap menggalakkan bantuan kewangan tambahan disokong melalui kutipan derma dan bantuan dana masyarakat setempat melalui kaedah self-help iaitu “tolong diri”.

Pelaksanaan dasar self-help adalah untuk mengatasi krisis kewangan pasca perang. Kerajaan British sendiri menghadapi masalah kewangan selepas Perang Dunia Kedua dan berada dalam fasa pemulihan ekonomi maka difikirkan bahawa rakyat juga seharusnya bekerjasama dalam memajukan bidang pendidikan. Kerajaan British menggalakkan anggota masyarakat menjana sumber kewangan sendiri untuk pengurusan sekolah agar mengurangkan sifat kebergantungan terhadap kerajaan. Kejayaan dasar self-help ini dibuktikan apabila bilangan sekolah yang ditubuhkan semakin meningkat menjelang tahun 1950an malahan sekolah-sekolah yang ditubuhkan lengkap dengan prasarana dan semuanya adalah hasil daripada sumbangan dana penduduk setempat di daerah masing-masing. Walaupun sekolah vernakular Cina tidak dikelola secara langsung oleh Lembaga Tempatan namun sekolah-sekolah vernakular Cina ini turut mengaplikasikan dasar self-help untuk mendapatkan dana bagi memajukan sekolah mereka. Salah satu perubahan yang kerajaan British lakukan dalam bidang pendidikan adalah memandang serius mengenai kepentingan pengajaran bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah. Bahasa Inggeris mula dimasukkan dalam sukatan kurikulum dan diajar di semua sekolah sebagai salah satu mata pelajaran (Ooi, 1990). Dari segi aspek bahasa pengantar pula, kerajaan British meneruskan dasar pemerintahan terdahulu iaitu membenarkan sekolah-sekolah menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar termasuk sekolah vernakular Cina.

Selain daripada itu, kerajaan British menerusi Jabatan Pelajaran Sarawak telah mengemukakan cadangan mengenai peraturan had umur maksimum untuk kemasukan sekolah-sekolah rendah dan menengah. Peraturan had umur maksimum dicadangkan disebabkan oleh timbul masalah kenaikan darjah di sekolah rendah. Kes sedemikian kebanyakannya berlaku di sekolah vernakular Cina. Berdasarkan tinjauan tahunan Jabatan Pelajaran Sarawak (Sarawak Education Department Triennial Survey 1955-1957), kerajaan British mendapati murid-murid

sekolah rendah vernakular Cina terpaksa mengambil masa lapan hingga sembilan tahun untuk menghabiskan pendidikan di peringkat sekolah rendah sahaja. Situasi ini berlaku disebabkan sekolah vernakular Cina amat menekankan pencapaian cemerlang sebelum dibenarkan seseorang murid untuk naik darjah yang seterusnya. Oleh hal yang demikian, cadangan untuk melaksanakan sistem kenaikan darjah secara automatik setiap tahun telah dikemukakan dan berjaya diluluskan oleh kerajaan serta mula berkuatkuasa sepenuhnya pada tahun 1957. Peraturan ini akhirnya berjaya menyelesaikan isu kenaikan darjah murid di sekolah rendah vernakular Cina dan sekaligus dapat mengatasi isu lambakan murid.

Laporan Woodhead 1955

Pendidikan di Sarawak mengalami perkembangan yang pesat selepas kerajaan memperkenalkan Lembaga Tempatan untuk memajukan pendidikan selepas perang. Walau bagaimanapun, kemajuan sekolah vernakular Cina jauh lebih ke hadapan berbanding sekolah-sekolah aliran yang lain. Melihat kepada perbezaan ini, kerajaan British telah menjemput E.W. Woodhead untuk mengkaji kelemahan sistem pendidikan di Sarawak. Laporan Woodhead 1955 banyak melaporkan isu-isu berkaitan peruntukan geran sekolah, struktur kurikulum sekolah rendah dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang tidak efisien. Antara ulasan yang dikemukakan dalam Laporan Woodhead 1955 ialah penekanan kepada penggunaan bahasa Inggeris.

Bahasa Inggeris dicadangkan sebagai *lingua franca* utama dalam sistem pendidikan Sarawak. Bagi memulakan langkah tersebut, bahasa Inggeris hendaklah dijadikan sebagai bahasa pengantar mulai tahun pertama (tingkatan satu) di semua sekolah menengah termasuklah sekolah vernakular Cina. Salah satu ulasan kontroversi Woodhead dalam laporan tersebut adalah menyatakan pendidikan orang Cina ketika itu tidak mempunyai masa depan yang cerah disebabkan mereka enggan menerima bahasa lain selain penggunaan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar. Sikap ini mengakibatkan mereka tidak mengikut rentak kemajuan dunia Barat sedangkan pada masa akan datang bahasa Inggeris akan lebih berguna berbanding bahasa Mandarin kerana ia digunakan sebagai bahasa untuk kemajuan dan mendapatkan pekerjaan (Report upon Financing of Education and Condition of Service in the Teaching Profession in Sarawak, 1955). Bagi Woodhead, sekolah vernakular Cina hanya sekadar berfungsi sebagai platform meneruskan legasi kebudayaan orang Cina sahaja. Berdasarkan kritikan ini, orang Cina menentang hebat dan menolak Laporan Woodhead 1955. Meskipun terdapat kritikan hebat berkaitan dengan penggunaan bahasa Mandarin dalam Laporan Woodhead 1955, namun kerajaan tetap membenarkan sekolah vernakular Cina meneruskan penggunaan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar (Report upon Financing of Education and Condition of Service in the Teaching Profession in Sarawak, 1955). Dalam perkara ini Woodhead masih lagi memelihara hubungan baik kerajaan British dengan orang Cina kerana faktor kebergantungan dan kepentingan mereka dalam sektor ekonomi.

Dalam Laporan Woodhead 1955 turut menyentuh peranan Lembaga Pengurusan Sekolah di sekolah vernakular Cina. Masalah utama yang dikesan oleh Woodhead mengenai

organisasi ini ialah mereka memiliki hak autonomi dalam pengurusan sekolah. Laporan Hammond 1936 terdahulu juga telah menegaskan permasalahan ini dan mengkritik kekuasaan Lembaga Pengurusan Sekolah yang melampau. Isu yang dikesan oleh Woodhead ialah organisasi ini mempunyai masalah ketelusan dari segi pengurusan iaitu ketirisan dan pelantikan guru-guru serta guru besar sesebuah sekolah. Pelantikan guru-guru kebiasaannya daripada kalangan keluarga anggota organisasi Lembaga Pengurusan Sekolah bahkan lembaga ini mempunyai kuasa untuk memecat guru-guru bila-bila masa sekiranya tidak mencapai kualiti yang dikehendaki. Lembaga Pengurusan Sekolah memiliki autonomi yang terlalu besar sehinggakan melebihi batas dan mempengaruhi skop tugas guru-guru. Oleh itu, dalam Laporan Woodhead 1955 menggesa permasalahan ini perlu diselesaikan segera oleh kerajaan British agar mengurangkan isu ketirisan di sekolah vernakular Cina.

Masalah agihan geran yang tidak seimbang juga antara isu berbangkit dalam Laporan Woodhead 1955. Sebagai contoh, sekolah-sekolah Mission dan sekolah vernakular Cina mendapat peruntukan geran lebih banyak berbanding sekolah aliran bumiputera. Pada tahun 1953, peruntukan keseluruhan geran kerajaan dalam bidang pendidikan berjumlah \$2 047 529. Sekolah-sekolah Mission telah membelanjakan sebanyak \$1 000 000 manakala sekolah vernakular Cina pula membelanjakan sebanyak \$2 280 000. Kedua-duanya telah menggunakan dana melebihi daripada jumlah peruntukan sebenar. Woodhead menyeru kerajaan mewujudkan satu sistem pembiayaan yang lebih teratur dan telus. Cadangan penyelesaian adalah dengan pemberian geran modal yang lebih diperketatkan. Nilai geran modal untuk kos pembangunan dan pembaikan sekolah serta pembelian alat-alat pembaikan adalah bergantung kepada kemampuan semasa kerajaan. Selain itu, Jabatan Pelajaran Sarawak juga memainkan peranan penting dengan hanya boleh meluluskan geran tidak melebihi 50% daripada jumlah kos pembangunan atau penyelenggaraan sekolah. Cadangan penyelesaian ini mampu mengawal perbelanjaan sekolah Mission dan sekolah vernakular Cina.

Oleh hal yang demikian, kerajaan mengambil inisiatif mewujudkan satu geran khas iaitu The Grand Code 1956 dan telah diluluskan oleh Gabenor Sarawak pada bulan Oktober 1955. The Grand Code 1956 adalah untuk mengagihkan peruntukan geran yang lebih efisien dan memperlawa semua sekolah membuat permohonan bagi mendapatkan geran-geran di bawah The Grand Code 1956 ini (The Sarawak Gazette, 1955; 186). Terdapat dua bentuk geran yang ditawarkan oleh kerajaan iaitu peruntukan untuk perbelanjaan pengurusan sekolah dan peruntukan perbelanjaan pembinaan dan penyelenggaraan bangunan sekolah (The Sarawak Gazette Part II, 1955). Hanya sekolah yang memenuhi syarat permohonan yang ditetapkan akan diluluskan. Pada akhir tahun 1955, hampir semua sekolah di Sarawak telah membuat permohonan geran tersebut. Kerajaan telah menetapkan syarat bahawa mana-mana sekolah yang menerima peruntukan geran ini hendaklah melaksanakan kutipan yuran di sekolah berkenaan berdasarkan kadar yang ditetapkan oleh kerajaan. Sebelum ini, agensi Mission, Lembaga Tempatan dan Lembaga Pengurusan Sekolah bebas menetapkan kadar yuran di sekolah masing-masing. Setelah pelaksanaan The Grand Code 1956, Jabatan Pelajaran Sarawak telah membuat penetapan dan menyelaraskan yuran persekolahan mengikut kadar-kadar tertentu (The Sarawak Gazette, 1955; 186). Usaha sedemikian berjaya mengurangkan kadar yuran yang tinggi (berbeza mengikut sekolah) dan meningkatkan bilangan murid yang

mendaftar. Pelaksanaan The Grand Code 1956 bukan sahaja memberi kesan baik secara keseluruhan kepada sistem pendidikan malahan kebajikan tenaga pengajar. Warga pendidik kini mula menerima gaji yang lebih baik dan perkhidmatan mereka lebih terjamin.

Impak pelaksanaan The Grand Code 1956 menyebabkan peratusan kemasukan murid-murid ke sekolah rendah semakin meningkat. Apabila jumlah kemasukan ini semakin meningkat, kerajaan mula berhadapan dengan masalah baharu iaitu tanggungan yang bakal dihadapi oleh sekolah menengah dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang. Kerisauan ini telah mengundang kerajaan untuk melakukan semakan mengenai sistem kenaikan darjah di peringkat sekolah rendah dan sistem kemasukan sekolah menengah. Sistem kenaikan darjah yang sedia ada masih mempunyai beberapa kelompangan menyebabkan murid-murid lepasan sekolah rendah terpaksa berebut mendapatkan tempat di sekolah menengah kelak. Kelayakan untuk memasuki sekolah menengah adalah berdasarkan peperiksaan semasa di peringkat sekolah rendah. Hanya murid-murid yang lulus peperiksaan sahaja yang dibenarkan untuk memasuki sekolah menengah manakala bagi yang gagal pula terpaksa mengulang darjah dan menduduki semula peperiksaan. Peraturan ini mendatangkan kesan kepada prestasi murid dan sekolah malahan kerajaan terpaksa menanggung kos perbelanjaan lebih bagi melaksanakan peperiksaan semula.

Laporan Mc Lellen 1960

Rentetan daripada isu yang berlaku terhadap sistem kenaikan darjah ke sekolah menengah, David Mc Lellen telah dijemput oleh kerajaan British pada tahun 1960 bagi mengkaji semula sistem pendidikan. David Mc Lellen merupakan penasihat pendidikan Pesuruhanjaya Tinggi United Kingdom di Asia Tenggara (Singapura). Secara amnya laporan Mc Lellen banyak menfokuskan permasalahan yang berlaku di peringkat sekolah menengah berbanding sekolah rendah. Tidak banyak cadangan penambahbaikan untuk sistem pendidikan sekolah rendah. Berdasarkan laporan Mc Lellen, wujud cadangan untuk mengehendkan umur kemasukan ke sekolah rendah iaitu 6-12 tahun (D. Mc Lellen, 1959; 50). Mc Lellen turut bersetuju dengan dasar kerajaan yang menetapkan syarat kenaikan darjah secara automatik seperti yang dicadangkan oleh Jabatan Pelajaran pada tahun 1958.

Walaupun Mc Lellen lebih banyak menganalisis sistem pendidikan sekolah menengah, laporan beliau juga menyentuh berkaitan dengan pendidikan masyarakat Cina secara keseluruhannya. Empat kelemahan major yang dihadapi oleh sekolah vernakular Cina berjaya dikesan. Pertama, sekolah vernakular Cina bersifat terasing iaitu *Purely Communal School*. Situasi ini seolah-olah orang Cina mengasingkan anak-anak mereka bergaul dengan kaum lain dan hanya membesar dalam suasana sesama orang Cina sendiri. Tidak ada elemen pergaulan bersama kaum lain dalam corak hidup bermasyarakat. Kedua pula adalah masalah sukatan pelajaran yang terlampau berpaksikan negara China. Perkara ini merangkumi soal penggunaan buku teks dan mata pelajaran seperti Sejarah dan Geografi yang menekankan konteks negara China berbanding Sarawak. Permasalahan ini cenderung meningkatkan semangat nasionalisme Cina dan kesetiaan kepada negara China. Walaupun isu sukatan pelajaran dan penggunaan buku

teks Cina di sekolah vernakular Cina telah dibangkitkan dalam laporan-laporan pendidikan sebelum ini namun tetap tidak ada tindakan daripada pihak kerajaan. Sebahagian besar sekolah vernakular Cina masih lagi mengunapakaikan buku teks China di sekolah.

Kelemahan seterusnya ialah kurikulum sekolah vernakular Cina disifatkan tidak hadapan. Persoalan yang ingin diketengahkan dalam Laporan Mc Lellen 1960 ialah sekolah vernakular Cina masih mempunyai kesedaran rendah mengenai kepentingan bahasa Inggeris. Beliau melihat bahawa murid-murid lepasan sekolah vernakular Cina mempunyai peluang yang tipis untuk terus berkembang dalam bidang pekerjaan di Sarawak (D. Mc Lellen, 1959; 50). Perkara ini tentunya berhubung kait dengan seruan kerajaan British mempromosikan pengajaran bahasa Inggeris secara meluas di Sarawak termasuklah di sekolah vernakular Cina. Kelemahan terakhir yang dihadapi oleh sekolah vernakular Cina adalah kelemahan dari segi kualiti tenaga pengajar. Sekolah vernakular Cina berhadapan dengan masalah kualiti guru berbanding sekolah-sekolah yang lain. Guru-guru yang ditawarkan untuk mengajar di sekolah kebanyakannya tidak mempunyai latihan perguruan dan ini akan mengakibatkan sistem pendidikan Cina kurang berkualiti dan lemah (D. Mc Lellen, 1959; 50). Terdapat satu cadangan Mc Lellen yang sangat signifikan terhadap sekolah vernakular Cina iaitu beliau bersetuju sekiranya kerajaan memberikan peruntukan geran kepada sekolah vernakular Cina tetapi kerajaan hendaklah meletakkan syarat kepada sekolah tersebut untuk menukar bahasa pengantar kepada bahasa Inggeris secara berperingkat. Bahasa Mandarin hanya sekadar diajar sebagai bahasa kedua di sekolah. Sekolah vernakular Cina yang telah bersetuju terhadap pengaturannya ini perlu mengubah status sekolah daripada sekolah persendirian (Private School) kepada status sekolah bantuan. Sebaliknya, bagi sekolah yang tidak layak menerima peruntukan geran kerajaan dan menolak syarat penukaran bahasa pengantar akan kekal dengan status sekolah sebagai sekolah persendirian (Syed & Santhiram, 1990; 158).

Dikatakan sekolah-sekolah vernakular Cina yang terdesak memerlukan dana geran untuk kelangsungan sekolah pastinya akan menerima peruntukan geran kerajaan dan terpaksa terima syarat penukaran bahasa pengantar. Langkah ini bertujuan untuk kerajaan mengawal perkembangan semangat nasionalisme orang Cina terhadap negara China. Apabila semakin banyak sekolah vernakular Cina menjadi penerima peruntukan geran kerajaan maka secara tidak langsung kerajaan British berupaya mengawal hala tuju sekolah ini kerana ia tidak lagi berstatus sekolah persendirian sebaliknya menjadi sekolah bantuan kerajaan. Secara keseluruhannya, Laporan Mc Lellen 1960 sedikit banyak telah digunakan sebagai panduan untuk penggubalan Akta Pendidikan Sarawak pada tahun 1961.³

Sepanjang pentadbiran kerajaan British, Jabatan Pelajaran Sarawak terus komited melakukan penilaian berterusan terhadap mata pelajaran bahasa Mandarin, Sejarah dan Geografi. Satu jawatankuasa khas turut ditubuhkan pada tahun 1951 untuk menyemak

³ Pada tahun 1961, Sarawak dan Tanah Melayu telah memperkenalkan Akta Pendidikan masing-masing. Terdapat banyak persamaan yang terkandung dalam kedua-dua akta tersebut. Ini tidak menghairankan kenapa kedua-dua akta ini mempunyai persamaan kerana Mc Lellen sentiasa melawat Tanah Melayu, Singapura dan Sarawak untuk menilai dasar pendidikan ketiga-tiga wilayah tersebut. Sudah tentu pengamatan dan penilaiannya terhadap dasar-dasar pendidikan di ketiga-tiga wilayah ini akan saling mempengaruhi keputusan beliau membuat dasar pendidikan di Sarawak khususnya Akta Pendidikan Sarawak.

kandungan buku teks bahasa Mandarin. Jawatankuasa khas ini mencadangkan sekolah vernakular Cina menggunakan bahan pengajaran bahasa Mandarin sama seperti di Persekutuan Tanah Melayu agar pendidikan sekolah vernakular Cina lebih seragam. Hal ini kerana kandungan buku teks yang digunakan di Persekutuan Tanah Melayu lebih memfokuskan pengajaran di Nanyang bukan lagi fokus kepada negara China (ED 379A; 70). Sejak tahun 1957, kerajaan British mula mengambil tindakan untuk menyelaraskan penggunaan buku teks yang baharu di seluruh Sarawak dan berharap guru-guru dan murid sekolah vernakular Cina dapat menyesuaikan diri dengan buku teks baharu ini. Ketika pembentukan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, pengajaran mata pelajaran bahasa Mandarin di Sarawak dan Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai satu standard yang sama dan proses mengintegrasikan pendidikan vernakular Cina antara wilayah semasa pembentukan Persekutuan Malaysia tidak banyak perlu dilakukan. Sarawak telah menggunakan buku teks yang sama seperti di Tanah Melayu maka sekolah-sekolah vernakular Cina tidak perlu mengubah corak pengajaran bahasa Mandarin di sekolah kerana telah beradaptasi menggunakan buku teks yang sama.

Dasar Pendidikan Kebangsaan

Menjelang era tahun 1963, Sarawak mula mengorak langkah menuju ke arah pembentukan Malaysia dengan penyatuan Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara dan Singapura pada 16 September 1963 di bawah Perjanjian Malaysia 1963. Pembentukan Malaysia ini juga menandakan pentadbiran kerajaan British di Sarawak telah berakhir dan menyaksikan kejayaan pemimpin tempatan Sarawak ke arah berkerajaan sendiri dan mampu mengurus pentadbiran secara sendiri. Penyatuan wilayah melalui pembentukan Malaysia ini telah memberikan satu perspektif baharu kepada bidang pendidikan di Sarawak. Bidang pendidikan Sarawak mula memasuki era pembaharuan dengan mendapat faedah-faedah daripada hasil kerjasama ketiga-tiga wilayah atas satu entiti yang bergelar Malaysia.

Sebelum terbentuknya Malaysia pada tahun 1963, satu jawatankuasa khas iaitu Inter-Government Committee telah ditubuhkan pada tahun 1962. Tujuan utama jawatankuasa ini adalah untuk menyusun fasal-fasal Perlembagaan Malaysia dan menentukan bentuk-bentuk perlindungan khas untuk wilayah Borneo (Sabah dan Sarawak). Dalam laporan Inter-Government Committee bahagian ke 17 telah menyentuh mengenai aspek pendidikan yang bakal dilaksanakan setelah pembentukan Malaysia. Salah satu syarat bagi penyertaan wilayah Borneo dalam pembentukan Malaysia adalah berdasarkan beberapa pengecualian yang telah dipersetujui bersama dalam mesyuarat jawatankuasa (Bahagian Peranchang dan Penyelidikan Kementerian Pelajaran Malaysia, 1968; 105). Hasil perbincangan mesyuarat telah memutuskan bahawa walaupun bidang pendidikan akan diletakan di bawah senarai Persekutuan namun dasar dan sistem pendidikan yang sedia ada di wilayah Borneo haruslah dikekalkan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sehinggalah kerajaan negeri bersetuju untuk menyerahkannya kepada kerajaan Persekutuan khususnya berkaitan perkara berikut (Report of the Inter-Governmental Committee, 1962; 431).

- (1) Negeri-negeri Borneo akan meneruskan dasar penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
- (2) Pengetahuan mengenai bahasa Melayu tidak perlu dijadikan sebagai syarat kelayakan untuk mendapatkan peluang pendidikan sehingga kerajaan negeri mempertimbangkan perkara ini dan mempunyai peruntukan yang secukupnya untuk mengajar bahasa Melayu di semua sekolah.
- (3) Tiada pengaplikasian pendidikan keagamaan ke atas negeri-negeri Borneo.
- (4) Peruntukan kepada negeri-negeri Borneo bagi kedudukan istimewa kaum bumiputera harus diteruskan.
- (5) Pengarah pendidikan negeri-negeri Borneo yang akan berkhidmat di bawah Jabatan Pendidikan Persekutuan haruslah menjalankan tanggungjawab yang sama seperti mereka yang sedang berkhidmat untuk negeri masing-masing.
- (6) Bagi memenuhi keperluan dan keinginan penduduk Borneo, pengarah pendidikan yang bakal dilantik hendaklah memainkan peranan penting agar permintaan penduduk Borneo akan dipertimbangkan dan dipenuhi sebaik mungkin.
- (7) Untuk negeri Sarawak, Majlis Tempatan akan mengekalkan tanggungjawab terhadap pendidikan sekolah rendah.

Maka dalam tempoh selepas pembentukan Malaysia, kerajaan Persekutuan mula mengintegrasikan dasar-dasar pendidikan di Sarawak secara berperingkat. Bagi memupuk semangat nasionalisme Malaysia, kerajaan Sarawak perlu mengubah suai sistem pendidikannya dan menerima segala dasar dan amalan baharu dalam konteks negara kerana negeri Sarawak bukan lagi sebagai entiti sendiri sebaliknya sebagai entiti bersama dalam sebuah negara yang bergelar Malaysia. Walau bagaimanapun, kelonggaran mengenai beberapa perkara diberikan kepada negeri Sarawak bertujuan untuk memberikan tempoh masa secukupnya untuk membuat perancangan dan peralihan tanpa menjejaskan amalan-amalan pendidikan yang sedia ada.

Bermula tahun 1977, barulah menyaksikan pengintegrasian pendidikan sepenuhnya antara kerajaan Sarawak dan kerajaan Persekutuan (Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980; 40).⁴ Ketika itu sistem pendidikan Sarawak telah bersama-sama menuju ke arah Dasar Pendidikan Kebangsaan (Akta Pendidikan 1996; 14) dan menyeragamkan sistem kurikulum kebangsaan melalui penguatkuasaan pemanjangan Akta Pelajaran 1961 di Sarawak. Selepas tahun 1977, segala dasar pendidikan yang dilaksanakan oleh kementerian telah diikuti sepenuhnya. Misalnya, pelaksanaan penggantian sistem Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) kepada Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 serta pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris di semua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) pada tahun 1990 dibawah rancangan KBSR (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 15/1989, 1989).

⁴ Proses mengintegrasikan sepenuhnya sistem pendidikan Sarawak terjadi apabila negeri Sarawak telah bersetuju untuk menukar bahasa pengantar kepada bahasa Malaysia di sekolah menengah pada tahun 1977. Ketika itulah proses mengintegrasikan sistem pendidikan Malaysia ke arah Dasar Pendidikan Kebangsaan telah berintegrasi sepenuhnya. Walaupun sebelum tahun 1977 beberapa dasar dan peraturan dari kementerian telah dilaksanakan dan diterima baik oleh negeri Sarawak namun ketika itu tidak boleh lagi dikatakan sebagai berintegrasi sepenuhnya kerana terdapat beberapa dasar pendidikan Sarawak yang masih lagi dipraktikkan.

Dalam pada itu, Kementerian Pelajaran Malaysia turut melaksanakan dasar pendidikan rendah secara percuma di seluruh negara dan menyelaraskan yuran pengajian bagi sekolah menengah dan sekolah menengah bantuan (Annual Report of Education Department Sarawak, Kuching, 1966; 2). Pelaksanaan dasar pendidikan percuma ini telah menyaksikan peningkatan bilangan murid yang mendaftar. Tetapi bagi sekolah vernakular Cina, dasar ini tidak memberikan impak yang besar. Angka kenaikan jumlah murid mendaftar sebahagian besarnya adalah dari kalangan kaum bumiputera. Hal ini kerana, sebelum ini punca isu keciciran murid mendapatkan pendidikan adalah faktor ketidakmampuan kaum bumiputera untuk membiayai yuran persekolahan.

Angka kemasukan murid ke sekolah bukan vernakular Cina pada tahun 1965 sebanyak 60 723 orang dan telah meningkat sebanyak 32% pada tahun 1968. Manakala jumlah kemasukan murid ke sekolah vernakular Cina pada tahun 1965 adalah seramai 36 283 orang dan hanya meningkat 6.3% pada tahun 1968 (CO 1030/912, Public Record Educational Policy North Borneo 1960-1962; 54). Sejak pasca Perang Dunia Kedua, orang Cina memang sangat mementingkan pendidikan anak-anak mereka dan hampir 80% anak-anak masyarakat Cina di Sarawak mendapat pendidikan (The Sarawak Gazette, 1971; 74). Oleh itu apabila dasar pendidikan rendah secara percuma diperkenalkan, ia langsung tidak memberi kesan besar kepada peningkatan angka kemasukan anak-anak Cina ke sekolah rendah vernakular Cina.

Selain itu, satu jawatankuasa bersama telah ditubuhkan bagi membincangkan pemanjangan Akta Pelajaran 1961 ke Sarawak. Hasil dapatan jawatankuasa telah memutuskan peraturan penguatkuasaan Akta Pelajaran 1961 dengan beberapa pindaan di Sarawak mulai 1 Januari tahun 1975. Selepas tarikh tersebut, Sarawak tidak lagi menggunakan Akta Pendidikan Sarawak 1961. Dengan pelaksanaan Akta Pelajaran 1961 ini, bahasa Malaysia dijadikan sebagai mata pelajaran wajib di semua sekolah rendah kerajaan dan sekolah rendah bantuan kerajaan mulai tahun 1976. Kerajaan juga akan menukarkan bahasa pengantar daripada bahasa Inggeris ke bahasa Malaysia secara berperingkat bagi sekolah rendah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan (Report of the Inter-Governmental Committee, 1962; 431).

Selain daripada itu, antara pindaan fasal yang signifikan terhadap sekolah vernakular Cina adalah berkenaan dengan status sekolah yang menerima bantuan subsidi kerajaan. Manakala sekolah vernakular Cina yang menerima bantuan subsidi kerajaan di bawah The Grand Code 1956 akan terus mengekalkan statusnya sebagai sekolah bantuan kerajaan atau sekolah bersubsidi. Oleh kerana sekolah-sekolah ini tidak diklasifikasikan sebagai sekolah kerajaan. Dahulunya sekolah-sekolah vernakular Cina boleh memohon peruntukan di bawah The Grand Code 1956 tidak melebihi 50% namun selepas pindaan fasal dilakukan, mereka hanya dibenarkan memohon peruntukan sebanyak 20% hingga 30%. Berlaku pengurangan peruntukan yang diberikan oleh kerajaan kepada sekolah-sekolah ini (Sarawak Education Department Annual Summary, 1964). Tidak dinafikan bahawa penstrukturan semula agihan peruntukan daripada Kementerian Pelajaran menjejaskan perkembangan sekolah rendah vernakular Cina. Apabila sekolah rendah vernakular Cina berstatus sekolah bantuan kerajaan

maka pembangunan sekolah tidak lagi ditanggung oleh kerajaan sebaliknya hanya sedikit peruntukan diberikan kepada sekolah dan selebihnya akan ditanggung oleh sekolah itu sendiri. Ini kerana Kementerian Pelajaran lebih memfokuskan kemajuan sekolah yang berstatus kerajaan. Oleh itu, agihan peruntukan kerajaan juga lebih diutamakan kepada sekolah kerajaan.

Berkenaan dengan sistem kurikulum kebangsaan pula, pelaksanaan sistem Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) merupakan satu langkah yang signifikan kepada sistem pendidikan Malaysia. Selepas pembentukan Malaysia, Malaysia masih tidak mempunyai satu sistem kurikulum yang bersifat menyeluruh. Walaupun sebelum pelaksanaan KBSR, Malaysia telah menggunakan sistem Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) namun ia tidaklah menyeluruh dan teratur, tetapi sekadar prinsip pelajaran yang asas sahaja (Bahagian Perancang dan Penyelidikan Kementerian Pelajaran Malaysia, 1968; 5). Selepas pelaksanaan KBSR barulah sistem pendidikan Malaysia lebih bersistematik dan menyeluruh. Beberapa sukatan mata pelajaran telah dikaji dan disusun semula bagi pemantapan bidang pendidikan.

Umpamanya pada tahun 1989, pelaksanaan sepenuhnya pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris di peringkat tahun satu di semua sekolah rendah seluruh Malaysia melalui sistem KBSR (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 15, 1989). Kemudiannya perkara ini diperkasakan lagi pada tahun 1994, Kementerian Pelajaran mengeluarkan satu surat pekeliling mengenai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dan bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2, 1994). Tujuan surat pekeliling mengenai pelaksanaan bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dikeluarkan adalah bagi mempertingkatkan lagi kemahiran berkomunikasi dan menganalisis serta daya cipta dalam penggunaan bahasa tersebut selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Rancangan Malaysia Ke-6 (Rancangan Malaysia Keenam, 1991-1995; 119). Selepas pembentukan Malaysia, boleh disaksikan bahawa sistem pendidikan di Sarawak mula mengikut rentak Dasar Pendidikan Kebangsaan sebagaimana yang dihasratkan oleh kerajaan Persekutuan untuk membentuk bidang pendidikan Malaysia yang lebih holistik.

KESIMPULAN

Secara rangkumannya, perkembangan pendidikan di Sarawak cukup dinamik untuk dibincangkan kerana perubahan yang berlaku dalam bidang pendidikan mengikut tuntutan semasa serta keperluan masa depan dan yang pastinya diubahsuai dan distrukturkan semula mengikut kuasa pemerintahan semasa. Sejak zaman pemerintahan Brooke, dasar pendidikan berkaitan sekolah vernakular Cina tidak lari daripada persoalan penggunaan bahasa dialek dan Mandarin sebagai bahasa pengantar, penggunaan buku teks China serta isu-isu dalaman Lembaga Pengurusan Sekolah. Sekolah vernakular Cina tidak pernah lekang daripada berhadapan dengan isu-isu pendidikan. Isu paling kontroversi ialah penggunaan bahasa Mandarin di sekolah. Persoalan-persoalan ini sering kali timbul dalam mana-mana laporan pendidikan di Sarawak sehinggakan dilaksanakan undang-undang bagi mengawal perkembangan sekolah vernakular Cina yang semakin berpaksikan nasionalisme Cina. Selepas

pembentukan Malaysia, Akta Pendidikan 1962 dan Dasar Pendidikan Kebangsaan mula diintergrasikan dalam sistem pendidikan negeri Sarawak. Proses mengintegrasikan Dasar Pendidikan Kebangsaan selesai sepenuhnya apabila sekolah-sekolah di Sarawak mula mengaplikasikan penggunaan bahasa Malaysia dan menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Satu perkara yang jelas ialah peranan sekolah vernakular Cina sebagai penyambung budaya China. Falsafah di sebalik usaha tanpa henti untuk memajukan bidang pendidikan anak-anak ialah pegangan falsafah pendidikan sebagai nadi penting untuk keluar daripada lingkaran kemiskinan. Justeru itu, kepentingan pendidikan mereka boleh diperhatikan melalui tertubuhnya organisasi sukarela Lembaga Pengurusan Sekolah. Organisasi inilah yang menjadi tulang belakang kepada sesebuah sekolah sehinggalah ke masa kini.

LIMITASI KAJIAN

Limitasi dalam penulisan ini adalah memfokuskan kepada pendidikan vernakular Cina khususnya di peringkat pendidikan rendah (sekolah rendah) di Sarawak. Fokus penulisan ini juga tertumpu kepada perkembangan pendidikan di Sarawak. Jika dibandingkan penulisan sedia ada, kebanyakan pengkaji lebih tertumpu kepada kupasan pendidikan di Tanah Melayu berbanding Sabah dan Sarawak. Begitu juga dalam skop penulisan pendidikan yang lebih banyak tertumpu kepada penulisan isu-isu sekolah vernakular kontemporari, sekolah vernakular Melayu dan sekolah Mission.

RUJUKAN

- Atar, S. (2019). Perjanjian Malaysia 1963: Penelusuran Cabaran dan Kesan Terhadap Sistem Pendidikan di Sarawak (1963-1973). *Jurnal Borneo Arkhailogia*, 4(1). <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/article/view/1832>
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2012). Dasar Pendidikan Kebangsaan (Edisi Ketiga). Kementerian Pelajaran Malaysia <https://www.moe.gov.my/dasar/1196-buku-dasar-kpm/file>.
- Bahagian Perancang dan Penyelidikan Kementerian Pelajaran Malaysia. Pelajaran Di-Malaysia. (1968). Kuala Lumpur.
- Chia, Y. C. (2011). *The Influence of the Government Education Policy to the Development of Sarawak Chinese Education (1841-1989)*. Universiti Tunku Abdul Rahman.
- Clark, L. G. (1935). *Blue Report*. Sarawak.
- ED 379A. *Chinese Text Book Curriculum Committee*. Kuching. Jabatan Pelajaran Sarawak.
- Education Policy. Kuching. Jabatan Pelajaran Sarawak.
- Gin, O. K. (1990). Education In Sarawak During The Period Of Colonial Administration 1946—1963. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 63(2 (259), 35-68.
- Gin, O. K. (1991). Education In Sarawak: An Historical Survey, 1841-1963.
- Gin, O. K. (1994). Chinese Vernacular Education in Sarawak during Brooke Rule, 1841–1946. *Modern Asian Studies*, 28(3), 503-531.
- Gin, O. K. (1997). The attitudes of the brookes towards education in Sarawak 1841-1941. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 70 (2) (273), 53-67.

- Hammond, R.W. (1937). Report on Education in Sarawak .Tidak diterbitkan. Sarawak Education Department Annual Summary 1964. Kuching: Education Department Sarawak. tanpa tahun terbitan.
- Krishnan, P., Raman, J. H. J., Darkasi, S., & Krishnan, R. (2020). Dasar British dan Jepun Terhadap Sekolah Melayu dan Tamil Sebelum Tahun 1957: British and Japanese Policy Toward The Malay And Tamil Schools Before 1957. *Jurnal Kinabalu*, 26(2), 253-253. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/article/view/2778>
- Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pendidikan 1979. (1980). Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lim, H. P. (1966). A Comparative Study of the Educational Systems of the Federation of Malaya, Sarawak and Sabah With a View to Recommending a Unified National System of Education for Racial Integration in the Three Territories of Malaysia. <https://escholarship.mcgill.ca/downloads/rf55z926p>
- Liu, O. P., Ong, P. H., Selvadurai, S., Radzi, M. M., & Saibeh, B. (2014). The Making of Malaysian Solidarity: A Historical Look at Education and Social Cohesion in Sarawak. *Geografia*, 10(1). http://journalarticle.ukm.my/6941/1/4ok.Geografia-jan_2014-ong-edam.pdf
- Mc Lellan, D. (1959). *Report On Secondary Education*. Kuching. Education Department.
- Mior Jamaluddin, M. K. A. (2011). Sistem pendidikan di Malaysia: Dasar, cabaran, dan pelaksanaan ke arah perpaduan nasional. *Sosiohumanika*, 4(1). <https://journals.mindamas.com/index.php/sosiohumanika/article/view/436>
- Mutalib, N. B. A. (2009). Pencapaian Masyarakat Melayu Sarawak dalam Bidang Pendidikan Sebelum Dan Selepas Merdeka: The Achievement Of Sarawak's Malay Community In Education Before And After Independent. *Jurnal Pengajian Melayu*, 20(1), 219-240. <http://mojes.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9688>
- No. LX, 1924. (1924), *Registration of Schools*. The Sarawak Government Gazette.
- Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985). Kuala Lumpur. Government Printers. <https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RM4.pdf>
- Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995). Kuala Lumpur. Government Printers. <https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RM6.pdf>
- Rancangan Malaysia Kelima (1986-1980). Kuala Lumpur. Government Printers. <https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RM5.pdf>
- Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980). Kuala Lumpur. Government Printers. <https://www.ekonomi.gov.my/ms/pembangunan-ekonomi/rancanganpembangunan/rmk/rancangan-malaysia-ketiga-rmke-3-1976-1980>
- Report of the Inter-Governmental Committee. (1962). Malaysia. <https://sagc.sabah.gov.my/sites/default/files/law/IGCReport.pdf>
- Sani, A. & Kumar, P. (1990). *Pendidikan di Malaysia* . Selangor. Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Sivalingam, A. D. (2020). History Of Malaysian Education System: Year 1824 to 2025. Social Science Research Network. https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=3735372
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/75, Peruntukan Masa (Percubaan) bagi Kelas Peralihan aliran Bahasa Malaysia mulai tahun 1975. (1975). Kementerian Pelajaran Malaysia. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/2761-surat-pekeliling-ikhtisas-bil-1-1975-peruntukan-masa-percubaan-bagi-kelas-peralihan-aliran-bahasa-malaysia-mulai-tahun-1975/file>
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 15/1989: Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Tahun 1-KBSR. (1989). Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/1846-surat-pekeliling-ikhtisas-kpm-tahun-1989-bil-15/file>

- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1994: Pelaksanaan Bahasa Malaysia di SRJK(C) dan SRJK (T) dan Bahasa Inggeris di SK/SRK serta kokurikulum di Sekolah Rendah. (1994). Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/2081-surat-pekeliling-ikhtisas-bilangan-2-tahun-1994-pelaksanaan-bahasa-malaysia-di-srjk-c-dan-srjk-t-dan-bahasa-inggeris-di-sk-atau-srk-serta-kokurikulum-di-sekolah-rendah/file>
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1990 Pengecualian Mengikut Kelas Peralihan Bagi Murid Di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK). (1990). Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/2749-surat-pekeliling-ikhtisas-bil-7-1990-pengecualian-mengikuti-kelas-peralihan-bagi-murid-di-sekolah-rendah-jenis-kebangsaan-srjk/file>
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. II/1977: Sukatan Pelajaran Sejarah (Baru) untuk Darjah 4-6. (1977). Kementerian Pelajaran Malaysia. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/1831-surat-pekeliling-ikhtisas-kpm-tahun-1977-bil-11/file>
- Surat Perkeliling Ikhtisas Bil. 1/1997: Dasar dan Peraturan Mengenai Nama Sekolah. (1997). Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/2060-surat-pekeliling-ikhtisas-bilangan-1-tahun-1997-dasar-dan-peraturan-mengenai-nama-sekolah/file>
- Syed, A. S. I. & Santhiram, R. (1990). *Perkembangan Pendidikan Di Sarawak*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teaching Profession in Sarawak*. Kuching. Sarawak Government Printing Office, 1955.
- The Sarawak Gazette Part II 1954-1955. (1955). Kuching. https://www.pustaka-sarawak.com/gazette/gazette_uploaded/1402890706.pdf
- The Sarawak Gazette. (1871). Kuching. Sarawak Government.
- The Sarawak Gazette. (1921). Kuching. Sarawak Government.
- The Sarawak Gazette. (1924). Kuching Sarawak Government.
- The Sarawak Gazette. (1955). Kuching. Sarawak Government Gazette. https://www.pustaka-sarawak.com/gazette/gazette_uploaded/1402890510.pdf
- The Sarawak Gazette. (1971). Kuching. Sarawak Government. https://www.pustaka-sarawak.com/gazette/gazette_uploaded/1404373411.pdf
- WoodHead, E.W. (1955). *Report upon Financing of Education and Condition of Service in the Teaching Profession in Sarawak*, Kuching; Sarawak Government Printing Office
- Yoong, C. T., & Tang, N. A. A. (2023). Pendidikan Bahasa Ibunda Cina di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(2), e002122-e002122. <https://www.msocalsciences.com/index.php/mjssh/article/view/2122>
- Zaini, M. S. Z. (2023). Pendidikan Sebagai Alat Propaganda Gerakan Komunis Di Sarawak, 1941–1976: Education as a Propaganda Tool of the Communist Movement in Sarawak, 1941-1976. *Jurnal Borneo Arkhailogia*, 8(1), 215-232. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/article/view/4843>

**PERUBAHAN KOSTUM DAN AKSESORI MOMOGUN RUNGUS DI
KUDAT, SABAH: SATU TINJAUAN AWAL**
***THE CHANGES IN THE MOMOGUN RUNGUS COSTUME &
ACCESSORIES IN KUDAT: A PRELIMINARY SURVEY***

TANG ZHEE EARN ¹
SIM CHEE CHEANG ^{1*}
VICTOR PANGAYAN ¹

¹Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF),
Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Corresponding Author: suesim@ums.edu.my

Tarikh dihantar: 28 Mac 2024 \ Tarikh diterima: 18 November 2024 \ Tarikh diterbitkan: 31 Disember 2024
DOI: DOI: <https://doi.org/10.51200/ejk.v30i.5842>

ABSTRAK Kekayaan budaya di antara lebih daripada tiga puluh tiga keseluruhan kumpulan etnik di negeri Sabah memang tidak dapat dinafikan. Kekayaan khazanah pakaian tradisional dan aksesori kumpulan Momogun Rungus menjadi tumpuan kajian ini. Kajian ini berfokus kepada impak perubahan masa terhadap warisan budaya ketara (*tangible culture*), khususnya dalam cara pemakaian kostum dan aksesori kumpulan Momogun Rungus. Kajian ini meneliti impak perubahan dalam pemakaian kostum dan aksesori semasa perkahwinan, perayaan, dan pakaian harian kumpulan Rungus di daerah Kudat. Demi menangani kemerosotan minat golongan remaja Rungus dalam lingkungan dua belas sehingga dua puluh enam tahun terhadap warisan budaya dan adat lama, kajian ini bertujuan meneliti ciri-ciri keaslian pemakaian kostum dan aksesori tradisional akibat impak arus pemodenan bagi mengekalkan identiti sebuah masyarakat. Oleh yang demikian, objektif kajian ini ialah untuk merakam secara visual dan akademik perubahan pemakaian kostum serta aksesori tradisional kumpulan Momogun Rungus demi melahirkan suatu rujukan pada masa hadapan Momogun Rungus. Melalui metodologi kajian lapangan selama dua minggu di Matunggong dan Sumangkap, Kudat, dengan teknik pemerhatian dan temuduga pakar terpilih, informan yang termasuk pemilik rumah panjang, bekas penari tarian tradisional dan warga tua kumpulan Rungus ditemubual untuk mendapatkan maklumat berkenaan persediaan acara tradisional seperti acara perkahwinan dan perayaan kumpulan Rungus (*Magahau*). Kajian ini ingin merekodkan identiti kumpulan Momogun Rungus dalam bentuk rakaman warisan budaya ketara dengan mendokumentasikan dan menganotaskan khazanah warisan Momogun Rungus, negeri Sabah. Kajian ini mendapati pemakaian kostum dan aksesori tradisional dalam majlis perkahwinan dan *Magahau* masih dikekalkan mengikut adat lama walaupun pengikisan pengetahuan cara pemakaian nenek moyang telah berlaku.

Kata kunci: Rungus, kostum, aksesori, warisan Sabah, budaya etnik.

ABSTRACT This study examines the undeniable cultural richness among the over thirty-three ethnic groups in Sabah, with a focus on the traditional attire and accessories of the Momogun Rungus community. It investigates the impact of time on tangible cultural heritage, specifically regarding costume and accessory use during weddings, celebrations, and daily life in the Kudat district. Addressing the decline in interest among Rungus youth aged twelve to twenty-six in traditional customs, the research aims to explore the authenticity of traditional attire amidst modernization to preserve community identity. Through a two-week field study in Matunggong

and Sumangkap, using observation and interviews with longhouse owners, former dancers, and elders, the study documents preparations for traditional events like weddings and the Rungus celebration (Magahau). Ultimately, the research seeks to record the identity of the Momogun Rungus as tangible cultural heritage, noting that traditional costumes and accessories in weddings and celebrations are still maintained according to old customs, despite a decline in ancestral knowledge.

Keywords: *Rungus, costume, accessories, Sabah heritage, ethnic culture.*

PENGENALAN

Sejak dahulu, manusia menghasilkan pakaian dengan tujuan melindungi badan mereka daripada alam sekeliling, cuaca dan musuh (Prasti, 2019). Demikian juga dengan Momogun Rungus yang menenun dan menyulam kostum tradisional mereka. Momogun Rungus banyak mendiami kawasan dataran tinggi di bahagian Pantai Barat Utara negeri Sabah khususnya di daerah Kudat dan Pitas (Porodong, 2012). Menurut Appell (1978), Kudat dianggap sebagai tanah asal kumpulan Rungus suatu masa dahulu sebelum kedatangan pihak kolonial. Mereka duduk di Semenanjung Melabong di seberang Teluk Marudu sebelum itu dan berpindah ke sebelah utara Borneo iaitu daerah Kudat (Low, 2013). Kemudian, masyarakat Momogun Rungus menjadi penghuni tanah Borneo khususnya di bahagian utara Sabah, iaitu di daerah Kudat, Kota Marudu dan Pitas sahaja. Akan tetapi pada masa kini, terdapat kumpulan Momogun Rungus yang telah bermigrasi ke seluruh Malaysia dan juga luar negara kerana mengejar kerjaya, perniagaan, perkahwinan dan lain-lain lagi (Esterlina & Mohd Kipli, 2021; Siti Aidah et al., 2022).

Perubahan kostum dan aksesori tradisional Momogun Rungus di Kudat mencerminkan impak pemodenan terhadap warisan budaya yang penting bagi komuniti ini. Pemodenan yang tidak dapat dielakkan, seperti yang dinyatakan oleh Appell (1989), telah mengubah ekonomi subsisten kepada ekonomi komersial. Ini memberikan kesan ketara kepada reka bentuk, bahan, dan fungsi kostum tradisional. Oleh itu, salah satu kepentingan utama kajian ini ialah pemeliharaan warisan budaya. Dalam era gubalisasi, kajian ini membantu mendokumentasikan perubahan yang berlaku dan memastikan bahawa elemen-elemen penting dalam kostum dan aksesori seperti bahan, motif, dan teknik pembuatan tidak terhapus seiring dengan perkembangan teknologi. Selain daripada pemeliharaan budaya, kajian ini juga berperanan memperkukuh identiti budaya Momogun Rungus. Di tengah-tengah perubahan sosial, kostum tradisional masih berfungsi sebagai simbol kebanggaan etnik dan keunikan budaya, terutamanya di kalangan generasi muda yang mungkin kurang mengenali makna di sebaliknya kostum ini. Menurut Romzi et al. (2018), perubahan kostum mencerminkan sikap masyarakat terhadap warisan mereka, dan kajian ini menganalisis usaha mengekalkan nilai-nilai tradisi tersebut.

Di samping itu, kajian ini memfokuskan kepada faktor-faktor sosial, ekonomi, dan budaya yang menyumbang kepada perubahan dalam reka bentuk dan penggunaan kostum. Ini termasuk pengaruh pemodenan, perubahan gaya hidup, dan peningkatan kemudahan teknologi

yang mempercepat proses penghasilan kostum. Kajian ini juga bertujuan untuk menilai sejauh mana perubahan ini menjejaskan identiti budaya Momogun Rungus, terutama dari segi bagaimana kostum tradisional mereka masih memainkan peranan dalam kehidupan moden. Kajian ini menyumbang sebagai sumber rujukan penting bagi pendidikan kebudayaan, yang berfungsi meningkatkan kesedaran masyarakat, terutamanya generasi muda, tentang kepentingan mengekalkan warisan tradisional. Dengan memahami perubahan yang berlaku, kajian ini dapat memberikan panduan yang relevan untuk memelihara dan mempromosikan warisan budaya Momogun Rungus agar terus dihargai dan diamalkan dalam masyarakat moden.

LATAR MASYARAKAT MOMOGUN RUNGUS

Momogun Rungus telah didaftarkan sebagai salah satu sub-etnik Kadazan Dusun di bawah Persatuan Kebudayaan Kadazan Dusun (KDCA) sejak 1991 (Porodong, 2012). Perkara ini kerana terdapat kesamaan dalam adat dan kepercayaan, sejarah, serta kebudayaan antara sub-etnik Kadazan Dusun yang lain dengan Momogun Rungus (Kok On, 2013; Kok On et al., 2014). Romzi et al., (2020) menyatakan pada awal 1980-an, pemimpin politik Rungus mula memakai pakaian tradisional dan tekstil mereka sebagai strategi komuniti dan mendapat sokongan politik. Kepentingan pemeliharaan kostum dan aksesori serta cara pemakaian mereka memang penting kerana ia bukan sahaja terikat dengan budaya tetapi boleh berfungsi sebagai alat komunikasi dalam arena sosial, agama dan politik di Sabah. Tindakan ini meningkatkan kesedaran dan akuan terhadap perbezaan budaya Rungus daripada rumpun mereka iaitu kadazandusun atau muslim Rungus (Romzi et al., 2020). Walau bagaimanapun, Momogun Rungus percaya bahawa mereka layak untuk berdiri sendiri dan bukan sub-etnik kepada Kadazan Dusun dengan pengiktirafan daripada Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah pada 2016 (Esterlina & Mohd. Kipli, 2021). Sehingga kini, Masyarakat Momogun Rungus lebih selesa disebut sebagai Momogun Rungus dan gah berdiri sebagai salah satu etnik yang konkrit dan mengekalkan warisan kebudayaan mereka. Antara khazanah yang kekal dipelihara sehingga kini ialah penghasilan tekstil dan pemakaian kostum serta aksesori tradisional mereka.

Momogun Rungus juga terbahagi kepada lima kelompok kecil berdasarkan kepada dialek pertuturannya iaitu *Nulu*, *Gonsomon*, *Rungus*, *Pilapazan* dan *Gandahon* (Pangayan, 2020). Sebelum kemasukan pihak kolonial Inggeris di Sabah pada akhir abad ke-19, Momogun Rungus berpegang kepada kepercayaan animis yang dikenali sebagai *bbiruhui* (Low & Azlan Shafie, 2014). Kepercayaan mereka telah mempengaruhi penghasilan kostum tradisional yang terikat dengan budaya tradisi terutamanya corak-corak budaya yang menghiasi kostum tersebut. Menurut Romzi et al. (2020), “pada tempoh sebelum kedatangan kuasa kolonial di Borneo, pakaian masyarakat Rungus dihasilkan daripada *banat*, *tapi*, *sukolob*, *badu*, *soval sarabulu*, *hokos*, *sandai*, *inavol*, *sigal*, *mogah*, *pinakol*, dan *pinokos* yang dibina dengan menggunakan bahan asas yang ditanam tempatan, kapas yang dipintal dan ditenun secara tradisional, dicelup dengan nila, dan dihias dengan motif putih yang mengapung. Tambahan pula, orang Rungus pada zaman dahulu juga memakai pakaian seperti *sisingal*, *titimbok*, *sisik*, *sad’ang*, *ganggalung*, *litai* atau *tinggot*, *sulau*, *tongkol*, *pinakol*, *orot*, *giring*, *lungkaki*, *rampai*,

satu', batakan atau kimo, saring, kinumai atau golisung, dan angkop dengan pakaian dan tekstil ini biasanya melambangkan status sosial atau dalam beberapa keadaan digunakan semasa upacara ritual.”

Pada awal abad ke-20, agama Kristian dan Islam di Borneo mula tersebar luas (Low & Azlan Shafie, 2014) dan telah mempengaruhi perspektif masyarakat terhadap adat dan ritual kerana agama Kristian dan agama Islam tidak mengalakkan aktiviti dan cara pemakaian yang dianggap syirik. Sedikit sebanyak kesan ini telah menyebabkan kekurangan kekerapan perayaan dan ritual animis yang biasa diiringi tarian tradisional. Tanpa perayaan dan ritual, kostum dan aksesori juga kurang dipakai oleh masyarakat kumpulan Momogun Rungus apatah lagi sambutan keramaian dalam kalangan Momogun Rungus yang memeluk agama Kristian atau Islam (Romzi et al., 2020). Pada kemunculan kuasa kolonial Inggeris pada abad ke-19, penggunaan kostum dan tekstil buatan Eropah semakin meluas, membawa perubahan dan transformasi dalam pemakaian kostum tradisional dan penggunaan tekstil buatan Eropah (*Navalan*) Momogun Rungus, dan secara tidak langsung mempengaruhi transformasi budaya mereka. Perkara inilah yang memangkin kepada perubahan kostum dan aksesori tradisional Momogun Rungus hari ini.

Jelas bahawa pakaian tradisional atau “kostum tradisional” kumpulan Momogun Rungus merupakan salah satu khazanah adat tradisi yang sehati dengan latar dan alam sekeliling tempat tinggal mereka. Pakaian tradisional iaitu subjek kajian ini akan dirujuk sebagai “kostum tradisional”. Latar kumpulan Momogun Rungus terpacak dalam kepercayaan animis iaitu kepercayaan pada kehadiran semangat baik dan jahat yang telah diamalkan secara turun temurun sehingga hari ini (Low & Azlan Shafie, 2014). Kumpulan Momogun Rungus mempunyai khazanah berharga dalam bentuk makanan, tarian, adat, ritual tradisional dan pakaian tradisional. Keunggulan warisan budaya yang tidak ketara (*intangible cultural heritage*) ini merujuk kepada simbol budaya kumpulan Rungus yang sehati dengan alam sekeliling kawasan tinggal mereka (Low & Azlan Shafie, 2014)

SOROTAN LITERATUR

Di antara tahun 1959-2000an kajian tentang kumpulan Momogun Rungus sangat terhad kepada jenis penyelidikan bidang sains sosial yang bertumpu pada dokumentasi dari aspek budaya, bahasa dan adat kumpulan tersebut. Di antara kajian awal bersifat kajian lapangan berkenaan kumpulan Momogun Rungus telah bermula sejak 1959 oleh penyelidik colonial, Appell yang diterbitkan dalam bentuk jurnal bertajuk “*The Long-house Apartment of the Rungus Dusun*” (1964). Beliau telah menerbitkan banyak artikel jurnal yang telah membantu pemahaman terhadap latar belakang budaya Masyarakat Momogun Rungus. Di antara buku dan artikel yang telah banyak dirujuk untuk kajian ini terutama dari aspek latar belakang Momogun Rungus adalah “*Ethnic Groups of Insular Southeast Asia*” (1972). Kajian ini berbeza daripada semua penerbitan Appell kerana berfokus pada latar, kegiatan sosial dan harian mereka.

Seterusnya penyelidikan berkenaan kumpulan Momogun Rungus semakin menambah dari zaman generasi “Z” iaitu bermula tahun 2000an. Ong Puay Liu (2000) berkaitan cerita


rakyat genre mitos kumpulan Momogun Rungus hanya bertujuan pelancongan, dan tidak bersifat akademik walaupun ada dirujuk kepada kostum atau aksesori kumpulan Momogun Rungus. Kebanyakan kajian yang dilakukan selepas itu berkaitan lagenda, mitos dan ritual mereka sehingga tahun 2000. Di antara 2001-2010 pula, Ong (2006) meneruskan kajiannya terhadap rumah panjang tradisi kumpulan Momogun Rungus yang berbeza daripada penyelidikan yang sudah dilakukan sebelum itu. Penyelidikan ini ingin mengisi kekosongan dalam pengetahuan mengenai kostum dan aksesori kumpulan Rungus di samping memastikan khazanah warisan budaya tidak ketara kumpulan etnik ini akan berterusan.

Penyelidikan antara tahun 2011-2023 ini mengalami perubahan penyelidikan yang lebih berlainan iaitu bersifat akademik dan lebih bertumpu pada khazanah ketara (*tangible culture*). Setiap penyelidikan ini mempunyai fokus yang spesifik dan berasingan dari segi kostum, aksesori, seni persembahan dan adat tradisi. Penyelidikan berkaitan kostum dan aksesori tradisional Momogun Rungus lebih tertumpu dalam bidang motif iaitu seni visual, seperti Siti Fariza dan Humin Jusilin pada tahun 2017 yang menyelidik simbol motif *pinakol* Rungus. Manakala Yoon Pui Ling dan Humin Jusilin (2018) pula menyelidik reka bentuk dan motif pakaian tradisional perempuan Rungus dan Romzi Ationg, et al (2020) yang menyelidik kostum dan tekstil Momogun Rungus. Di samping itu, tarian tradisional turut diselidik oleh penyelidik Victor Pangayan (2020) dari segi konsep persembahan tarian tradisional Momogun Rungus iaitu tarian Mongigol-Sumundai, penyelidikan adat dan tradisi Momogun Rungus banyak diselidik oleh penyelidik Low Kok On (2013), Low Kok On dan Azlan Shafie (2014) dan Esterlina Moo Chin Len dan Mohd Kipli Abdul Rahman (2021; 2022). Kajian tentang perubahan kostum dan aksesori kumpulan Momogun Rungus agak kurang maka kajian ini bertujuan untuk memenuhi kekurangan ini dalam epistemologi kostum dan aksesori etnik Sabah dan membantu memelihara khazanah Momogun Rungus lantas menjadikan rujukan kepada pembaca, pengkaji lain dan masyarakat khususnya Momogun Rungus.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini dilakukan secara kajian lapangan dan bersifat etnografi. Carta 1 menunjukkan proses penyelidikan kajian ini yang melibatkan kajian lapangan yang bersifat sementara dan tidak menetap di sesuatu kawasan kajian. Dalam proses menyempurnakan penyelidikan kajian lapangan, penyelidikan kaedah kualitatif digunakan, iaitu kaedah temu bual perseorangan dengan informan terpilih dan kaedah pemerhatian. Lokasi kajian adalah di Kudat, Sabah dan 12 orang informan yang berpengalaman dalam budaya asli Rungus merujuk kepada budaya yang tidak dipengaruhi perubahan zaman, khususnya kostum tradisional dan aksesori kumpulan Momogun Rungus terpilih. Kaedah temu bual berlangsung di tempat kediaman dan bermula serentak dengan kaedah pemerhatian langsung dan kaedah pemerhatian berstruktur oleh pengkaji. Melalui kaedah pemerhatian langsung, pengkaji mencatat setiap butiran fizikal kostum dan aksesori menggunakan fotografi dan videografi untuk mendokumentasikan kostum dan aksesori dan membolehkan analisis lebih terperinci dan memberi rujukan visual untuk kajian lanjut. Manakala kaedah pemerhatian berstruktur, pengkaji menyediakan senarai ciri atau elemen tertentu yang ingin diperhatikan. Hal ini membantu memastikan setiap aspek utama dikaji dengan sistematik. Pengkaji turut menemui informan pembuat atau pengguna kostum


tradisional untuk memahami makna budaya atau sejarah di sebalik reka bentuk tertentu. Setiap gerak geri, perbualan dan maklumat dicatat dan dirakam secara verbatim, visual dan audio dengan set soalan tertutup dan terbuka. Maklumat yang diperolehi dikumpul dan ditranskrip sebelum dianalisis.



Carta 1 Metodologi Kajian Lapangan


Carta 1 menunjukkan aliran langkah yang diambil dan ditentukan dalam mengumpul data kajian ini. Penyelidikan kajian lapangan telah dilakukan selama dua minggu di Matunggong dan Sumangkap, Kudat. Kawasan ini dijadikan sebagai kawasan kajian kerana majoriti penduduk daerah Kudat terdiri daripada Momogun Rungus. Populasi penduduk di Kudat terdiri daripada 86 ribu orang penduduk yang merangkumi 93.9% penduduk Bumiputera (7.0% Bumiputera Melayu, 86.9% Bumiputera lain), 5.6% penduduk Cina dan 0.3% penduduk lain-lain. Jika dilihat daripada kedudukan geografi, Kudat merupakan kawasan Pantai Barat Utara negeri Sabah (Kok On, 2013; Pangayan, 2020). Rajah 1 menunjukkan peta Kudat di Sabah, Rajah 2 memaparkan lokasi kajian di Kudat, Sabah iaitu peta daerah kecil Matunggong dan Rajah 3 menunjukkan peta Sumangkap yang merupakan permulaan penempatan dan perkembangan masyarakat kumpulan Rungus (Low, 2013 ; Victor, 2020). Antara kawasan-kawasan perkampungan Momogun Rungus yang terkenal ialah Rumah Panjang Bavanggazo yang masih menyimpan alat tradisional, kostum dan aksesori tradisional Momogun Rungus. Selain daripada itu, *Gong Village* di Sumangkap juga pusat penempatan yang tidak kurang dengan pembuatan Gong, dan kedua-dua kawasan kajian ini masih mengamalkan budaya dan adat Momogun Rungus. Peta 4 menunjukkan jarak antara dua lokasi kajian tersebut iaitu dalam anggaran 4.8 km iaitu 7 minit perjalanan menggunakan kenderaan.

Kaedah temubual seumpama ini berpandukan soalan yang telah dirangka mengikut fokus utama dan informan bebas memberikan jawapan mereka. Soalan yang disediakan adalah berbentuk “*open ended*” (terbuka). Soalan-soalan tersebut terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Bahagian A merupakan bahagian demografik, iaitu pertanyaan tentang soalan peribadi informan seperti nama, umur, tempat tinggal, jantina, pekerjaan dan lain-lain maklumat. Bahagian B (Jadual 2) pula berkaitan dengan kostum tradisional dan Bahagian C (Jadual 3) ialah berkaitan dengan aksesori tradisional yang dipakai. Seperti di bahagian Appendix, Jadual 2 dan Jadual 3 masing-masing menyediakan sembilan (9) soalan kepada setiap informan. Dalam pemerhatian, setiap informan peka menjawab dengan ilmu dan pengalaman yang mereka alami malah menjelaskan setiap kostum dan aksesori tradisional lelaki dan perempuan dengan jelas dan teliti. Ini menunjukkan informan berpengalaman dalam perincian pemakaian kostum dan aksesori tradisional mereka




Rajah 1: Kudat, Sabah

Sumber: Google Earth



Rajah 2: Bavanggazo Longhouse, Matunggong

Sumber: Google Earth



Rajah 3: Sumangkap Gong-Making Village

Sumber: Google Earth



Rajah 4: Jarak antara dua lokasi (Sumangkap dan Matunggong)

Sumber: Google Earth

Pemprosesan data melibatkan aktiviti menterjemah, menginterpretasi dengan bantuan Dr. Victor Pagayan, seorang pakar dalam busana masyarakat Rungus dan fasih dalam bahasa Rungus yang merupakan bahasa ibundanya. Aktiviti interpretasi dijalankan dengan mentafsir maksud yang sama dalam jawapan yang diserlah dalam bentuk berbeza oleh informan kerana maksud yang berhampiran. Kebanyakan informan menjawab soalan temuramah mengikut pengetahuan dan pengalaman mereka sendiri. Malah, sebahagian daripada informan ini bertutur dalam Bahasa Rungus yang ditafsirkan kepada Bahasa Melayu semasa membuat transkrip melalui data seperti rakaman audio dan video. Data tersebut akan dikutip dan ditranskripsi dalam bentuk catatan nota kajian lapangan bersama bukti rakaman video, gambar informan dan lokasi sebelum data tersebut akan dianalisis.


Semua data daripada informan akan dikategorikan kepada pembahagian paling ketara iaitu kostum wanita dan kostum lelaki serta aksesori yang menemani pemakaian kostum. Dalam setiap bahagian, cara pemakaian setiap bahagian kostum, waktu kostum dipakai, aksesori yang digunakan semasa pemakaian setiap bahagian badan akan ditentukan. Akhir sekali, setiap kategori dalam bahagian tersebut akan dibandingkan dengan kostum dan cara

pemakaian dalam zaman moden ini. Menurut Louis R. Gottschalk, historiografi ialah bentuk penerbitan, sama ada secara lisan atau secara tulisan, berkaitan peristiwa atau gabungan peristiwa-peristiwa pada masa lampau (Dasuki, 2003). Kajian ini mengadaptasikan perspektif Gottschalk dalam mencatat perubahan cara pemakaian kostum, waktu pemakaian kostum, dan juga aksesori yang menemani pemakaian kostum masyarakat Momogun Rungus di Sabah. Catatan perbezaan dan persamaan yang dihasilkan merentasi masa silam ke masa terkini akan dicatatkan di bawah perubahan sejarah budaya masyarakat Rungus di Kudat, Sabah. Perubahan tersebut berkait rapat dengan perubahan sejarah sosial dan ekonomi negara dan data dari sorotan literatur berkaitan sejarah sosial masyarakat Rungus di Kudat ditriangulasikan dengan dapatan kajian lapangan demi mendedahkan faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan tersebut yang telah membawa impak ke atas identiti masyarakat Rungus generasi muda. Rakaman analisis ini dilakukan secara teratur mengikut susunan fakta dalam sejarah seperti dalam pendekatan historiografi (Denis Guritno, 2018).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kostum Tradisional Perempuan

Kostum boleh dikatakan sebagai pakaian seragam atau pakaian khas yang dipakai oleh seseorang untuk tujuan tertentu seperti upacara, pertunjukan, perayaan, atau acara khusus (Cherubim, 2007). Kostum tradisional pula dimaksudkan sebagai pakaian tradisional satu etnik yang melambangkan identiti etnik tersebut (Pangayan et al., 2016). Untuk mencapai objektif kajian ini langkah pertama adalah untuk menentukan tanggapan terhadap pakaian tradisional kumpulan Momogun Rungus sebagai satu lambang identiti kesenian mereka. Pakaian tradisional Momogun Rungus dihasilkan melalui teknik tenunan tradisional yang telah diwarisi turun temurun dengan menggunakan serat *kapok* (kapas). Teknik tenunan ini dikenali sebagai *magavol* yang memerlukan kesabaran dan kecermatan yang tinggi dalam penghasilannya (Yoon & Humin, 2018). Kostum tradisional Momogun Rungus memiliki ciri khas yang membezakannya dari kostum-kostum tradisional etnik lain di Sabah seperti pakaian kostum perempuan yang kelihatan ringkas iaitu berkain tenunan hitam dipakai dengan aksesori manik yang berwarna warni menonjolkan lagi keindahan estetika kostum dan pemakai kostum (Azizi et al., 2015) seperti di Rajah 5. Tenunan kain hitam dirujuk sebagai *Sukolob* (sarung tradisional lama) mempunyai tenunan *Linangkitan* di atasnya. Menurut tiga daripada empat orang informan, *Sukolob* merupakan kostum yang sudah lama dipakai sebelum kemasukan jajahan kuasa kolonial Inggeris, dipakai setiap hari seperti membuat aktiviti harian, bercucuk tanam, memasak dan berjalan di tamu. Malah, *Sukolob* akan dipakai semasa majlis perkahwinan, acara *Magahau* dan semasa menari tarian tradisional iaitu tarian Mongigol-Sumundai. Dalam sebarang majlis rasmi atau tidak rasmi, persembahan tarian tradisional Momogun Rungus adalah satu keperluan yang tidak boleh terlepas untuk memakai *Sukolob* (Sharifah Darmia, 2020).



Rajah 5: Kostum dan Aksesori Tradisional Perempuan 1

Sumber: Koleksi Pengkaji (2023)


Menurut informan Sinohulin (temubual pada 26 Mac 2023), kostum dalam Rajah 6 adalah kostum tradisional baru yang dipanggil *Banat-Tapi* tetapi masa permulaan kostum ini dipakai tidak diketahui. Kostum *Banat-Tapi* kemudian dikenali sebagai ‘kostum penuh’ kumpulan.

Bagi Momogun Rungus perempuan, kain di bahu dipanggil *Longon*, kain di badan atas adalah *Banat* dan kain di badan bawah adalah *Tapi* (sarung tradisi). Menurut informan Ross (temubual pada 25 Mac 2023) dan Sinohulin (temubual pada 26 Mac 2023), corak tenunan *Tapi* terbahagi kepada empat jenis iaitu *Tapi Kinoriki*, *Tapi Tinongkupan*, *Tapi Inaravas* dan *Tapi Rinugading*. Kostum *Tapi* yang dipakai dalam Rajah 6 dipanggil *Tapi Kinoriki*. Fungsi kostum *Banat-Tapi* adalah semasa menari tarian tradisional dan semasa melakukan aktiviti harian.

Mengikut informan Ross (temubual pada 25 Mac 2023), pada zaman dahulu kostum tradisional dipakai mengikut status perkahwinan. *Sukolob* dipakai oleh wanita yang sudah berkahwin manakala *Banat-Tapi* dipakai oleh perempuan bujang atau pengantin perempuan. Namun, informan Angela (temubual pada 14 September 2023) pula menjelaskan kostum tradisional ini dipakai untuk melambangkan status kekayaan atau kemampuan mereka. *Sukolob* dipakai oleh orang biasa manakala *Banat-Tapi* dipakai oleh orang berada. Ini kerana kos untuk menghasilkan pakaian tradisional Momogun Rungus sangat tinggi dan hanya segelintir daripada masyarakat kumpulan Momogun Rungus yang berkemampuan untuk memiliki atau menghasilkannya pada zaman dulu.

Manakala, informan Sinohulin (temubual pada 26 Mac 2023) dan informan Rohana (temubual pada 25 Mac 2023) pula menyatakan setiap kumpulan Momogun Rungus

mempunyai status yang sama sahaja dan tidak membezakan status kekayaan ataupun status perkahwinan. Ia hanya disebabkan jangka masa proses menghasilkan kostum dan aksesori seseorang untuk melengkapkan kesemua kostum dan aksesori mereka.



Rajah 6: Kostum dan Aksesori Tradisional Perempuan 2

Sumber: Koleksi Pengkaji (2023)

Pada masa kini, kostum *Sukolob* sangat jarang dipakai dan dipamerkan. Manakala kostum *Banat-Tapi* sering dipakai oleh masyarakat kumpulan Momogun Rungus seiring dengan adat pada peristiwa penting seperti *Magahau*, perkahwinan dan persembahan tarian tradisional yang jarang diadakan pada hari ini. Rajah 8 merupakan kostum dan aksesori tradisional kumpulan Momogun Rungus di Pesta Kaamatan Peringkat Negeri Sabah pada 31 Mei 2023. Semasa menyambut *Magahau*, sebahagian daripada masyarakat Momogun Rungus masih memakai kostum tradisional terutama bagi mereka yang terlibat dengan persembahan kebudayaan. Namun, bagi pengunjung pula hanya memakai pakaian moden dan bebas. Ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Momogun Rungus terutamanya orang muda, suka memakai pakaian moden. Contohnya seperti kemeja-t dengan bermotifkan corak Rungus seperti dalam Rajah 7 yang menunjukkan kemeja-t yang dicetak bercorak motif kontemporari Momogun Rungus yang dijual oleh Persatuan Momogun Rungus Sabah (SAMORA).



Rajah 7: Kemeja T Kinoriki Contemporary Design 2020

Sumber: Koleksi Elforina Jolius (2020)

Walaupun corak dan motif Momogun Rungus mula berevolusi kepada pelbagai variasi, namun teknik tenunan dan tekatan tradisional kekal diwariskan secara turun temurun kepada anak perempuan mereka. Sinohulin (temubual pada 26 Mac 2023) menjelaskan bahawa teknik tenunan ini diamalkan sejak sebelum jajahan kolonial Inggeris sampai sekarang. Beliau masih pandai menghasilkan benang buatan sendiri menggunakan kapas malah menyulam dan menenun kostum tradisional menggunakan alat tenunan tradisional. Berdasarkan kenyataan informan Ross (temubual pada 25 Mac 2023) juga, pada zaman dahulu bahan-bahan tenunan adalah hasil buatan tangan seperti seperti benang “*Kapok*” untuk menenun kain, berbanding zaman sekarang, benang-benang tersebut dibeli dari tamu-tamu di Kudat, Sabah.



Rajah 8: Kumpulan Momogun Rungus

Sumber: Koleksi Pengkaji (2023)

Dalam majlis perkahwinan, kumpulan Momogun Rungus masih menggunakan pakaian tradisi penuh (pemakaian kostum yang dianggap lengkap dengan kostum dan aksesori tradisional) iaitu *Banat-Tapi* supaya pengantin kelihatan cantik dan mewah dalam majlis perkahwinannya seperti contoh dalam Rajah 9. Informan Angela (temubual pada 14 September 2023) menjelaskan kostum tradisional pada zaman sekarang boleh disewa di kedai yang membuat perkhidmatan sewaan kostum tradisional untuk sambutan acara penting malah boleh dibeli jika mereka berkemampuan untuk membelinya. Pada zaman kini, pasangan pengantin sudah tidak terikat dengan cara memakai pakaian semasa berkahwin kerana sebahagian daripada mereka tidak berkemampuan untuk membelinya atau menyewa selengkapnya. Terdapat juga mereka yang meminjam kostum daripada ahli keluarga atau usaha untuk melengkapkan kostum mengikut kemampuan mereka sahaja seperti memakai kostum ‘*hibrid*’ seperti dalam Rajah 9.



Rajah 9: Pasangan Pengantin yang Memakai Baju Tradisional Rungus Dalam Majlis Perkahwinan.

Sumber: Koleksi Pengkaji (2023)

Seterusnya, dalam persembahan tarian tradisional, kostum tradisional masih tetap menggunakan kostum *Banat-Tapi* seperti Rajah 10. Bagi Momogun Rungus, persembahan tarian tradisional mereka perlu dipersembahkan dengan berpakaian lengkap kostum tradisional. Perkara ini secara tidak langsung membolehkan penonton mengenali, menghayati persembahan tarian tradisional dan melihat keindahan kostum tradisional Momogun Rungus. Semua informan bersetuju bahawa pada masa kini majoriti perempuan Momogun Rungus tidak memakai kostum tradisional seperti *Sukolob* dan *Banat-Tapi* sebagai pakaian harian mereka. Ini kerana nilai artistik yang terkandung dalam kedua jenis kostum ini begitu tinggi selain teknikal pemakaian yang rumit.



Rajah 10: Penari kumpulan Momogun Rungus

Sumber: Koleksi Pengkaji (2023)

Aksesori Tradisional Perempuan

Aksesori merujuk kepada objek tambahan atau peralatan yang digunakan sebagai hiasan, untuk melengkapkan penampilan atau gaya seseorang (Cassels, 2013). Aksesori tradisional yang dipakai semasa perayaan, tarian dan harian pada masa dahulu unik khususnya di Kudat, mendapat inspirasi dari flora dan fauna (Leandra, 2022). Fungsi aksesori adalah untuk menambahkan sentuhan estetika, gaya dan keunikan pada pakaian, rambut atau penampilan keseluruhan seseorang. Pemakaian perhiasan diri dalam budaya tertentu dilihat melalui maknanya yang penting dalam konteks agama, sosial, penggunaan berdasarkan jantina, dan sebagai identiti bangsa itu sendiri (Gregory & Noria, 2020).

Pada zaman dahulu, manik-manik yang dihiasi sebagai aksesori tradisional Rungus mempunyai nilai yang tinggi kerana mempunyai harga yang mahal dan susah didapati. Ini kerana manik yang diperdagangkan pada ketika itu diperbuat daripada bahan alam semulajadi seperti batu, kayu, biji buah, tulang, taring, kaca dan tanah liat (Siti Fariza & Humin, 2017). Oleh itu, penggunaan manik dalam kalangan masyarakat Momogun Rungus dianggap sebagai individu yang berkemampuan kerana manik hanya boleh diperolehi melalui kaedah sistem “*barter*” iaitu pertukaran barang dagangan tempatan dengan pedagang dari negara China atau Brunei (Siti Fariza & Humin, 2017). Menurut informan Sinohulin (temubual pada 26 Mac 2023), proses membuat aksesori Momogun Rungus dahulu akan mengambil masa yang lama dan memakan banyak tenaga untuk disiapkan terutamanya *Pinakol*. Malah, informan Sinohulin (temubual pada 26 Mac 2023) juga mengatakan aksesori tradisional Momogun Rungus yang masih kekal hingga kini merupakan aksesori yang diwarisi turun temurun sejak sebelum jajahan pihak kolonial Inggeris lagi. Menurut informan Ross (temubual pada 25 Mac 2023), aksesori tradisional pada zaman dahulu yang digunakan dalam pakaian aktiviti harian dan sambutan *Magahau*, untuk kostum *Banat-Tapi*, dilengkapi dengan aksesori kepala iaitu *Titimbok*, *Sisingal Bunga*, *Sisingal Tinngol*, *Rampai*, dan *In'got-In'got*. Manakala di bahagian leher dihiasi dengan *Tingot Linompung*, *Tingot Linimbata*, dan *Ganggalung*. Pada bahagian badan pula dilengkapi dengan *Pinakol*, dan *Sandang*. Manakala di bahagian pinggang pula dilengkapi dengan *Orot*. Pada bahagian tangan dihiasi dengan pemakaian *Saring*, dan *Sulau*. Dan pada bahagian kaki pula dihiasi dengan *Lungkaki*. Rajah 5 diturunkan sebagai rujukan dan gambaran visual yang lebih jelas.


Pada masa kini, *Lungkaki* dan *Ganggalung* sangat susah dijumpai dan jarang dipakai oleh golongan wanita Momogun Rungus. Perkara ini disebabkan oleh bahan utama aksesori ini iaitu tembaga semakin sukar didapati. Menurut informan Ross (temubual pada 25 Mac 2023), proses pembuatan aksesori dan proses pemakaian aksesori ini sangat mencabar dan teknikal. Setiap aksesori mengambil masa satu hari untuk dihasilkan dan hanya boleh dipakai oleh seorang pemakai sahaja. Bagi menyediakan sebuah set lengkap aksesori, mengambil masa selama tujuh hari. Kesukaran dan keperluan teknikal yang tinggi dalam penghasilan dan pemakaian aksesori ini telah merangsang generasi muda untuk melakukan inovasi ke atas aksesori tradisional mereka. Walau bagaimanapun, kumpulan Momogun Rungus berusaha mengekalkan bentuk

dan kegunaan aksesori tersebut. Aksesori-aksesori perempuan kebanyakannya telah dimodenkan (berkonsepkan kontemporari dan mengikut trend zaman sekarang) dan dibeli sebagai koleksi dan dipakai semasa acara penting sebagai tanda hormat kepada Momogun Rungus.

Kostum Tradisional Lelaki

Dalam kostum tradisional lelaki, Momogun Rungus lelaki memakai tiga jenis kostum iaitu pakaian untuk harian, perkahwinan dan *Magahau*. Perbezaan kostum tradisional lelaki ialah di antara memakai *Tapi* (skirt tradisi lelaki) atau *Masap* (seluar tradisi lelaki) yang dipakai dengan *Badu* (baju tradisi lelaki) dan *Hokos* (tali pinggang tradisi lelaki). Kesemua jenis kostum yang dinyatakan jelas ditunjukkan dalam Rajah 11 dan 12. Menurut informan Ross (temubual pada 25 Mac 2023), pemakaian kostum tradisional lelaki pada zaman dahulu juga boleh menunjukkan status kekayaan mereka. Seseorang yang memakai kostum dengan *Badu-Tapi* dilihat sebagai seseorang yang berkemampuan. Manakala seseorang yang memakai kostum dengan *Badu-Masap* dilihat sebagai seseorang yang kurang berkemampuan. Akan tetapi, informan Sinohulin (temubual pada 26 Mac 2023) pula menjelaskan bahawa status setiap masyarakat Momogun Rungus adalah sama sahaja dan jangka masa proses untuk menghasilkan kostum dan aksesori yang lengkap itu menyebabkan mereka kelihatan berbeza.

Pada zaman dulu, Momogun Rungus lelaki memakai *Badu-Masap* sebagai pakaian aktiviti harian, pada majlis perkahwinan, *Magahau* dan semasa menari tarian tradisional. *Badu-Masap* merupakan kostum kumpulan Momogun Rungus yang diamalkan sebelum jajahan pihak kolonial seperti *Sukolob*. Kemudian wujudnya kostum *Badu-Tapi* yang tidak diketahui bila kostum ini mula dipakai seperti *Badu-Tapi* (informan Sinohulin, temubual pada 26 Mac 2023). *Badu-Tapi* kemudiannya dipakai pada hari perkahwinan, *Magahau* dan persembahan tarian tradisional sama seperti *Badu-Masap*. Menurut informan Angela (temubual pada 14 September 2023), setelah perubahan akibat arus pemodenan pada masa kini, kumpulan Momogun Rungus lelaki tidak lagi memakai kostum tradisional sebagai pakaian aktiviti harian mereka atau sebagai tanda kemampuan mereka. Mereka memakai pakaian moden (bersifat kontemporari dan mengikut trend zaman sekarang) mengikut kesesuaian dan tujuan pakaian mereka. Untuk kostum perkahwinan pula, ada sebahagian daripada pengantin lelaki yang masih mengamalkan adat dan tradisi mereka dengan memakai kostum penuh Momogun Rungus iaitu *Badu-Tapi* untuk kelihatan segar dan mewah pada majlis perkahwinan mereka; pengantin yang tidak mempunyai kostum tradisional kumpulan Momogun Rungus menggantikan *Badu* dengan kemeja moden untuk kelihatan menarik dan baru seperti Rajah 10. Menurut informan Angela (temubual pada 14 September 2023), pada masa kini, hanya minoriti dari keluarga Momogun Rungus yang masih memiliki baju tradisi Momogun Rungus dan kebanyakan daripada mereka boleh menyewa kostum dan aksesori tradisional. Dalam pakaian kostum semasa persembahan tarian tradisional dan *Magahau*, kumpulan Momogun Rungus lelaki masih mengekalkan tradisi memakai kostum tradisional semasa membuat persembahan semasa *Magahau* seperti kostum penari perempuan juga, mereka bebas memakai kostum Rajah 11 atau kostum Rajah 12. Kostum dipakai untuk menari tarian tradisional sambil memperkenalkan dan mempromosikan tradisi kumpulan Momogun Rungus kepada semua orang.



Rajah 11: Kostum dan Aksesori Tradisional Lelaki 1
Sumber: Koleksi Pengkaji (2023)



Rajah 12: Kostum dan Aksesori Tradisional Lelaki 2
Sumber: Koleksi Pengkaji (2023)

Aksesori Tradisional Lelaki

Aksesori tradisional lelaki juga merupakan aksesori yang diwarisi berabad-abad sebelum kemasukan jajahan pihak colonial Inggeris. Menurut informan Ross (temubual pada 25 Mac 2023), pada zaman dulu, aksesori tradisional yang dipakai oleh penari tarian tradisional lelaki atau *Magahau*, seperti di Rajah 12, bermula dari kepala sampai kaki ialah, *Sigal*, *Tinggot Linopung*, *Tinggot Linimbata*, *Pinakol*, *Sandang*, dan *Sandai*. Manakala aksesori tradisional

bagi pengantin lelaki pula ialah semua aksesori di atas dan ditambah dengan *Ganggalung* di bahagian lehernya. Selain itu, untuk aksesori yang dipakai semasa melakukan aktiviti harian pula, masyarakat lelaki Momogun Rungus hanya memakai *Sigal* di kepalanya dan dua *pinakol* disilang di bahagian dada mereka. Manakala menurut informan Angela (temubual pada 14 September 2023) pula, *Pinakol* tidak dipakai harian dan hanya dipakai semasa *Magahau* atau perkahwinan sahaja.

Pada masa kini, pengantin lelaki bebas untuk memakai aksesori mereka pada hari perkahwinan mereka. Terdapat sebahagian daripada mereka yang masih memakai aksesori tradisional yang lengkap semasa majlis perkahwinan mereka namun ada juga sebahagian daripada pengantin lelaki pula memakai aksesori tradisional iaitu aksesori hiasan kostum seperti yang dirujuk dalam Rajah 11 dan 12 mengikut kemampuan mereka, iaitu antara menyewa atau menggunakan aksesori yang diturunkan dalam keluarga. Ini kerana *ganggalung* sangat jarang dijumpai kerana tidak lagi dihasilkan aksesori tembaga, dan juga faktor harga yang mahal (informan Ross, temubual pada 25 Mac 2023). Untuk aksesori pakaian harian pula, lelaki masyarakat Momogun Rungus tidak lagi memakai *Sigal* dan *Pinakol* dalam melakukan aktiviti harian mereka. Aksesori yang moden dipakai sebagai koleksi dan sebagai tanda hormat sahaja. *Sigal* hanya dipakai semasa mereka mempunyai perayaan penting seperti perkahwinan, sambutan *Magahau* dan persembahan tarian tradisional.

KESIMPULAN

Arus pemodenan dan anjakan paradigma telah melunturkan sedikit sebanyak identiti etnik Momogun Rungus itu sendiri. Melalui penelitian ini didapati pemakaian kostum tradisional etnik Momogun Rungus memang telah terbahagi kepada tiga jenis iaitu pemakaian di dalam majlis perkahwinan, acara *Magahau* dan pakaian harian. Perubahan ini tidak memberikan impak yang besar di dalam kedudukan dan status sosial Momogun Rungus namun memberi kesan kepada kelangsungan budaya dan warisan mereka. Disebabkan cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan kaedah dan cara pemakaian tradisional kostum dan aksesori mereka, maka berlakulah pengkhususan pemakaian kostum tradisional mengikut kepentingan dan keperluan majlis. Semasa majlis keramaian seperti perkahwinan dan persembahan tarian tradisional, pemakaian kostum dan aksesori tradisional adalah dititik beratkan. Manakala, semasa menjalankan aktiviti harian atau menghadiri acara *magahau*, pemakaian kostum dan aksesori tradisional tidak diwajibkan dan lebih bergantung kepada kesesuaian serta keselesaan pemakai. Masyarakat Momogun Rungus itu sendiri seharusnya mempunyai kesedaran yang tinggi dalam memelihara dan memulihara budaya warisan mereka khususnya generasi muda, kerana khazanah ini merupakan identiti dan warisan yang tidak ternilai.

Kajian awal ini menunjukkan bahawa perubahan kostum dan aksesori tradisional Momogun Rungus di Kudat dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk pengaruh moden, pelancongan, dan perkembangan sosial. Walaupun perubahan ini mungkin membawa manfaat tertentu, adalah penting untuk dipastikan bahawa nilai dan keaslian budaya terpelihara. Melalui usaha kolektif, masyarakat dapat mengekalkan warisan budaya mereka untuk generasi akan datang sambil tetap relevan dalam dunia yang semakin global.

LIMITASI KAJIAN

Dapatan kajian hanya benar untuk dua (2) kawasan di Kudat, Sabah iaitu Rumah Panjang Bavanggazo di Matunggong dan Gong Village di Sumangkap sahaja. Penyelidik tidak dapat merakam kostum asal dari nenek moyang, dan hanya merakamnya dalam bentuk gambar kerana informan risau akan kerapuhan kostum dan aksesori lama. Tambahan pula, terdapat beberapa aksesori yang sudah tidak dipakai atas sebab bahan yang semakin jarang dijumpai. Terdapat juga masalah pemahaman antara penyelidik dan informan kerana kebanyakan informan lancar bertutur dalam bahasa Rungus manakala penyelidik kurang memahami bahasa Rungus.

RUJUKAN

- Appell, G. (1972). *Ethnic Groups of Insular Southeast Asia*. Human Relations Area Files Press.
https://www.academia.edu/6697096/Ethnic_Groups_of_Insular_Southeast_Asia
- Appell, G. N. (1978). *Ethical Dilemmas in Anthropological Inquiry: A Case Book*. Crossroads Press.
https://www.academia.edu/3115091/Ethical_Dilemmas_in_Anthropological_Inquiry_A_Case_Book
- Azizi, B., Aldrin, A., & Nor Zarifah, M. (2015). The Rungus Longhouse of Sabah, Malaysian Borneo – A Dying Architecture. *SHS Web of Conferences*, 18.
<https://doi.org/10.1051/shsconf/20151802002>
- Cassels, A. K. (2013). *The Social Significance of Late Medieval Dress Accessories* (Vol. I, pp. 12-34).
- Cherubim, A. Q. (2007). Costume, Kóstyom, and Dress: Formulations of Bagóbo Ethnic Identity in Southern Mindanao. *Ethnology*, 46(4), 271–288.
<https://www.jstor.org/stable/20456632>
- Dasuki. (2003). *Modul VI Historiografi: Pengantar Kajian Sejarah* (pp. 45-67). Pustaka Pelajar.
- Denis Guritno, S. S. (2018). *Historiografi*. Universitas Indraprasta PGRI, pp. 1-24.
<https://doi.org/10.13140/RG.2.2.14953.62565>
- Esterlina, M. C. L. L., & Mohd Kipli, A. R. (2021). Magahau dan Hubungan dengan Kepercayaan Tradisi Etnik Rungus di Sabah. *Journal of Social Science & Humanities*, 3(1), 41–48. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg>
- Esterlina, M. C. L. L., & Mohd Kipli, A. R. (2022). Magahau Rungus: Dari Upacara Ritual ke Pesta Keramaian. *Jurnal Warisan Sosio-Budaya*, 15 (4), 201-210.
<https://doi.org/10.51200/ga.vi.3975>
- Gregory, K., & Noria, T. (2020). Penelitian Koleksi Aksesori Perak Ngepan Indu “Biah Anak Anji” Dalam Konteks Budaya Benda Masyarakat Iban. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 169–180. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.2.202>
- Infokit. (2011). What is Intangible Cultural Heritage? - Intangible Heritage - Culture Sector - UNESCO. *Intangible Heritage, Culture Sector, UNESCO*.
<https://ich.unesco.org/en/what-is-intangible-heritage-00003>
- Kok On, L. (2013). Collecting and Contextualising Sundait (Riddles) among the Rungus People of Sabah. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 21(3), 897–922.
- Kok On, L., Abdullah, A. S., & Majumah, R. (2014). Bbahul dan Hubungannya dengan Kepercayaan Bbiruhui Etnik Rungus di Sabah. *Kemanusiaan*, 21(1), 73–102.

- Leandra, J. P. (2022). *Sejarah Masyarakat Rungus di Kudat, Sabah (1881–1963)*. Universiti Malaysia Sabah. <https://eprints.ums.edu.my/id/eprint/35463/>
- Low, K. O. (2013). Collecting and Contextualizing Sundait (Riddles) among the Rungus People of Sabah. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 21(3), 897–922.
- Low, K. O., & Azlan Shafie, A. @ R. M. (2014). Bbahul dan Hubungannya dengan Kepercayaan Bbiruhui Etnik Rungus di Sabah. *Kemanusiaan*, 21(1), 73–102.
- Muhamamd Ridhwan, S., Mohamad, F. S., & Mohd Nor, S. A. (2021). Penggunaan Media dalam Pengekalan Identiti Etnik Generasi Kedua Bawean di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 37(1), 348–363.
- Ong, P. L. (2000). *Packaging Myths for Tourism: The Case of the Rungus of Kudat, Sabah, Malaysia*. University of Edinburgh. <http://libraryblogs.is.ed.ac.uk/phddigitisation>
- Pangayan, V. B. (2020). Tarian Mongigol-Sumundai Momogun Rungus di Sabah: Analisis Konsep Persembahan dan Ragam Gerak. *Gendang Alam*, 10(2), 137–146. <https://doi.org/10.51200/ga.vi>
- Pangayan, V. B., Low, K. O., & Shafii, A. S. H. (2016). Kostum Tradisional Etnik Kimaragang di Sabah: Analisis Unsur Perubahan dan Kearifan Tempatan. In D. M. Naim, M. I. Ahmad, A. S. H. Shafii, N. Isa, S. C. Lah, & N. F. L. Ahmad (Eds.), *6th Conference On Local Knowledge 2016 (ICLK): Local Wisdom: Universal Heritage* (pp. 242–246). Sekretariat Kearifan Tempatan, Universiti Sains Malaysia.
- Porodong, P. (2012). *Rungus*. In K. Mariappan & P. Porodong (Eds.), *Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah* (pp. 110–128). Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Prasti, E. (2019). Pandangan Etika Kristen tentang Berbusana bagi Wanita Kristen. *Jurnal Teologi Berita Hidup*, 1(2), 109–120.
- Romzi, A., Andreas, T., Chelster, S. P., & Raymond, M. (2018). The Use of Rungus Language Among the New Generation (Youth) of Rungus in Matunggong, Sabah. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 12, 98–110. www.akademiabaru.com/arsbs.html
- Romzi, A., Andreas, T., Jane Wong, K. L., Rose Patsy, T., & Jualang, G. (2020). Preserving Native Culture Through Traditional Costumes and Textiles: The Case of the Rungus Community in Sabah, Malaysia. *Kadazandusun Chair & Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning*. https://www.academia.edu/85635120/Preserving_Native_Culture_Through_Traditional_Costumes_and_Textiles_the_Case_of_the_Rungus_Community_in_Sabah_Malaysia
- Sharifah Darmia, B. S. A. (2020). *Pengaruh Budaya dalam Keharmonian Etnik di Sabah*. Universiti Malaysia Sabah.
- Siti Aidah, L., Suraya, S., & Johan, J. (2022). Sejarah dan Pengalaman Hubungan Etnik di Sabah: Kesepaduan dalam Kepelbagaian. *E-Bangi Journal of Social Science & Humanities*, 19(6), 183–192. <https://doi.org/10.17576/EBANGI.2022.1906.14>
- Siti Fariza, M., & Humin, J. (2017). Reka Corak dan Simbolisme Motif Pinakol dalam Pakaian Masyarakat Rungus di Sabah. *Jurnal Gendang Alam*, 7, 65–78. <https://doi.org/10.51200/GA.V7I.1047>
- Victor, P. (2020). Tarian Mongigol-Sumundai Momogun Rungus di Sabah: Analisis Konsep Persembahan dan Ragam Gerak. *Jurnal Gendang Alam*, 6 (1), 1–18. <https://doi.org/10.51200/GA.VI.2840>
- Yoon, P. L., & Humin, J. (2018). Ciri Estetika dalam Reka Bentuk dan Motif Pakaian Tradisional Golongan Perempuan Etnik Rungus di Kudat. *Gendang Alam*, 8, 70–83.

**LEGASI PARANG *ILANG* SEBAGAI LOGISTIK PERANG DALAM BUDAYA IBAN
DI SARAWAK**
***THE LEGACY OF ILANG MACHETE AS WAR LOGISTICS IN IBAN CULTURE IN
SARAWAK***

ADILAWATI ASRI

*Faculty of Applied and Creative Arts,
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Malaysia
Corresponding Author: adila25784@gmail.com*

*Tarikh dihantar: 11 Julai 2024 \ Tarikh diterima: 26 Ogos 2024 \ Tarikh diterbit: 31 Disember 2024
DOI: <https://doi.org/10.51200/ejk.v30i.5843>*

ABSTRAK Kajian ini memfokuskan legasi parang *Ilang* sebagai logistik perang dalam budaya Iban di Sarawak. Ia dilakukan berdasarkan kepada era kegemilangan parang *Ilang* Iban sejak zaman dahulu sehingga sekarang. Legasi parang *Ilang* sebagai logistik perang dalam budaya Iban di Sarawak dikupas dalam peradaban dan kebudayaan Iban yang menjadi mercu tanda keagungan dan kegemilangan dalam menzhahirkan ketamadunan mereka di Sarawak. Selain itu, parang *Ilang* adalah merupakan perlambangan dan citra identiti budaya Iban dalam bentuk intelektual dan aspirasi melalui naluri kehidupan. Walau bagaimanapun, pelbagai faktor telah mengubah corak kebudayaan Iban semasa era kolonialisasi. Tambahan pula, pembangunan moden serta arus globalisasi yang melanda kehidupan memperlihatkan ketidakupayaan terhadap mempertahankan legasi parang *Ilang* yang dicipta dan diperolehi secara tradisi. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk melegasikan parang *Ilang* sebagai logistik perang dalam budaya Iban di Sarawak. Kajian ini berbentuk kepada etnografi yang memfokuskan kepada legasi parang *Ilang* sebagai logistik perang dalam budaya Iban di Sarawak. Kajian yang dijalankan mengaplikasikan pendekatan kualitatif yang menggunakan proses pengumpulan data daripada kajian kerja lapangan, iaitu pemerhatian biasa, pemerhatian turut serta, dan temu bual pihak informan. Keseluruhannya, kajian ini berupaya untuk melegasikan parang *Ilang* sebagai logistik perang dalam budaya Iban di Sarawak agar terus dijadikan sebagai kemuncak kegemilangan terhadap membangunkan kemahiran hidup pada zaman yang dilalui.

Kata kunci: Parang *Ilang*, logistik perang, budaya Iban, Sarawak.

ABSTRACT This study focuses on the legacy of Ilang machete as war logistics in Iban culture in Sarawak. It was done based on the era of glory of the Ilang Iban Ilang machete from ancient times until now. The legacy of Ilang machete as the logistics of war in the Iban culture in Sarawak is reflected in the Iban civilization and culture which is a landmark of majesty and glory in manifesting their civilization in Sarawak. In addition, Ilang machete is a symbol and image of Iban cultural identity in the form of intellectuals and aspirations through the instincts of life. However, various factors have changed the pattern of Iban culture during the era of colonialization. Furthermore, modern development as well as the current of globalization that plagues life shows the inability to defend the legacy of Ilang machete that was created and acquired traditionally. Therefore, this study aims to legalize the Ilang machete as a war logistics in Iban culture in Sarawak. This study takes the form of an ethnography that focuses on the legacy of the Ilang machete as war logistics in the Iban culture in Sarawak. The research conducted applies a qualitative approach that uses the data collection process from field work studies, namely regular observation, participatory observation, and informant interviews. Overall, this study seeks to legitimize the Ilang machete as war logistics in the Iban culture in Sarawak so that it continues to be used as the pinnacle of glory for developing life skills in the past.

Keywords: *Ilang machete, war logistics, Iban culture, Sarawak.*

PENDAHULUAN

Kajian ini memfokuskan terhadap parang *Ilang* sebagai legasi logistik perang Iban di Sarawak. Kajian ini dilakukan berdasarkan kepada kegemilangan parang *Ilang* yang didasari kepada adat dan budaya Iban zaman dahulu dan kini. Ia dikupas berdasarkan kepada peradaban Iban dan kebudayaan yang menjadi mercu tanda keagungan dan kegemilangan dalam menzahirkan ketamadunan mereka di Sarawak. Penciptaan parang *Ilang* Iban di Sarawak terdahulu adalah melalui penggunaan material batu dan tulang binatang yang terdapat di kawasan lingkungan dan persekitaran yang didiami. Teknologi penciptaan parang *Ilang* Iban terdahulu juga adalah bersifat ringkas, agak kasar dan mempunyai keupayaan fungsi yang terhad ketika zaman tersebut. Semenjak daripada zaman dahulu sehingga kini, modifikasi terhadap parang *Ilang* Iban terus berkembang maju seiring dengan transisi zaman. Tambahan pula, perkembangan terhadap parang *Ilang* Iban banyak dipengaruhi oleh pelbagai faktor, seperti cara hidup yang bersifat survival, pengalaman, tuntutan hidup sama ada untuk rohani dan jasmani serta dalam kegiatan seharian. Parang *Ilang* Iban adalah merupakan logistik perang yang amat dihormati serta menyanjung pemilik objek tersebut. Ini kerana pada zaman dahulu, parang *Ilang* Iban adalah merupakan logistik perang yang pernah digunakan untuk ekspedisi tradisi *Ngayau* atau memenggal kepala pihak musuh di medan peperangan oleh golongan pahlawan Iban. Selain itu, parang *Ilang* Iban juga dianggap serta diiktiraf sebagai harta pusaka yang diwarisi secara turun-temurun. Ini kerana peranan parang *Ilang* Iban sangat jelas serta memberi makna yang amat mendalam untuk dihayati bersama. Dalam ekspedisi tradisi *Ngayau*, kejayaan seseorang pahlawan Iban adalah bergantung kepada jumlah kepala yang dipenggal. Tambahan pula, ia melambangkan keunggulan sebagai seorang pahlawan dan diberikan pengiktirafan yang tertinggi serta perubahan status sosial di dalam kehidupan masyarakat Iban di rumah panjang. Setelah berakhirnya ekspedisi tradisi *Ngayau* atau memenggal kepala, parang *Ilang* Iban lazimnya digunakan dalam aktiviti seharian, seperti berkebun dan memburu binatang.

Perubahan dan arus globalisasi juga menjadi kepada faktor penolak yang dominan terhadap kemunduran objek budaya dalam kalangan masyarakat Iban, iaitu dari perspektif penciptaan secara tradisional, fungsi dan penggunaan, manifestasi, amalan kepercayaan warisan, seni dan kebudayaan mereka. Masyarakat Iban pada hari ni khususnya generasi muda sangat berkecenderungan dalam mengejar kemajuan dan dilihat perlahan-lahan meninggalkan cara kehidupan nenek moyang mereka terdahulu. Tambahan pula, majoriti masyarakat Iban kini dilihat amat selesa untuk berhijrah ke kawasan bandar yang lebih menjanjikan banyak peluang pekerjaan dan pendidikan secara formal bagi menjamin taraf hidup ekonomi yang lebih berkualiti, menjana pemodenan dalam kehidupan serta terjamin masa hadapan. Sehubungan dengan itu, ini secara tidak langsung menghakis dan melunturkan identiti dan budaya dalam masyarakat Iban itu sendiri (Datuk Sri Edmmund Langgu, temu bual 2023).

Kemerosotan nilai budaya yang berlaku juga ditegaskan oleh Timbalan Ketua Menteri Sarawak, iaitu Datuk Amar Douglas Unggah Embas dalam kenyataan pada tajuk berita Utusan

Borneo terbitan Julai tahun 2019 tentang ‘Pertahan budaya, tradisi daripada pupus ditelan zaman’ mengungkapkan bahawa;

“Sekarang kehidupan masyarakat Iban dilihat terlalu bergantung dengan kemajuan teknologi seperti penggunaan telefon pintar, kita secara tidak langsung cenderung untuk mengabaikan banyak perkara dari masa lalu termasuk budaya dan amalan tradisi kita. Justeru itu, masyarakat peribumi terutamanya Iban tidak boleh tunduk kepada kepuasan ini, kita harus memelihara semua ini demi generasi akan datang”.

(Sumber: Utusan Borneo, 2019)

Kenyataan yang dikemukakan oleh Timbalan Ketua Menteri Sarawak tersebut adalah merupakan satu inisiatif kepada masyarakat Iban agar sesebuah kebudayaan dan kesenian yang dimiliki masyarakat peribumi seperti orang Iban sama ada berbentuk warisan ketara atau tidak ketara dalam generasi mereka pada masa akan datang dapat dilestarikan. Tambahan pula, ia sebagai satu kaedah bagi mengekalkan ciri-ciri identiti kebudayaan dan kesenian dalam masyarakat Iban sebagai salah satu kelompok peribumi Dayak di Malaysia, khususnya di Sarawak.

Selain itu, kajian ini akan menjadi panduan dan rujukan ilmu kepada penyelidik budaya, masyarakat Iban dan masyarakat lain yang ingin mengenali dan mempelajari tentang warisan dalam budaya Iban tentang parang *Ilang*. Ini kerana parang *Ilang* adalah merupakan sebahagian daripada harta dan warisan peninggalan nenek moyang dalam Iban. Sehubungan dengan itu, kajian ini sangat penting untuk meluaskan ilmu mengenai topik yang dikaji. Dengan terhasilnya kajian ini, maka diharapkan agar kelompok Iban akan terus memberi sokongan dan mencintai budaya mereka sendiri. Selain itu, kajian ini juga adalah bertujuan untuk memberi kefahaman dan pendedahan ilmu pengetahuan tentang nilai-nilai kesenian dan kebudayaan masyarakat Iban melalui topik yang dikaji kepada pembaca dan penggemar budaya tanah air.

SOROTAN LITERATUR

Parang *Ilang* untuk tujuan tertentu walaupun ia berasal dari Dayak yang lain, seperti Kayan dan Kenyah. Seni parang *Ilang* dahulunya adalah merupakan senjata tradisional dalam Iban, Kayan dan Kenyah yang digunakan pada pakaian dalam adat istiadat yang penting. Apabila parang *Ilang* dipegang ke bawah, ia berbentuk cembung di sebelah kanan dan cekung di permukaan kiri. Ia juga sedikit melengkung ke kiri, manakala bahagian tepi hampir lurus dan belakang cerun jauh beberapa inci. Lazimnya, bahagian belakang parang *Ilang* dihiasi dengan logam atau tembaga. Manakala, pada bahagian ulu seni parang *Ilang*, ia dihiasi dengan rambut. Bagi masyarakat Iban, mereka tidak suka seni parang *Ilang* sebagai senjata atau peralatan kerana ia tidak boleh digunakan sekilas, seperti *Nyabur*. Berdasarkan kepada aspek fizikal seni parang *Ilang*, ia mempunyai perbezaan dari segi bentuk bilah dan juga bahagian hulu berbanding parang lain. Bagi istilah Melayu, parang adalah merupakan sejenis pisau besar. Manakala, bagi

Kenyah, pedang mereka digelar seni parang *Ilang* kerana memiliki bentuk sisi yang cembung dan satu sisi lagi cekung (Richard, 1981).

Parang *Ilang* adalah sebahagian daripada aksesori busana seorang pahlawan Iban yang bergelar *Bujang Berani*. Tambahan pula, ia dapat disamakan dengan signifikan keris oleh pahlawan Melayu sebagai simbol legitimasi kerajaan dan kedaulatan institusi beraja di Malaysia. Penggunaan senjata warisan dalam masyarakat Iban, seperti parang *Ilang* bukan sahaja dimiliki oleh mereka malah masyarakat Kenyah. Ini kerana Kenyah juga mempunyai kepakaran terhadap penciptaan parang *Ilang*. Lazimnya, parang *Ilang* dihiasi dengan ukiran tebuk. Bagi Iban dan Kenyah, mereka lebih gemar membuat bahagian hulu parang daripada tanduk binatang. Selain itu, parang *Ilang* juga bukan hanya wujud dalam budaya Iban malah ia juga dihasilkan oleh Kenyah dan Kayan. Jika dilihat pada bahagian hulu parang *Ilang* lazimnya diperbuat daripada tanduk rusa dan bukan hanya menggunakan material kayu biasa sahaja (Ganjing, 1991).

Terdahulu, pedang dan tombak adalah merupakan senjata yang penting bagi kelompok Dayak sebelum wujudnya penggunaan senapang patah. Bagi Iban, terdapat dua pedang utama, iaitu parang *Ilang* dan *Nyabur*. Berdasarkan kepada pandangan Melayu, parang *Ilang* adalah merupakan senjata yang diklasifikasikan sebagai parang kebangsaan yang digunakan oleh kelompok Dayak Laut di Sarawak. Jika dilihat pada sejarah parang *Ilang*, ia dihasilkan oleh kelompok Kayan. Bagi mereka, ia adalah senjata utama yang digunakan dalam medan peperangan semasa era pemerintahan oleh golongan penjajah (Hill, Wolly & Keith, 1998).

Parang *Ilang* sangat penting dalam budaya Iban. Ini kerana objek tersebut adalah merupakan senjata tradisional yang melambangkan simbol kepahlawanan pahlawan Iban. Berdasarkan budaya Iban, parang *Ilang* menjadi aksesori penting bagi penari lelaki dalam tarian *Ngajat* yang dipadankan dengan busana tradisional mereka, *Terabai* atau baju perisai. Pada zaman dahulu, parang *Ilang* adalah merupakan senjata yang digunakan untuk memenggal kepala pihak musuh di medan peperangan oleh golongan pahlawan Iban. Justeru itu, pahlawan Iban suatu ketika dulu sememangnya dikenali dengan semangat keberanian mereka menentang musuh. Malah, menjadi satu kewajipan setiap kali selepas bertempur untuk memenggal kepala pihak musuh mereka, iaitu melalui ekspedisi tradisi *Ngayau*. Kepala pihak musuh yang dipenggal oleh pahlawan Iban akan di bawa pulang ke rumah panjang mereka untuk diraikan. Ini kerana dalam ekspedisi tradisi *Ngayau*, jumlah kepala yang dipenggal adalah penentuan kepada keunggulan dan kepahlawanan bagi golongan pahlawan Iban. Dalam tradisi ekspedisi *Ngayau*, setelah kepala pihak musuh dipenggal, ia akan di bawa pulang sebagai simbol kejayaan, manakala bahagian anggota badan yang lain ditinggalkan. Justeru itu, nama parang *Ilang* dipercayai diperoleh selepas dipenggal, maka hilang kepala musuh (Yahya, 2015).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang didasari kepada kajian kerja lapangan, iaitu melalui temu bual, pemerhatian dan pemerhatian turut serta. Dalam usaha bagi mengumpul dan menganalisis data, maka penggunaan data kualitatif adalah bertujuan untuk memastikan tahap pemprosesan data diperolehi dengan lebih teratur. Pendekatan kualitatif yang diaplikasikan dalam kajian empirikal merujuk kepada sesuatu jenis kajian yang memberi fokus atau pengajian erti dan makna serta fenomena yang berkaitan dengan situasi semula jadi (Mok, 2008). Antara kelebihan menggunakan pendekatan kualitatif adalah kerana ia amat menitikberatkan tentang penghuraian sesuatu fenomena berbanding menerangkan tentang perhubungan di antara pemboleh ubah (Ahmad, et al., 2011). Tambahan pula, pendekatan kualitatif juga akan dapat membantu penyelidik memahami perasaan, nilai dan persepsi yang mempengaruhi tingkah laku pihak informan (Chua, 2011). Kajian ini juga melakukan temu bual bersama pihak informan, iaitu melalui temu bual mendalam (*in-depth interview*) secara bersemuka serta sumber lisan tradisional. Bagi mengukuhkan kajian ini, beberapa buah buku, jurnal dan keratan akhbar telah digunakan sebagai sorotan literatur. Alat bantuan kajian, seperti kamera, perakam audio dan visual digunakan bagi mendokumentasikan parang *Ilang* Iban.

DAPATAN KAJIAN

Parang *Ilang* Iban

Menurut Adilawati Asri (2024), parang adalah merupakan sejenis pisau besar serta tajam yang kebiasaannya digunakan oleh masyarakat Iban. Mereka menggunakan parang bagi melakukan kegiatan harian, seperti memburu binatang, menebas rumput di kawasan penempatan, membuka penempatan baru, pertanian, menangkap ikan serta memotong kayu hutan. Bagi masyarakat Iban, mereka menggunakan seni parang biasa atau seni parang penebas bagi melakukan kegiatan tersebut. Selain itu, parang *Ilang* yang dicipta adalah sesuatu objek yang berfungsi untuk memenuhi keperluan hidup masyarakat Iban. Jika dilihat pada siri-ciri parang *Ilang* terdahulu, ia adalah bersifat ringkas sahaja, penciptaan yang tidak rumit, seni penciptaan yang agak kasar, tidak rata dan tidak mempunyai keindahan yang tersendiri. Parang *Ilang* dahulu dicipta hanya untuk berfungsi penuh dalam kehidupan masyarakat Iban. Ini kerana fungsi seni parang *Ilang* yang terdahulu adalah terhad dan tidak terlalu banyak kegunaan, iaitu hanya sebagai peralatan seharian. Tambahan pula, apabila berlaku perubahan era dan transisi zaman, maka parang *Ilang* mula berevolusi dan ia disesuaikan dengan keperluan dan budaya Iban.

Asal Usul Parang *Ilang* Iban

Dato Sri Edmmund Langgu (2023) menyatakan bahawa parang *Ilang* adalah dikatakan raja segala parang. Ini kerana dikatakan parang *Ilang* sering kali dinyatakan dalam, cerita-cerita rakyat Iban, bacaan mantera serta *Sampi* dalam budaya masyarakat Iban. Tambahan pula, parang *Ilang* juga memiliki kuasa kesaktian yang tersendiri. Bagi Iban di Kalimantan, parang *Ilang* dikenali sebagai *Mandau*. Pada zaman dahulu, sebelum penghijrahan masyarakat Iban ke

Sarawak, dikatakan bahawa berlakunya konflik mereka dengan kuasa-kuasa luar biasa. Sehubungan dengan itu, Iban mula berpecah dan berhijrah ke Sarawak. Asal usul parang *Ilang* mula dicipta adalah bermula di sebuah tempat bernama *Tembawai Tampung Juah*, Indonesia. Lazimnya, bagi penciptaan parang *Ilang*, ia menggunakan material kayu *Belian* yang dibelah tiga dan berukuran sepuluh meter. Menurut Tugang (2023) pada zaman dahulu, terdapat suatu cerita yang menyatakan bahawa terdapat beberapa individu Iban sedang melakukan aktiviti memburu binatang. Mereka yang tinggal di Indonesia ketika itu mendengar kayu tersebut seakan-akan berpusing dan beralih seperti gasing. Sehubungan dengan itu, mereka sedaya upaya mencari arah tuju bunyi dan telah melihat material kayu *Belian* itu berpusing. Semua bahagian pokok dan semak yang terkena libasan material kayu *Belian* telah terputus. Setelah tiga hari mereka mendengar bunyi material kayu tersebut berpusing, maka ia telah rebah. *Tuai Rumah Merapuh*, *Tembawai Tampung Juah* mencari bunyi tersebut. Setelah dicari, mereka menjumpai parang *Ilang* pada bahagian tengah pokok kayu *Belian*. Ia kelihatan seperti kipas yang sedang berpusing. Tambahan pula, parang *Ilang* itu kelihatan pada bahagian tengah pokok kayu *Belian* beserta sarungnya. Menurut keturunan nenek moyang Iban pada zaman dahulu, parang *Ilang* dipercayai diambil menerusi mimpi. Justeru itu, parang *Ilang* adalah ‘Raja Parang Iban’ atau ‘Ibu Parang Iban’. Tambahan pula, semua seni parang yang wujud dalam budaya Iban tidak dapat menandingi kehebatan serta kemistikan yang terdapat pada parang *Ilang*.

Dalam budaya Iban, menurut Adilawati Asri (2024), parang *Ilang* adalah merupakan salah satu senjata tradisi. Parang *Ilang* juga sememangnya digunakan dalam kebudayaan Iban, tetapi pada asalnya adalah disebabkan oleh perkembangan ilmu persenjataan oleh Kayan dan Kenyah. Bagi Kayan dan Kenyah, mereka mempunyai pelbagai jenis parang. Manakala, Iban juga mempunyai parang lain sebelum wujudnya parang *Ilang*, seperti parang *Tangkin* dalam Rajah 1 dan parang penebas pada Rajah 2. Parang penebas ini lebih panjang berbanding parang *Tangkin* yang agak pendek.



Rajah 1: Parang *Tangkin*

Sumber: Adilawati Asri (2024)



Rajah 2: Parang Penebas Yang Tidak Mempunyai Kilas

Sumber: Adilawati Asri (2024)

Menurut keturunan nenek moyang Iban terdahulu, Dato Sri Edmmund Langgu (2023) menyatakan bahawa asal usul parang dikatakan berasal daripada negara China ataupun India. Manakala, istilah *Ilang* diberi nama keduanya memandangkan sekali penggal terus hilang kepala pihak musuh. Selain itu, terdapat juga andaian oleh nenek moyang Iban yang berpendapat bahawa asal usul kepenggunaan parang *Ilang* adalah kerana mencontohi Kayan dan Kenyah. Iban terdahulu menggunakan parang biasa dan masih belum menggunakan parang *Ilang* dalam kegiatan bercucuk tanaman dan juga pemburuan binatang. Bagi pandangan Tugang (2023), sejarah parang *Ilang* Iban adalah bermula di kawasan yang diberi nama Tapang. Semasa mendiami di Tapang, terdapat sebuah pokok besar yang dikenali sebagai pokok *Engkerawat*. Pokok ini tumbuh di sebuah kawasan hutan dan tiada pokok lain yang tumbuh di sekitarnya. Pada suatu masa ketika itu, berlaku ribut taufan yang melanda di kawasan pokok tersebut. Dikatakan juga ribut taufan itu mengelilingi pokok Engkarawat itu. Setelah dilanda ribut taufan, maka pokok *Engkerawat* itu hampir tumbang dan menampakkan pecahannya. Dapat dilihat pada bahagian pokok *Engkerawat* yang pecah itu, terdapat selembar *Pua Kumbu*, parang *Ilang* dan sebiji *Tajau* (tempayan). Oleh hal yang demikian, apabila seseorang individu Iban melakukan kesalahan, maka perlu ‘membayar’ atau menebus kesalahan kepada orang yang dianiayai atau tercedera dengan melalui selembar *Pua Kumbu* dan parang *Ilang*. Dalam budaya Iban, terdapat beberapa jenis seni parang, seperti *Ilang*, *Malat*, *Tilan Kemarau*, *Tilan Sabang*, *Tali Kemarau*, *Langgai Tinggang*, *Nyabur*, *Pedang*, *Langgai Manuk* dan *Jempul*. Namun begitu, Datuk Sri Edmmund Langgu (2023) menyatakan bahawa parang *Ilang* Iban dan *Nyabur* adalah merupakan ‘Ibu Segala Parang Iban’.

Bagi Lanting Anak Itar (2023), kewujudan kuasa-kuasa luar biasa yang dikatakan mempunyai perkaitan dengan penggunaan parang *Ilang* Iban lazimnya dikaitkan dengan *Orang Panggau Libau*. Semasa kelompok Iban masih tinggal bersama *Orang Panggau Libau*, mereka dikatakan sudah memiliki parang *Ilang*. *Orang Panggau Libau* sememangnya menggunakan parang *Ilang* Iban semasa melakukan ekspedisi tradisi *Ngayau*. Dalam budaya Iban, sekiranya seseorang individu bukan dalam kalangan *Bujang Berani*, maka tidak dibenarkan untuk menggunakan parang *Ilang* sembarangan. Ini kerana dipercayai semua *Petara* perang Iban

memiliki parang *Ilang*. Justeru itu, pemilikan parang *Ilang* terdahulu adalah sangat terhad terutama yang pernah digunakan untuk memenggal kepala pihak musuh demi menjaga kesakralannya dalam budaya Iban.

Parang *Ilang* Sebagai Legasi Logistik Perang Iban

Iban terdahulu mempunyai kearifan tradisi dalam aspek melindungi diri terhadap ancaman dan serangan pihak musuh serta binatang buas. Parang *Ilang* dalam Rajah 3 adalah merupakan salah satu logistik perang yang digunakan oleh pahlawan Iban dalam ekspedisi tradisi *Ngayau* atau aktiviti pemburuan kepala manusia. Menurut Beji Anak Laga (2023), dalam budaya Iban, keturunan *Bujang Berani* sememangnya sangat terkenal dengan sifat kepahlawanan yang tinggi melalui ekspedisi tradisi *Ngayau* sebagai simbol kuasa dan ikon keberanian. Ekspedisi tradisi *Ngayau* sangat sinonim dengan golongan lelaki Iban. Individu yang mempunyai teknik peperangan yang efektif akan dilantik menjadi ketua, disanjung dan digeruni oleh individu lain. Berdasarkan kepada tradisi lisan generasi Iban terdahulu, tujuan mereka berperang adalah untuk mendapatkan harta kekayaan dan status sosial, iaitu berdasarkan jumlah kepala musuh yang diperoleh semasa ekspedisi tradisi *Ngayau*.



Rajah 3: Busana lelaki Iban yang lengkap dengan parang *Ilang*

Sumber: Koleksi milik informan Robinson Unau Gaung (2024).



Rajah 4: Parang *Ilang* Iban yang berusia ratusan tahun sebagai pusaka Iban
Sumber: Adilawati Asri (2024).



Rajah 5: Koleksi Parang *Ilang* Milik Nelson Anak Antau
Sumber: Adilawati Asri (2024).

Dalam adat Iban sepertimana yang diterangkan oleh Dato Sri Edmmund Langgu (2023), Parang *Ilang* juga tidak boleh dilempar, dicampak serta diletakkan pada sembarangan tempat dan lazimnya ia digantung pada ruangan tinggi sepertimana dalam Rajah 5. Memandangkan parang *Ilang* ini adalah merupakan salah satu senjata tajam dan ampuh, maka ia perlu diurus dan dijaga dengan baik melalui digantung pada dinding dan disimpan pada tempat yang tersembunyi serta dijauhi daripada golongan kanak-kanak. Ini kerana ia bertujuan bagi mengelakkan sebarang kecederaan yang berlaku. Tambahan pula, bagi sesetengah parang *Ilang* yang sudah lama usianya, maka dikatakan bahawa sekiranya terdapat seseorang yang terkena libasan bilahnya akan menyebabkan kecederaan yang agak sukar untuk sembuh. Ini kerana besi seni parang *Ilang* yang sudah terlalu lama akan menyebabkan luka terkena bilahnya dan ia agak sukar untuk sembuh dengan cepat.

Bagi John Anak Jimbun (2023) yang merupakan seorang pencipta parang *Ilang* secara tradisi yang menyatakan bahawa asal usul objek ini dipercayai berasal daripada kawasan Lubok Antu. Pada zaman dahulu, parang *Ilang* Iban sememangnya dibuat untuk tujuan digunakan dalam ekspedisi tradisi *Ngayau* atau aktiviti pemburuan kepala pihak musuh di medan peperangan. Jika dilihat pada zaman sekarang, kebanyakan individu kurang berminat dalam menceburi bidang pertukangan parang *Ilang*. Ini kerana penciptaan parang *Ilang* sangat memerlukan kepada kesabaran yang tinggi serta kepakaran dalam bidang pertukangan besi dan logam. Parang *Ilang* adalah merupakan salah satu logistik perang yang digunakan oleh golongan *Bujang Berani* semasa melakukan ekspedisi tradisi *Ngayau* atau aktiviti pemburuan kepala pihak musuh. Ekspedisi tradisi *Ngayau* dalam budaya Iban adalah memperlihatkan suatu gambaran yang jelas tentang aspek keperwiraan, ikon keberanian, kebanggaan, kekuatan serta pengaruh status sosial tertentu. Parang *Ilang* Iban bukan sahaja digunakan oleh pahlawan Rentap, tetapi wajib digunakan oleh golongan pahlawan yang bergelar *Bujang Berani* dalam ekspedisi tradisi *Ngayau*. Tambahan pula, terdapat dua benda penting yang perlu dibawa semasa berperang, iaitu parang *Ilang* serta perisai atau *Terabai*. Ini kerana parang *Ilang* digunakan bagi melawan pihak musuh dan perisai pula sebagai pertahanan diri daripada terkena serangan.

Menurut Long Anak Mang (2023), Pada zaman dahulu, parang *Ilang* yang dihasilkan dalam budaya Iban adalah bertujuan perlindungan dan pertahanan diri semasa melakukan ekspedisi tradisi *Ngayau* atau aktiviti memburu kepala pihak musuh. Dalam budaya masyarakat Iban, ekspedisi tradisi *Ngayau* atau aktiviti memburu kepala adalah merupakan salah satu adat lama yang diamalkan sejak zaman dahulu sehingga ditamatkan pada era pemerintahan oleh Rajah Brooke pada tahun 1839 di Sarawak. Tindakan Rajah Brooke terhadap menamatkan ekspedisi tradisi *Ngayau* telah menyebabkan wujudnya pelbagai reaksi daripada masyarakat Iban di Sarawak pada ketika itu. Ini kerana ia secara tidak langsung telah mengubah selok belok kebudayaan serta amalan kepercayaan warisan yang melibatkan aspek sosial, ekonomi dan politik mereka. Tambahan pula, ekspedisi tradisi *Ngayau* hanya dilakukan bagi menentang pihak musuh yang menyerang dan memberi ancaman terhadap kelompok Iban itu sendiri.

Sebagai *Lemambang* Iban, Unsa Anak Meringai (2023) menyatakan bahawa parang *Ilang* yang pernah digunakan dalam ekspedisi tradisi *Ngayau* akan menjadi keutamaan untuk digantung pada buluh semasa upacara *Gawai Burung*. Tambahan pula, parang *Ilang* biasa atau tidak pernah digunakan dalam ekspedisi tradisi *Ngayau* atau aktiviti pemburuan kepala, maka ia tetap dijadikan sebagai salah satu peralatan utama dalam upacara, adat istiadat dan ritual Iban. Pandangan beliau turut disokong oleh *Lemambang* Iban lain, iaitu Abang Anak Entary (2023) yang menerangkan bahawa dalam setiap adat istiadat kebudayaan tradisional Iban, maka akan diperlihatkan tiga objek utama iaitu, *Pua Kumbu*, parang *Ilang* dan *Tajau* yang memainkan peranannya sebagai simbol atau lambang identiti diri Iban terhadap *Petara* bagi mereka yang masih mengamalkan ajaran *Pengarap Lama*. Parang *Ilang* pada asalnya adalah merupakan salah satu logistik perang yang digunakan dalam ekspedisi tradisi *Ngayau*. Selain itu, parang *Ilang* juga digunakan oleh golongan *Bujang Berani* untuk menetak dan menikam pihak musuh yang menyerang mereka secara mengejut. Sekiranya ditikam oleh parang *Ilang*, maka ia akan menusuk ke dalam anggota badan pihak musuh dan boleh mendatangkan kecederaan yang berat

Sehubungan dengan itu, konsep budaya dalam makanan tradisional Melayu Brunei berfungsi untuk menginterpretasikan serta menaksir keistimewaan makanan tradisional ini di Sabah. Makanan tradisional masyarakat Melayu Brunei bukan hanya dijadikan sebagai hidangan malah, makanan tradisional ini menjadi kebanggaan bagi masyarakat tersebut yang berakar umbi dengan warisan budaya serta kepercayaan terhadap masyarakat ini. Selain itu, makanan tradisional ini juga dikaitkan dengan nilai kekeluargaan serta nilai perpaduan. Sebagai contoh, *ambuyat* yang dimakan secara beramai-ramai atau *bedudun* akan dapat mengukuhkan lagi nilai sosial dalam masyarakat Melayu Brunei. Dari segi keunikan makanan tradisional masyarakat Melayu Brunei pula, bahan, perisa dan penyediaan pada makanan ini berbeza dengan makanan masyarakat lain di Sabah. Maka, dapat dikatakan bahawa setiap makanan tradisional ini memiliki keistimewaan tersendiri.

Budaya dalam membuat, menghidangkan dan menikmati makanan tradisional Melayu Brunei merupakan simbolik dan warisan yang perlu diteruskan oleh masyarakat Melayu Brunei di Sabah. Sabah merupakan negeri yang mempunyai penduduk lebih kurang 41 kumpulan etnik dan subkumpulan etnik yang mengaplikasikan 50 bahasa dan menuturkannya dalam 80 dialek dalam kehidupan seharian (Sharifah, 2020:62). Melalui makanan tradisional Melayu Brunei, makanan tradisional ini mampu membentuk hubungan sosial yang lebih ke arah perpaduan berbanding suatu ketika dahulu. Makanan tradisional seperti *kelupis*, *ambuyat*, *kuih jelurut*, *kuih pinyaram*, *nasi katok* dan *kuih wajid* juga berperanan dalam mengharmonikan sesebuah hubungan antara masyarakat Melayu Brunei dan masyarakat lain di Sabah. Malah, kewujudan makanan tradisional masih dikekalkan dan dapat dinikmati sehingga ke hari ini (Raji et al., 2024). Di samping itu, masyarakat Melayu Brunei juga mampu membentuk hubungan sosial melalui persepsi budaya dan makanan tradisional seperti *kelupis*, *ambuyat*, *kuih jelurut*, *kuih pinyaram*, *nasi katok* dan *kuih wajid*. Kebanyakan kaedah memasak dan penyediaan bahan makanan seperti *ambuyat* juga dihidangkan oleh masyarakat lain di Sabah seperti suku kaum Kadazandusun. Suku kaum ini seolah-olah menjadikan *ambuyat* sebagai inspirasi mereka dalam mencipta bentuk makanan tradisional bagi kaum mereka sendiri (Ivy, Temu bual, Ogos 21, 2024). Meskipun makanan tradisional seperti *kelupis*, *ambuyat*, *kuih jelurut*, *kuih pinyaram*, *nasi katok* dan *kuih wajid* sering mengalami perubahan, namun keaslian makanan ini yang berasal dari masyarakat Melayu Brunei masih menjadi pilihan makanan nombor satu bagi hidangan harian atau musim perayaan.

Tafsiran dalam Aspek Sosio-ekonomi terhadap Makanan Tradisional Melayu Brunei

Dalam konteks globalisasi dan pembangunan industri makanan, peningkatan ekonomi dalam makanan tradisional dapat memberikan suatu persepsi terhadap masyarakat bahawa mereka perlu mengorak langkah untuk mempromosikan dan memelihara warisan budaya masakan tradisional ini. Makanan tradisional yang beraneka-aneka seperti *kelupis*, *ambuyat*, *kuih jelurut*, *kuih pinyaram*, *nasi katok* dan *kuih wajid* mampu menjana pendapatan seseorang. Di Pantai Barat Sabah, tidak dinafikan bahawa kebanyakannya kedai makan menyediakan *nasi katok* dan *ambuyat* sebagai menu tarikan pembeli. Di sebalik itu, *kelupis*, *kuih pinyaram*, *kuih jelurut* dan *kuih wajid* juga dijual dalam bekas makanan yang berharga RM3.00 hingga RM5.00 mengikut

jenis-jenis kuih tradisional. Jumlah pendapatan setiap hari juga mencecah RM25.00 hingga RM50.00 daripada jualan makanan tradisional ini. Bagi bahan mentah untuk *ambuyat* yang lebih dikenali dengan nama unik iaitu *ambulung* atau Sagu turut dijual di pasar awam atau tamu mingguan. *Ambulung* atau sagu dijual bersama *kayu candas* dengan harga RM2.00 hingga RM10.00. Kesannya, aktiviti perniagaan ini menyokong kepada pendapatan masyarakat Melayu Brunei di Pantai Barat Sabah. Pada masa yang sama, perniagaan *kelupis*, *ambuyat*, *kuih jelurut*, *kuih pinyaram*, *nasi katok* dan *kuih wajid* menarik minat pelancong kerana mereka sangat mengutamakan warisan budaya ini untuk pengalaman semasa datang ke Pantai Barat Sabah.



Foto 1: Sagu Putih (*ambulung*) dijual di Pasar atau Tamu Mingguan

Sumber: Kajian Lapangan di Kuala Penyu pada 24 April 2024

Bukan itu sahaja menurut pandangan Gellynck et al. (2012), nilai warisan yang terdapat dalam makanan tradisional secara amnya timbul apabila seseorang itu makan makanan tradisional tersebut. Dalam perspektif Melayu Brunei, pengkaji mengakui jikalau seseorang itu makan *kelupis*, *ambuyat*, *kuih jelurut*, *kuih pinyaram*, *nasi katok* dan *kuih wajid* sudah tentu mengenang kenangan lama bersama keluarga dan nenek moyang yang mana waktu itu, nenek mereka masih membuat makanan tradisional ini dengan aroma, bahan dan rasa yang asli. Bahkan, makanan tradisional memainkan peranan sebagai sumber kemajuan dalam kehidupan masyarakat, namun mempunyai sejarah dan memori manis dalam berkisahkan ketamadunan dalam sesuatu bangsa (Muhammad, 2022). Dengan keadaan sedemikian, makanan tradisional Melayu Brunei bukan hanya membentuk hubungan sosial yang baik malah memberikan kesan kepada pertambahan ekonomi masyarakat Melayu Brunei di Sabah. Hal ini disebabkan adanya peluang pekerjaan dalam industri makanan tradisional ini.



Foto 2: Iklan *ambuyat* berpotensi untuk dikomersialkan ke peringkat lebih tinggi

Sumber: Sabah Media, 11 Mei 2024

Masyarakat Melayu Brunei di Sabah khususnya generasi muda telah berpeluang untuk menghasilkan produk makanan ini hasil ajaran daripada keluarga dan nenek moyang dahulu. Dalam sektor pertanian, petani tempatan dapat menanam bahan asas seperti sagu, kelapa dan pelbagai jenis herba yang digunakan dalam masakan tersebut. Sejak zaman berzaman, Pesta Rumbia diadakan di Kuala Penyu, Sabah bagi mempamerkan makanan tradisional terutamanya *ambuyat* (Jeffery, 2011). Datuk Ruslan Muharam yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi kawasan Lumadan juga mengakui bahawa makanan tradisional seperti *ambuyat* ini berkemampuan menjadi hidangan tradisi yang dapat diperluaskan kepada masyarakat termasuk pelancong luar (Sabah Media, 2024). Industri pembuatan turut berkembang dengan adanya penghasilan produk makanan tradisional yang diproses dan dibungkus untuk pasaran tempatan dan luar negara. Selain itu, perkhidmatan makanan seperti kedai makan, pasar malam serta katering yang menawarkan *kelupis*, *ambuyat*, *kuih jelurut*, *kuih pinyaram*, *nasi katok* dan *kuih wajid* telah menawarkan peluang pekerjaan dalam bidang penyediaan makanan, pengurusan perkhidmatan dan hospitaliti. Secara tuntasnya, peningkatan permintaan makanan tradisional Melayu Brunei juga menyumbang kepada latihan dan peningkatan kemahiran pekerja dalam bidang kulinari (Ishar & Jabor, 2018).

Tafsiran dalam Aspek Kesihatan terhadap Makanan Tradisional Melayu Brunei

Makanan tradisional Melayu Brunei bukan hanya dikenali dengan sejarah dan budaya, malah memiliki pelbagai manfaat kesihatan yang sudah diketahui oleh masyarakat. Dengan adanya bahan semula jadi dan kaedah penyediaan yang baik, makanan tradisional Melayu Brunei di Sabah mewujudkan manfaat kesihatan yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan fizikal dan mental masyarakat tersebut. Masyarakat Melayu Brunei banyak mengeluarkan makanan tradisional daripada bahan-bahan semula jadi dan bahan tempatan (Taba, Temu bual, Ogos 20, 2024). Tamsilnya, bahan semula jadi seperti santan kelapa yang dimasukkan ke dalam *kelupis*,

kuih wajid dan *kuih jelurut* merupakan sumber lemak yang baik. Manakala bawang putih, bawang merah dan kunyit dalam *nasi katok* memberi rasa yang lazat, juga dikatakan ada kebbaikannya jika dicampuradukkan bahan-bahan ini kerana ia mengandungi antioksidan. Hal ini demikian kerana antioksidan mampu mencegah kerosakan yang ditimbulkan oleh radikal bebas terhadap sel normal, protein dan lemak (Hairiyah & Siah, 2020:123). Masyarakat Melayu Brunei turut memastikan semua makanan tradisional akan lebih sihat tanpa bahan pengawet dan bahan kimia. Malahan, warna seperti pokok panda juga dimasukkan dalam bahan penghasilan *kuih pinyaram* yang berfungsi menarik perhatian dan rasa bagi masyarakat untuk menikmati selain daripada aroma (Hairiyah & Siah, 2020a:118). Seperti mana yang kita ketahui, pokok pandan ini bukan sekadar dimanfaatkan dengan sebaiknya dalam makanan tradisional ini, malah penggunaan ini semakin meluas dalam masakan makanan di Asia Tenggara seperti Malaysia, Indonesia, Singapura dan Thailand (Hairiyah & Siah, 2020b:118).

Bukan itu sahaja, makanan tradisional Melayu Brunei dapat dijadikan sebagai makanan diet yang seimbang. Berdasarkan pemerhatian dan pengalaman pengkaji, *ambuyat* yang diperbuat daripada *ambulung* atau sagu yang rendah kalori boleh dijadikan sebagai pilihan untuk mereka yang memiliki masalah gluten atau tidak mahu menjamah nasi. Meskipun makanan tradisional ini sangat lazat untuk dinikmati namun ia boleh memberi kesan negatif dalam kehidupan seseorang sekiranya memakan secara berlebihan (Abdul, Temu bual, Ogos 20, 2024). Semasa makan *ambuyat*, masyarakat Melayu Brunei juga menghidangkan sumber protein dan karbohidrat agar makanan tradisional ini dimakan dengan seimbang dan tidak memudaratkan kesihatan seseorang. Sebagai contoh, ikan dan sayur kangkung amat sesuai untuk dimakan bersama *ambuyat*. Pemilihan sumber protein mesti diteliti dengan sebaiknya dan seseorang itu perlu memilih sumber protein yang tidak berbau busuk, berwarna merah cerah, segar, bersih dan bebas dari serangga dan penyakit (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, 2016). *Ambuyat* merupakan makanan tradisional Melayu Brunei di Sabah yang paling terkenal dan dihidangkan secara harian di rumah atau majlis-majlis tertentu. Pada masa kini, *ambuyat* telah dijadikan sebagai menu di setiap kedai makan, manakala *ambulung* atau sagu dijual di pasar atau tamu. Makanan tradisional Melayu Brunei seperti *kelupis*, *ambuyat*, *kuih jelurut*, *nasi katok*, *kuih pinyaram* dan *kuih wajid* mempunyai bahan-bahan semula jadi yang perlu diikuti oleh etnik lain dan mampu mengawal pemakanan seseorang dengan teratur di samping mewujudkan hubungan yang baik antara masyarakat di Sabah jika berkumpul menikmati hidangan ini bersama sekali gus mencerminkan identiti budaya sesebuah etnik (Yakin et al., 2020:37).

Pandangan Etnik di Sabah Terhadap Penerimaan Makanan Tradisional Melayu Brunei

i) Sejarah dan Hubungan Kekeluargaan

Sabah adalah sebuah negeri yang terkenal dengan kepelbagaian etnik dan budaya yang kaya. Penduduknya terdiri daripada pelbagai etnik seperti Kadazan-Dusun, Bajau, Murut, dan ramai lagi (Sharifah, 2020:62). Dalam konteks ini, persepsi etnik di Sabah terhadap makanan tradisional Melayu Brunei merupakan topik yang menarik untuk dikaji terutamanya melalui kaca mata sejarah dan hubungan kekeluargaan. Sejarah menunjukkan bahawa hubungan antara Sabah dan Brunei telah wujud sejak zaman dahulu lagi. Brunei merupakan sebuah negara kecil

di Asia Tenggara yang baru sahaja mencapai kemerdekaan pada 1 Januari 1984 (Haji Rashid, 2008:1). Sekitar dari tahun 1485 hingga tahun 1524 (Othman, 2016), Brunei merupakan sebuah empayar Melayu yang mempunyai sistem pemerintahan beraja yang berdaulat (Ongkili, 1973:56) yang mana, negara ini turut mempunyai hubungan perdagangan dan sosial yang rapat dengan penduduk Sabah. Melalui interaksi ini, berlakunya asimilasi budaya termasuklah dalam aspek makanan. Masakan tradisional Melayu Brunei seperti *kelupis*, *ambuyat*, *kuih jelurut* dan lain-lain mula diterima oleh masyarakat di Sabah. Pengaruh ini dikuatkan lagi dengan perkahwinan campur antara etnik Brunei dan etnik lain di Sabah (Baszley, 2018) yang menggabungkan unsur-unsur makanan tradisional dalam kehidupan seharian mereka.

Hubungan kekeluargaan memainkan peranan penting dalam penerimaan makanan tradisional Melayu Brunei dalam kalangan etnik di Sabah. Perkahwinan campur antara etnik Melayu Brunei dan kumpulan etnik lain di Sabah bukan sahaja mengeratkan hubungan kekeluargaan tetapi juga membuka jalan kepada pertukaran budaya yang lebih mendalam. Perkahwinan merujuk kepada hubungan yang rasmi antara lelaki dan perempuan yang membolehkan mereka tinggal bersama, menjalinkan hubungan dan melahirkan zuriat keturunan (Tamring & Mahali, 2020:150). Di majlis keluarga, makanan tradisional Melayu Brunei sering dihidangkan sebagai tanda hormat dan perpaduan. Masyarakat etnik di Sabah yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan orang Melayu Brunei akan lebih terbuka untuk menerima dan menghargai makanan tradisional ini, menganggapnya sebagai sebahagian daripada warisan keluarga mereka. Secara amnya, persepsi etnik di Sabah terhadap makanan tradisional Melayu Brunei adalah positif. Makanan ini dianggap sebahagian daripada kekayaan budaya yang perlu dikekalkan dan dihargai. Terdapat juga usaha pelbagai pihak, termasuk institusi kerajaan dan kebudayaan, untuk mempromosikan makanan tradisional Melayu Brunei melalui pameran, pesta makanan, dan program kesedaran. Ini membantu meningkatkan pengetahuan dan penerimaan orang ramai terhadap makanan tradisional ini. Ironinya, persepsi etnik di Sabah mengenai penerimaan makanan tradisional Melayu Brunei banyak dipengaruhi oleh sejarah dan hubungan kekeluargaan. Melalui interaksi yang wujud sejak zaman dahulu, serta pengadunan dalam keluarga campuran, makanan tradisional ini terus dihargai dan diterima sebagai sebahagian daripada warisan budaya yang kaya. Usaha berterusan perlu dilakukan untuk memastikan penerimaan dan pemuliharaan makanan tradisional ini agar dapat diwariskan kepada generasi akan datang.

ii) Kualiti Penyediaan Makanan Tradisional Melayu Brunei

Seterusnya, etnik di Sabah juga memandang serius terhadap kualiti penyediaan makanan tradisional Melayu Brunei melalui dua aspek iaitu keseragaman dalam kepelbagaian resepi dan teknik penghasilan makanan tradisional dan menghormati adat resam Melayu Brunei di Sabah. Dengan adanya kepelbagaian resepi dan teknik penghasilan makanan tradisional, etnik di Sabah dapat menikmati rasa serta keaslian *kelupis*, *ambuyat*, *nasi katok*, *kuih wajid*, *kuih jelurut* dan *kuih pinyaram*. Pernyataan ini disokong oleh Surayah et al. (2019:2) yang menyatakan bahawa keunikan makanan tradisional Melayu Brunei khususnya kuih muih ini semakin menyerlah akibat daripada pemikiran yang inovatif sehingga membawa makna dan fungsi yang menjelaskan tentang jati diri serta identiti Melayu Brunei di Sabah. Bukan itu sahaja, penggunaan resepi makanan tradisional Melayu Brunei juga memberikan pengalaman masakan

yang berbeza-beza dengan etnik lain di Sabah. Sebagai contoh, sesetengah etnik lain di Sabah ada yang masih menggunakan gula atau sambal udang bagi menambahkan rasa *kelupis* berbanding etnik Melayu Brunei yang hanya menambahkan garam sahaja pada makanan tradisional tersebut (Abdul, Temu bual, Ogos 20, 2024). Manakala, majoriti etnik di Sabah juga menggunakan alat atau teknik yang hampir sama dengan etnik Melayu Brunei, tetapi berbeza dari segi rasa dan resepi sahaja seperti terdapat makanan tradisional yang manis, pekat, masam dan lain-lain. Berdasarkan pandangan informan (Paulina, Temu bual, Ogos 20, 2024). Wanita yang berasal daripada suku kaum Kadazandusun ini tidak menafikan bahawa penyediaan *ambuyat* dan *kelupis* yang dibuat oleh etnik Melayu Brunei sangat teratur, bersih, segar dan sangat mementingkan kebersihan sekali gus kualiti pada makanan tersebut.

iii. Adat Resam Melayu Brunei

Di samping itu, persepsi etnik lain di Sabah terhadap penerimaan makanan tradisional disebabkan penghormatan etnik terhadap adat resam Melayu Brunei. Masyarakat Melayu merupakan bangsa yang masih terikat dengan pantang larang serta adat resam yang diwarisi secara turun temurun walaupun mereka sedang menerima pembaharuan dalam kehidupan seharian (Noor et al., 2015). Etnik lain di Sabah menganggap makanan tradisional Melayu Brunei ini sebagai satu cara untuk mengekalkan warisan budaya yang bernilai ini. Pada realitinya, kewujudan *kelupis*, *ambuyat*, *nasi katok*, *kuih wajid*, *kuih pinyaram* dan *kuih jelurut* sebagai makanan tradisional Melayu Brunei membuka ruang dan peluang kepada etnik lain untuk bersama-sama menikmati keenakan makanan tersebut. Dalam erti lain, makanan tradisional ini mampu mengeratkan silaturrahim dan lambang perpaduan sesama etnik. Perkara ini lebih jelas diperhatikan semasa majlis-majlis atau acara kebudayaan berlangsung di mana semua etnik akan bekerjasama dalam menjayakan aktiviti mereka. Pada waktu itu, kita dapat menikmati sekali lagi hidangan makanan tradisional Melayu Brunei yang lazat. Lain daripada itu, pantang larang makanan tradisional Melayu Brunei perlu juga diambil kira demi menjaga kehormatan adat resam Melayu Brunei di Sabah bagi menghindari daripada berlaku sebarang perkara yang tidak diingini dalam kehidupan etnik tersebut (Abdul, Temu bual, Ogos 20, 2024). Jelaslah bahawa penerimaan etnik lain di Sabah juga amat penting bagi etnik Melayu Brunei supaya mereka lebih peka dalam penyediaan makanan tradisional akan datang.

KESIMPULAN

Melalui kajian terhadap konsep dan tafsiran pelbagai makanan tradisional, kita akan dapat memahami dengan lebih lanjut bahawa makanan tradisional Melayu Brunei bukan sekadar menjadi keperluan fizikal, namun merupakan manifestasi budaya yang menyerlahkan nilai, kepercayaan dan cara hidup masyarakat Melayu Brunei di Sabah. Tidak dinafikan pula, kajian seperti ini sangat penting kepada generasi akan datang agar tidak dilupakan oleh mereka. Oleh sebab itu, masyarakat Melayu Brunei bersama pihak berkepentingan perlu mengusahakan sedaya upaya menerusi pelbagai inisiatif seperti dokumentasi resipi, program atau pertandingan memasak makanan tradisional dan sebagainya untuk menggalakkan generasi muda menghayati sekali gus mengamalkan tradisi ini dalam kehidupan seharian. Akhir sekali, pengkaji berharap kajian berkenaan Makanan Tradisional Melayu Brunei: Suatu Penelitian Konsep dan Tafsiran dapat memberi sumbangan kepada usaha melestarikan warisan budaya tidak ketara ini di

samping meningkatkan kesedaran masyarakat berkenaan manfaat serta keistimewaan makanan tradisional Melayu Brunei di Sabah.

LIMITASI KAJIAN

Kajian tentang makanan tradisional Melayu Brunei memerlukan sumber yang banyak bagi membantu penulisan namun, didapati sumber bertulis dan lisan agak terhad terutamanya di Pantai Barat Sabah. Pengaruh modenisasi pada masa kini juga mengubah serba sedikit penggunaan bahan serta peralatan untuk menghasilkan makanan tradisional Melayu Brunei ini. Keadaan yang sedemikian ini boleh mempengaruhi pemikiran masyarakat ini terutamanya generasi muda yang mana mereka akan menganggap sama ada makanan Melayu Brunei ini masih dianggap sebagai makanan tradisional atau sebaliknya.

RUJUKAN

- Abdul Mujib. (2022). Konsep Sedekah dalam Islam. *Al Mumtaz: Jurnal Pendidikan dan Sosial Keagamaan*, 1(1), 59–72.
- Alyaqoubi S, Abdullah, A., Samudi, M., Abdullah, N., Addai, Z. R., Musa KH. (2015). Study of antioxidant activity and physicochemical properties of coconut milk (*Pati Santan*) in Malaysia. *Journal of Chemical and Pharmaceutical Research*, 7(4), 967-973.
- Báti, A. (2024). Traditional food as cultural heritage in Hungary. *Acta Ethnographica Hungarica*, 69(1), 1–20. <https://doi.org/10.1556/022.2024.00005>
- Bandekar, S. S., & Namdeo, A. G. (2024). Eating and Healing: Traditional Food as Medicine. In S. S. Bandekar & A. G. Namdeo (Eds.), *Role of Herbal Medicines: Management of Lifestyle Diseases* (pp. 479–495). Springer Nature Singapore. https://doi.org/10.1007/978-981-99-7703-1_24.
- Baszley Bee bin Basrah Bee. (2018). Asal usul dan perluasan kuasa masyarakat Brunei di Kepulauan Borneo antara abad ke-14-19 Masihi. *Malaysian Museum Journal*, 35, 140-154.
- Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan. (2016). *Panduan Pengendalian Makanan yang Selamat: Memilih, Menyimpan, Menyedia, Memasak, Menghidang* Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Crawford, I., & Irving, L. (2009). *Interviewing as a research method: A guide to theory and practice*. Sage Publications.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (2011). The Sage handbook of qualitative research. *Choice Reviews Online*, 43(3), 43-1330.
- Fansury, A. S., & Rampeng, H. S. (2003). *Pendekatan etnografi dalam kajian budaya masyarakat: Kaedah pengumpulan data melalui temu bual, kerja lapangan dan analisis dokumen*. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Food and Agriculture Organization of the United Nations. (2009). *The State of Food and Agriculture 2009: Globalization of food systems in developing countries: impact on food security and nutrition*. FAO. <https://doi.org/10.4060/ai0660e>
- Gellynck, X., Banterle, A., Kühne, B., Carraresi, L., & Stranieri, S. (2012). Market orientation and marketing management of traditional food producers in the EU. *British Food Journal*. 114(4), 481-499. <https://doi.org/10.1108/00070701211219513>
- Hairiyah Mohamad & Siah Watt Moey. (2020). Potensi tumbuhan tempatan sebagai pewarna makanan semula jadi. *Buletin Teknologi MARDI*, 19, 117-125.
- Haji Rashid, M.A. (2008). *Sejarah Kemerdekaan Brunei*. Universiti Brunei Darussalam.

- Ishar, M. I. M., & Jabor, M. K. (2018). Elemen Keusahawanan dalam Bidang Kulinari. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(1), 322-513. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v3i1.51>
- Jusilin, H. (2019). *Jalurut dan tapai: Warisan kuih tradisional etnik Brunei di Sabah sebagai suatu ikon*. Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan. Diakses pada 20 Ogos 2024 dari https://www.academia.edu/89782867/Jalurut_dan_tapai_warisan_kuih_tradisional_etnik_Brunei_Di_Sabah_sebagai_suatu_ikon
- Jasmi, K. A., Md Ahir, A. M. & Shiqi, M. C. (2012). Adab Makan dan Minum in *Prosiding Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia at Marbawy Hall*. Faculty of Islamic Civilization. Universiti Teknologi Malaysia on 22 September 2012. pp. 163-190.
- Jeffrey, Clifford. (2011). Pesta Rumbia Kembali di Kuala Penyu. *Citizens Journal*. Pesta Rumbia kembali di Kuala Penyu - *Citizens Journal*. <https://cj.my/9098/pesta-rumbia-kembali-di-kuala-penyu/>
- Lim, Daniel. (2023). Making kelupis the Kedayan way. *Borneo Bulletin Online*. April 17.
- Mahmood, R. Q. (2024). Ethnography. In H. P. Bui (Ed.), *Applied Linguistics and Language Education Research Methods: Fundamentals and Innovations* (pp. 1–20). IGI Global. <https://doi.org/10.4018/979-8-3693-2603-9.ch001>
- Montanari, M. (2006). *Food Is Culture*. Columbia University Press.
- Muhammad Sharim Ab Karim. (2022, Jun 18). Keaslian makanan tradisi perlu dikekalkan elak ditelan zaman. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2022/06/967208/keaslian-makanan-tradisi-perlu-dikekal-elak-ditelan-zaman>
- Noor Hasimah M Yacob, Nor Hawani Wan Abdul Rahman, Yuzainizam Yusop, Sabariah Jamaluddin. (2015). Pantang Larang Tradisional di Kalangan Masyarakat Melayu. Dlm. *Prosiding Konferensi Akademik UiTM Cawangan Pahang* (ms. 1–10). Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang.
- Ongkili, J.P. (1973). *Modernization in Sabah: A Study in Political Development*. Oxford University Press.
- Othman, N. (2016). Sejarah dan latar belakang masyarakat Kadayan. *Al-Hikmah Media Dakwah Komunikasi Sosial Dan Kebudayaan*, 8(2), 3-18.
- Raji, M. N. A., Karim, S. A., & Esa, J. H. (2024). Pengaruh Alam dan Budaya dalam Pembentukan Makanan Tradisional di Lembah Lenggong, Perak. *Kajian Malaysia*, 42(2), 261-285. <https://doi.org/10.21315/km2024.42.2.12>
- Rahman, N. A., Esa, M. S., Mokhtar, S., & Adam, S. D. S. (2022). Persepsi Kaum Melayu Brunei dalam Penerimaan Makanan Tradisional “Kelupis” Di Sabah. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 7(29), 281-293. <https://doi.org/10.35631/jthem.729019>
- Reeves, S., Kuper, A., & Hodges, B. D. (2008). Qualitative research methodologies: Ethnography. *BMJ*, 337, a1020. <https://doi.org/10.1136/bmj.a1020>
- Saraf, N. R. (2023). "We are very proud and very tempted and determined to make this food": How immigrant Muslim women preserve cultural identity through food. *The Arbutus Review*, 14(1), 1–20. <https://doi.org/10.18357/tar141202321371>
- Sabah Media. (2024, May 11). Ambuyat berpotensi untuk dikomersialkan ke peringkat lebih tinggi. Sabah Media. <https://sabahmedia.com/2024/05/11/ambuyat-berpotensi-untuk-dikomersialkan-ke-peringkat-lebih-tinggi/>
- Sairi, F. M., Zabidi, M. M., Ismail, K., Hamid, N. A., & Zaini, M. N. M. (2017). Kesedaran pemakanan halal dalam kehidupan beragama. *Jurnal Citra Insan Sejahtera (JCIS)*, 1(1), 1–10.
- Sharifah Darmia binti Sharif Adam. (2020). Pengaruh Budaya Dalam Keharmonian Etnik di Sabah. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK5 2020)*- Dalam Talian 24 & 25 November 2020.

- https://conference.uis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak2020/007_ID014_Pengaruh_Budaya_dalam_Keharmonian_Etnik_di_Sabah.pdf
- Surayah Hj Bungsu, Musnin Misdi & Dayang Damit @ Saidah Mohd Yassin. (2019). Identiti budaya: Dalam konteks kuih tradisional etnik Brunei di Sabah. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, 5(1), 1–10.
- Tamring, B. a. M., & Mahali, S. N. (2020). Amalan kahwin campur dalam kalangan masyarakat di Kota Kinabalu, Sabah, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(9), 149-162. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i9.486>
- Taylor, S.J., & Bogdan, R. C. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*. New York: John Wiley & Sons.
- Yakin, H. S. M., Chiew, T. M., Totu, A., Sintang, S., Ooi, Y. B. H., S. a. H., & George, M. R. (2020). Impak Modenisasi Dan Pengkomersilan Terhadap Keaslian Makanan Tradisi dan Identiti Budaya Etnik Kadazan-Dusun di Sabah. *Borneo International Journal*, 2(4), 37-46.
- Zulmuhsar Abdul Zahar, Ibtisam Abdul Wahab & Hannis Fadzillah Mohsin. (2016). Peranan kunyit dalam dunia perubatan: isu saintifik, budaya, sosial, serta alam sekitar. *e-Academia Journal*, 5(1), 1-7.

TAFSIRAN PADA MAKNA DAN SIMBOL: PAKAIAN DAN SENJATA BUGIS DI SABAH

INTERPRETATION OF MEANING AND SYMBOLS: BUGIS CLOTHING AND WEAPONS IN SABAH

MOHAMAD AZIZIE BIN NORDIN^{1*}
SAIFUL AKRAM CHE COB¹

¹*Faculty Art and Design, Universiti Teknologi Mara (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia*
*Corresponding author: *jijivsop23@gmail.com*

Tarikh dihantar: 1 Oktober 2024 Tarikh diterima: 26 Disember 2024 Tarikh diterbitkan: 31 Disember 2024
DOI: <https://doi.org/10.51200/ejk.v30i.5897>

ABSTRAK Kajian ini bertujuan untuk menunjukkan penemuan daripada penyelidikan mengenai simbolisme komuniti Bugis di Sabah, seperti yang dilihat pada motif-motif pada senjata dan pakaian mereka. Tiga objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji dan mengenal pasti motif simbol Bugis dalam seni dan budaya, mentafsirkan simbol Bugis dari segi seni dan budaya, serta menganalisis secara kritikal makna simbol Bugis dari segi seni dan budaya. Pendekatan deskriptif kualitatif yang melibatkan kajian pemerhatian, temu bual, dokumen visual, dan ulasan literatur digunakan untuk mengumpul data. Makna ditafsirkan melalui paradigma kualitatif seperti model etnografi Clifford Geertz dan metodologi hermeneutik Paul Ricoeur. Temu bual etnografi dengan individu daripada komuniti Bugis Sabah berfungsi sebagai kaedah pengumpulan data dalam kajian ini. Untuk memahami dan menyelami lebih dalam tentang simbolisme yang ditemui dalam pakaian dan senjata yang digunakan, teknik pemerhatian juga sering digunakan dalam subjek ini—analisis motif pada senjata dan pakaian Bugis Sabah yang kaya dengan idea falsafah dan makna simbolik. Asimilasi budaya dan pengaruh tempatan memainkan peranan penting dalam pembaharuan simbol Bugis di Sabah. Pakaian tradisional Bugis, seperti Baju Bodo, telah melalui transformasi dengan mengambil kira nilai-nilai budaya tempatan, terutamanya dalam konteks kesopanan. Pakaian tradisional Bugis seperti Baju Bodo mungkin telah dimodenkan untuk memenuhi keperluan budaya tempatan yang lebih konservatif, terutamanya dari segi menutup aurat. Ini mencerminkan proses asimilasi di mana nilai-nilai budaya Bugis diselaraskan dengan nilai-nilai budaya tempatan di Sabah. Sebaliknya, simbolisme keris mungkin telah berubah dalam kalangan komuniti Bugis di Sabah. Selain sebagai senjata tradisional, keris juga boleh melambangkan keberanian atau kejantanan bagi seorang lelaki. Oleh itu, tidak memiliki keris boleh dianggap sebagai kekurangan dalam menunjukkan keberanian. Proses asimilasi ini juga mencerminkan penyesuaian budaya, di mana simbol tradisional Bugis disesuaikan untuk memasuki konteks budaya tempatan. Ini dapat membantu komuniti Bugis di Sabah untuk tetap berhubung dengan akar budaya mereka sambil mengekalkan keharmonian dengan masyarakat tempatan.

Kata kunci: Pakaian Bugis, senjata, budaya, estetika, ekspresi.

ABSTRACT *This study aims to show the findings from research on the symbolism of the Bugis community in Sabah, as seen in the motifs on their weapons and clothing. The three primary objectives of the study were to study and identify the motifs of Bugis symbols in art and culture, interpret the Bugis symbol in terms of art and culture, and critically analyze the meaning of Bugis symbols in terms of art and culture. A qualitative descriptive approach involving the study of observations, interviews, visual documents, and literature reviews was used to gather the data. Meaning was interpreted through qualitative paradigms, such as Clifford Geertz's*

ethnographic model and Paul Ricouer's hermeneutic methodology. Ethnographic interviews with the individuals of Sabah Bugis community served as the research's method for data collection. In order to comprehend and delve deeper into the symbolism discovered in the employed clothing and weapons, observation techniques were also frequently used in this subject—analysis of the motifs on Sabah Bugis weapons and clothing rich in philosophical ideas and symbolic significance. Cultural assimilation and local influence play a significant role in the renewal of Bugis symbols in Sabah. Bugis traditional attire, such as the Baju Bodo, has undergone transformation considering the values of the local culture, especially in the context of modesty. Bugis traditional clothing like the Baju Bodo may have been modernized to meet the needs of the more conservative local culture, particularly in terms of covering the aurat (modesty). This reflects a process of assimilation where Bugis cultural values are aligned with the values of the local culture in Sabah. On the other hand, the symbolism of the kris (dagger) may have shifted among the Bugis community in Sabah. Besides being a traditional weapon, the kris may also symbolize bravery or masculinity for a man. Therefore, not having a kris could be considered a deficiency in showcasing bravery. This process of assimilation also reflects cultural adaptation, where Bugis traditional symbols are adjusted to fit into the local cultural context. This can help the Bugis community in Sabah to remain connected to their cultural roots while maintaining harmony with the local community.

Keywords: Bugis clothing, weapons, culture, aesthetic, expression.

PENGENALAN

Suku kaum Bugis mempunyai populasi empat juta orang yang mendiami kesemua Sulawesi Selatan di mana kebanyakan agama yang dianut oleh mereka ini adalah agama Islam. Masyarakat Bugis ini cukup melebar dan merantau ke seluruh kawasan pesisir pantai kepulauan Indonesia. Dapatlah dikatakan bahawa asal-muasalnya nenek moyang ini berasal dari Sulawesi sehingga melebar ke negeri-negeri Melayu. Menurut A. Rahman Rahim (2011:4), suku Bugis mempunyai negara maritim yang cukup luas di Sulawesi sekaligus menjalankan perdagangan di kepulauan tersebut. Masyarakat Bugis juga mempunyai keberanian yang gencar, mempunyai semangat yang tinggi dan gemar meminati hidup dalam tentangan. Jika ditilik secara sederhana, masyarakat Bugis juga dalam lensa sejarah mempunyai catatan panjang dari penghijrahan orang Bugis ke Sumatera termasuk Riau, Jambi, Sumatera Selatan, sehingga ke Johor dan negeri-negeri lainnya di Malaysia. Perantauan mereka ini juga masih mengekalkan pola komunikasi yang sangat erat antara satu sama lain.

Selain itu, sosiobudaya Bugis juga dikatakan sebagai satu tatanan dalam gagasan, konsep, pola kepercayaan dan nilai-nilai yang diterima oleh setiap individu yang mana dinamika kebudayaan ini akan berkembang dan melebar ke seluruh masyarakat. Manusia juga akan belajar mengenai budaya dalam bentuk warisan, ajaran, kepercayaan dan refleksi melalui sosiologi dan pembudayaan yang dilahirkan. Kebudayaan ini juga akan didukung oleh suatu kelompok, etnik, sistem sosial, hukum-hakam yang dimiliki sekaligus memberikan tatanan nilai yang begitu estetik yang terbentuk atas pengaruh ekosistem budaya (Abu Hamid, 2003:1-2). Nilai-nilai orang Bugis yakni *siri'*, *pesse'*, *were'* dan *panggaderreng'* menjadi 'nadi' dan 'jantung' dan masih diamalkan hingga hari. Malahan, ia juga merupakan khazanah yang perlu dikekalkan dan dilestarikan oleh orang Bugis itu sendiri, yang menjadi tatanan simbolis dan

identiti budaya masyarakat Bugis seperti yang dinyatakan dalam tulisan Sulappa Eppa E, karya 'magnum opus' I La Galigo serta beberapa pakaian tradisional, artefak, seni silat, aksesori, keris dan sebagainya. Namun, budaya Bugis ini semakin luntur dan tenggelam disebabkan generasi Bugis pada hari ini berhijrah ke Sabah.

Walaupun simbol dalam pakaian tradisional Bugis memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan identiti budaya masyarakat Bugis, penggunaannya kini menjadi subjek perdebatan akibat potensi penyalahgunaan atau tafsiran yang tidak selaras dengan nilai dan konteks budaya asal. Pengaruh globalisasi dan pemodenan juga boleh menyebabkan pengurangan makna simbol-simbol ini. Kurangnya pemahaman dan penghargaan terhadap makna serta nilai budaya asal boleh mengancam kelangsungan warisan budaya ini. Oleh itu, adalah penting untuk mengenal pasti cabaran dalam penggunaan simbol Bugis dalam pakaian tradisional dan membangunkan pendekatan yang memupuk pemahaman yang lebih baik terhadap konteks budaya asalnya, serta memastikan penggunaannya dilakukan secara tepat dan hormat bagi mengelakkan penyimpangan atau penyalahgunaan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada pengurangan penerapan identiti masyarakat Bugis dalam kalangan generasi muda. Identiti masyarakat Bugis semakin kurang diamalkan dalam kalangan generasi muda, terutamanya yang berkaitan dengan simbol Bugis pada senjata dan pakaian (Said, 2004; Shintia & Hengki, 2018).

Penelitian ini sangat penting dilakukan sebagai satu upaya untuk menyelamatkan budaya bangsa melalui kegiatan pengkajian sebagai bentuk pelestarian budaya bahkan memberikan dorongan dan pemahaman kepada masyarakat Bugis di Sabah. Ini penting untuk memahami dan menghargai tatanan simbolik yang terdapat pada budaya dari konteks senjata, pakaian, aksesori dan falsafah. Pada waktu yang sama juga, ia dapat melestarikan budaya warisan nenek moyang agar budaya ini tidak luntur dan dilupakan oleh generasi masa akan datang. Hadirnya penelitian ini disebabkan bahan-bahan penulisan masyarakat Bugis di Sabah masih terlalu sedikit, dan kurang diberi perhatian oleh para sarjana tempatan mahupun sarjana dari luar khususnya dalam tatanan simbolik Bugis yang cukup sarat dengan simbolis. Penelitian ini merupakan satu pola kesinambungan yang begitu penting agar penelitian seterusnya dapat meneruskan kajian ini dengan lebih lebar dan meluas. Usaha sebegini juga dapat memberikan pemahaman yang lebih dalam mengenai tatanan simbolik Bugis di Sabah sekaligus mampu untuk memahami kebudayaan ini lebih dalam dari pelbagai suku yang lain. Pelbagai aspek mengenai masyarakat Bugis ini harus dikaji, yakni politik, ekonomi, sastera, sosial, dan falsafah yang saling berkait antara satu sama lain dengan semua etnik yang terdapat di Sabah. Hasil daripada kajian ini akan memberikan sumbangan yang cukup besar kepada kerajaan di Sabah khususnya dalam melaksanakan dasar pembangunan negara dan meningkatkan sektor pelancongan untuk dipamerkan kepada negara luar. Oleh itu, usaha penelitian ini harap diteruskan pada masa akan datang agar generasi pada hari ini mengetahui makna simbolis yang terdapat dalam pakaian, senjata, aksesori dan falsafah.

SOROTAN LITERATUR

Lensa Sejarah Penghijrahan Orang Bugis di Tawau Sabah

Maklumat mengenai sejarah awal pertapakan orang Bugis di Tawau boleh kita lihat melalui dua sumber iaitu yang pertama ialah tesis sarjana K.J Goodlet dari University of Sydney bertajuk, “The Origin and Early Development of the Tawau Community 1880-1942” pada tahun 1977. Seterusnya sumber kedua ialah The British North Borneo Herald (The B.N.B Herald) yang terdapat di Arkib Negeri Sabah. Berdasarkan kenyataan oleh Goodlet, Puado merupakan orang pertama yang membuka tanah untuk mengusahakan tanaman. Puado berasal dari Banjarmasin, Kalimantan. Perkataan Puado atau ejaan yang sebenarnya iaitu *Pu Ado* atau dikenali sebagai *Puang Ade'* yang mempunyai maksud iaitu Tuan Hakim atau Tuan Adat. Di Bone, Sulawesi Selatan pekerjaan utama Puado ialah juga merupakan Tuan Adat. Dipercayai bahawa Puado telah melarikan dari wilayahnya sendiri. La Toampang bin Andi Buku merupakan nama sebenar Puado. Puado serta anggotanya seramai 25 orang telah tiba ke Tawau untuk mengusahakan tanaman di ladang kelapa kawasan tersebut. Mereka terdiri daripada suku kaum Bugis, Bajau dan lain-lain lagi. Pada tahun pertama Belanda telah membuat lawatan di petempatan Puado itu sendiri. Dapat dilihat bahawa Puado telah datang ke Tawau sebelum kehadiran British. Hal ini kerana pusat pentadbiran British Ketika itu terletak di Sandakan.

Fakta ini juga telah disokong oleh The British North Borneo Herald bertarikh 1 November 1892 juga merupakan fakta kehadiran Puado dalam kalangan penduduk tempatan. Laporan ini juga dicatatkan oleh Penolong Residen British yang terdapat dalam laporan Dunlop. Dalam laporan tersebut Dunlop telah membuat lawatan sebanyak dua kali ke Tawau. Oleh itu, Puado juga merupakan penghulu kawasan tersebut yang dilantik oleh Dunlop. Hal ini kerana perkampungan di situ tidak sistematik dan tidak teratur. Oleh itu, pelantikan ini turut diberikan pengesahan yang jelas melalui *H.E The Governor British*. Petikan ini kita dapat dilihat melalui The British North Borneo Herald yang bertarikh pada 1 November 1892. Tarikh tersebut juga merupakan perlantikan Puado.

Pelantikan Puado yang pertama ini sangat memberi makna yang besar bagi pertapakan awal Bugis di Tawau, Sabah. Pelantikan tersebut dapat memberi kesan yang baik kepada masyarakat dalam menaikkan taraf hidup penduduk tempatan di situ. Maklumat yang diperolehi melalui temubual dan keterangan yang cukup jelas oleh The B.N.B Herald serta maklumat yang tepat berdasarkan koleksi British mengenai penghijrahan tersebut membuatkan maklumat ini merupakan maklumat yang boleh dipakai berdasarkan keaslian yang diperolehi. Maklumat ini juga akan menjelaskan mengenai peranan Puado terhadap sesuatu petempatan.

Sejarah di Tawau amatlah penting kerana sejarah tersebut semakin menyerlah akibat pelantikan Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU) yang telah berada di Tawau. Tawau diiktiraf sebagai sebuah daerah melalui penerbitan dalam The Government Gazette pada 1 Julai 1892. Pelantikan A.R. Dunlop sebagai pegawai yang bertanggungjawab di daerah tersebut turut dilaporkan dalam penerbitan tersebut. Penerbitan tersebut tidak memberikan pernyataan bahawa British tidak berpuas hati tentang pelantikan tersebut. British berpuas hati kerana Puado

melakukan tugas dengan sangat baik. Kerja yang dilakukan tersebut telah diungkapkan sendiri iaitu Henry Walker dalam suratnya kepada editor The B.N.B semasa datang melawat ke Tawau. Kenyataan tersebut ialah “*A native Penghulu is in charge of the station and seems to be a sufficient capable man*” (The B.N.B Herald 1/4/1893). Pelantikan pegawai British juga dinyatakan secara tiba-tiba pada hujung tahun 1895 (The B.N.B Herald 1/1/1896). Pihak kerajaan juga telah memberikan tiga pecahan kepada Puado, Kim Swee dan Dunlop yang mempunyai tugas masing-masing. Tugas Puado ialah pentadbiran dalam masyarakat setempat. Manakala Kim Swee bertugas mengurus bahagian kewangan dan akhir sekali Dunlop ditugaskan untuk mengurus mengenai jenayah dan pentadbiran daerah. Melalui cara tersebut, sudah pasti mereka dapat melancarkan urusan pengurusan tempat tersebut dan menjadi peneraju yang paling utama.

Tatanan Simbolisasi Dalam Keris bagi Pandangan Ahmad Ubbe

Sisi', sering dirujuk sebagai *appesisikeng*, adalah konsep tradisional Bugis yang digunakan untuk menggambarkan aspek baik dan buruk suatu hal. Struktur *pamor* (*pola bilah*) dan komponen visual lainnya, seperti ukuran (*suke*) mereka, digunakan dalam *sisi' polobessi*, sebuah pengetahuan tradisional, untuk menentukan kelebihan dan kekurangan senjata kuno. Namun, kebaikan *polobessi* tidak hanya bergantung pada *sisi'*-nya tetapi juga pada petunjuk (*were*) yang diberikan oleh Allah S.W.T. Sementara itu, *pamor* adalah pola hiasan pada *polobessi*. *Pamor* adalah harta budaya yang mencerminkan kemajuan teknologi Indonesia sepanjang sejarah. *Ure'* adalah potongan tak ternilai dari warisan budaya Indonesia yang sangat dihargai. Keahlian dan upaya luar biasa diperlukan dalam pembuatan pola besi yang rumit. Oleh karena itu, *Ure'* penting dalam hal pengembangan pengetahuan dan identitas nasional secara teknis, intelektual, simbolis, dan spiritual.

Selain itu, kelebihan *pamor* untuk kris dan *polobessi* meliputi: i) manfaat teknik yang mencakup sumbangan bahan *pamor* terhadap kekuatan struktural ii) sebaliknya, kelebihan estetika mencakup daya tarik pola *pamor* sebagai kriteria untuk menilai tingkat keunggulan kris iii) penampilan yang menarik tanpa keraguan meningkatkan manfaat status spiritual, kerana pola *pamor* mewakili kekuatan spiritual dalam sebilah kris. Dalam sebilah kris, pola *pamor* diyakini memiliki kekuatan mistis. Diperlukan keahlian dan pengetahuan tentang karakteristik besi, serta penempaan dan reka bentuk, untuk menciptakan *pamor* pada pisau *polobessi*.

Pada masa yang sama, kemahiran yang dimiliki oleh pakar dapat menghasilkan bentuk kualiti yang sempurna. Oleh itu, *pamor* dipercayai sebagai daya ghaib pada sebilah pisau. Mencipta reputasi pada pisau *polobessi* memerlukan pengetahuan dan kemahiran tentang hal besi, tempaan, dan reka bentuk motif hiasan dan corak. Dengan pengetahuan yang bercampur dengan besi dan teknik pembuatan ini, kualiti reputasi yang baik akan diperoleh, sementara bentuk kualiti yang sempurna akan dihasilkan dengan kemahiran tempaan yang baik.


Reka bentuk besi berhias pada pisau *polobessi* diciptakan oleh pertumbuhan besi yang dikenali sebagai *ure'*. Kehadiran *Ure* pada bilah menunjukkan nilai dan hakikat *polobessi*.

Penggunaan praktikal alat tajam (*parewa matareng*) boleh diubah menjadi senjata simbolik dan keagamaan (*polobessi*) yang sejajar dengan nilai budaya dan kepercayaan yang diwakilinya dengan menyertakan corak-corak ini. Dengan kata lain, model konseptual teknik dan idea yang dimiliki oleh sebuah komuniti mencipta kehadiran corak-corak ini. Akibatnya, nama-nama yang berbeza diberikan kepada corak-corak yang berkaitan dengan sifat baik atau merosakkan senjata. *Ure'* pada dasarnya mempunyai dua makna: hiasan tertentu pada permukaan *polobessi* yang dapat dilihat sebagai garisan, lengkung, imej, atau tanda. Oleh kerana perbezaan bahan antara *ure'* dan pelbagai jenis besi yang digunakan dalam pembuatannya, corak atau motif *ure'* dihasilkan pada permukaan bilah. Lapisan nipis pelbagai logam boleh ditumpuk bersama menggunakan prosedur khusus tanpa mengikat secara kimia atau melebur. Walau bagaimanapun, reka bentuk *ure'* kelihatan kerana susunan dan pengukiran pada permukaan bilah.

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini menerangkan dengan jelas metodologi penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini, iaitu untuk mendalami dan menganalisis Bugis yang terdapat di Sabah. Makalah ini juga akan membincangkan bagaimana simbol motif Bugis akan dikategorikan serta konsep yang terlibat dalam kajian yang lebih spesifik untuk simbol dalam pemahaman antropologi simbolik. Pendekatan ini juga digunakan kerana simbol-simbol ini abstrak kerana dianggap berkaitan dengan sistem pengetahuan dalam kehidupan manusia. Menurut Geertz (1981), budaya ini juga merupakan salah satu aspek yang paling berkesan kerana ia diperlakukan secara murni dalam bentuk simbolik.

Carta Aliran Penyelidikan




Rajah 1: Contoh Carta Aliran Penyelidikan

Reka bentuk ini juga membolehkan pengkaji memperhatikan proses dalam kategori motif Bugis yang terdapat di Sabah. Kajian ini juga akan memahami prosesnya kerana ia akan melihat keadaan dalam persekitaran tertentu (Creswell, 2003). Oleh itu, penyelidikan penjelasan dan pemerhatian ini dapat memberikan wawasan yang berguna untuk menjawab soalan-soalan tertentu. Temubual, pemerhatian, analisis rekod, dan tinjauan literatur adalah kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengklasifikasikannya. Kajian ini juga menjadi kajian mendalam yang akan memperluas prinsipnya kerana penyelidikan dilakukan dalam proses pengumpulan data induktif.

Pada akhir kajian ini, pengkaji juga akan membentangkan proses seperti kategori motif Bugis di Sabah dari segi senjata dan tekstil. Kategori simbol motif ini akan digunakan untuk memberi makna dalam simbol motif Bugis. Oleh itu, penyerahan juga akan dibuat berdasarkan semua kajian yang dijalankan dan juga kepentingan sistematik kawasan kajian ini

Kerangka Konseptual



Fasa 1- Perkembangan Budaya Bugis

Pada fasa pertama ini analisis yang dilakukan dalam mengetahui perkembangan umum budaya Bugis. Di sini kita dapat melihat bahawa pemboleh ubah yang digunakan adalah sejarah, pengaruh asing, dan kehidupan sosial orang Bugis itu sendiri. Sejarah Bugis di sini kita dapat melihat konteks kajian ini mempunyai primitif di mana mereka hidup dalam perspektif masyarakat moden. Faktor-faktor yang dapat kita lihat tradisional dan moden. Juga, sebelum

orang Bugis masuk ke dalam Islam, mereka dipengaruhi oleh budaya asing agama Hindu. Pemboleh ubah ketiga yang dapat kita lihat adalah di mana orang Bugis sendiri melakukan aktiviti dalam kehidupan seharian mereka seperti adat istiadat, ritual, dan nilai hingga hari ini.

Fasa 2- Pengaruh Luaran dan Dalam

Antara pengaruh luaran yang terdapat pada orang Bugis itu sendiri, iaitu Hindu seperti yang dijelaskan dalam rajah. Pemboleh ubah seterusnya adalah pengaruh luaran dalam bahan dan tekstil Bugis. Walau bagaimanapun, unsur flora dan fauna, dan kosmos juga terdapat dalam senjata dan tekstil orang Bugis yang juga terlibat dalam pegangan Bugis yang dikenali sebagai *siri'*. Selain itu, terdapat juga unsur animisme pada aksesori Bugis yang dipakai oleh wanita ketika ada perkahwinan yang dikenali sebagai *Simpolong Tattong*.

Fasa 3- Analisis Simbol Bugis

Bagi Geertz (1981), budaya berkait rapat dengan simbol. Dengan simbol ini, katanya, orang saling menyampaikan fikiran, perasaan dan berkomunikasi. Budaya tidak berlaku biasa tetapi berdasarkan tafsiran atau tafsiran masyarakat terhadap pengalaman. Geertz (1981) juga menyatakan bahawa sistem dalam budaya itu sendiri akan mempunyai makna simbolik yang juga akan memainkan perasaan mereka dan dapat membuat penilaian itu sendiri. Selain itu, simbol juga dapat berkomunikasi antara satu sama lain di mana ia juga dapat memberikan pengetahuan dalam budaya. Selepas itu, menurut Geertz (1981), dia menyatakan bahawa budaya itu juga merupakan simbol perlunya diterjemahkan lebih banyak lagi.

Fasa 4- Teori Geertz dan Budaya Sebagai Sistem Simbolik

Budaya dalam sistem simbolik ini pada dasarnya adalah simbol-simbol yang menyajikan makna tersirat yang cukup mendalam dan menghayati budaya Bugis di Sabah. Dalam hal ini, budaya Bugis ini jika dipersudutkan dalam sistem simbol, ia dibentuk oleh pengaruh luar, yakni agama Hindu, serta tradisi dalaman yang membentuk sebuah tatanan identiti seperti ritual adat dan pakaian tradisional. Simbol seperti *Siri'* bukan sahaja menjadi sebuah tatanan kepercayaan masyarakat tetapi ia juga menjadi fungsi dalam bahasa untuk menyampaikan makna dalam ranah sosial, agama, dan sejarah. Budaya juga bagi Geertz, adalah suatu dinamik serta memberi tafsiran terhadap simbol-simbol yang cukup relevan pada masa kini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jenis-Jenis Motif Bugis dan Makna Simbol Setiap Motif di Sabah

Sarung membawa maksud yang ditafsirkan sebagai satu tatanan keteguhan, hal ini kerana sifat keteguhan ini adalah sifat yang boleh diamalkan ketika melakukan anyaman sarung. Memandangkan proses membuat sarung ini sukar dan memerlukan kesabaran yang tinggi, maka pengantin perempuan hendaklah menerima dengan keterbukaan hati dalam pengajaran dalam membuat sarung ini dan hikmah daripada pembuatan sarung ini kerana sifat-sifat yang

terhasil daripadanya dapat digalakkan dalam rumah tangga. Pada waktu yang sama, sarung ini juga mempunyai motif yang tersendiri yakni motif *Mallobang*, motif *Balo Renni*, motif *Bombang* dan motif *Balo Tettong*. Dengan itu, penggunaan kain sutera ini juga dipakai ketika berlaku suatu mesyuarat besar seperti acara adat dan perkahwinan. Seterusnya, kain sutera yang dipakai oleh orang Bugis itu sendiri ketika menghadiri sebuah upacara yang besar dan digunakan di kalangan golongan bangsawan. Menurut (Laoddang, 2011), beliau menyatakan bahawa motif *Balo Renni* juga digunakan untuk wanita sahaja manakala motif *Mallobang* ini pula digunakan untuk lelaki sahaja. Seterusnya, berbicara mengenai motif *Cobo* ini pula, ianya motif yang digunakan secara amaran. Hal ini menyebabkan motif ini mewakili kesucian hati lelaki dan semangatnya untuk memenangi wanita idaman mereka yang bergelar sebagai isteri.

Selain daripada itu, sarung juga menghasilkan satu tatanan makna simbolis yang tersendiri, di mana penutupnya mewakili ketekunan dan kemahiran. Hal ini juga kerana proses membuat sarung ini juga perlu mempunyai satu tahap kesabaran, ketekunan, dan ketabahan yang cukup tinggi untuk menghasilkan sarung tersebut. Jika seseorang ingin memilih calon lelaki mahupun perempuan, pertamanya hendaklah ditelusuri terlebih dahulu anyaman sarung ini yang begitu teliti, mulus dan halus. Seseorang yang memilih calon berdasarkan perkara ini, calon tersebut tidak perlulah menilai lebih mendalam disebabkan dari segi anyaman sudah cukup untuk menjamin calon isteri. Sarung ini juga mempunyai makna yang tersendiri yakni calon hendaklah menjaga maruh, melakukan perkara yang berfaedah, berguna dan tidak menimbulkan rasa masyarakat yang berani sebagai *Siri*.



Foto 1: Lippa Sabbe

Kain sutera ini juga mempunyai tatanan simbol yang unik dan tersendiri, yang mana simbol ini juga boleh ditelusuri yakni motif, elemen, warna, dan garisan. Elemen dalam sarung ini juga mempunyai tujuan dan makna yang tersirat. Jika diamati dengan sederhana, motif ini dalam kain juga mempengaruhi tujuan keseluruhan untuk dihantar dalam kain dengan Sengkang yang cukup dengan makna dan kualiti. Motif juga mempunyai nama tersendiri bagi bentuk segi tiga, melintang, menegak, flora dan zig-zag.




Foto 2: Kain Sutera (Motif *Balo Renni*)

Motif *Balo Renni* ini juga merupakan kain sutera yang cukup cantik dan berkualiti. Motif *Balo Renni* ini juga mempunyai gabungan yang menarik dengan motif *Mallobang*. Jika dinisbahkan dengan sederhana, motif ini juga mempunyai perbezaan kerana garisan yang sangat kecil ini membentuk beribu-ribu kotak kecil berbanding dengan motif *Mallobang* yang hanya berpuluh-puluh kotak. Setiap tafsiran yang ditunjukkan bahawa kotak-kotak kecil ini yakni ‘Renni’ dalam bahasa Bugis. Pada zaman dahulu, motif tersebut ini hanya boleh digunakan oleh wanita yang belum berkahwin. Dapatlah dikatakan bahawa simbol-simbol ini yang disampaikan tentang status sosial wanita ini menunjukkan bahawa wanita tersebut ini belum berkahwin. Konsep warna juga dalam sarung ini juga sangat memainkan peranan yang penting bagi masyarakat iaitu sifat seorang wanita yang sangat lembut dalam tutur kata dan perbuatan.

Pakaian Harian dan Barang Kemas Bugis

Setiap suku Bugis ini juga terdiri daripada sekumpulan yang cukup sederhana kerana ianya juga memakai pakaian tradisional yang diperbuat daripada kulit kayu dan dipakai setiap hari. Pakaian ini juga merupakan satu tatanan yang penting bagi negara dan mempunyai pandangan tersendiri dalam kalangan masyarakat itu sendiri. Jika dipersudutkan dari segi pakaian, pengkaji juga boleh mengenal suatu atau etnik Bugis ini kerana ianya mempunyai warna dan simbol yang tersendiri bahkan ianya juga melambangkan suatu negara tersebut. Pakaian ini juga boleh ditelusuri melalui pakaian yang dipakai oleh orang Bugis itu sendiri dari aspek bentuk ritual, simbol, warna mahupun gaya pakaian yang dipakai oleh orang Bugis itu sendiri. Menurut pakar (Profesor Madya Dr. Asmiaty Amat, temubual 22 Mac 2022), hanya golongan bangsawan sahaja yang akan memahami maksud senjata dan pakaian ini, manakala bagi golongan biasa hanya segelintir sahaja yang mengetahui maksud mengenai status pakaian ini.

Ulasan mengenai nilai dalam kalangan masyarakat Bugis merujuk kepada masa lalu yang berkait rapat dengan senjata tradisional Bugis, *Polobessi*, untuk mendapatkan kembali kepercayaan dan harga diri orang Bugis. *Pamor Polobessi* berfungsi untuk memberikan kandungan mengenai nilai-nilai kepahlawanan (*arowaenengeng*); Sementara itu (*abbaramparengeng*) dimaksudkan untuk menjadi kekayaan. Selain itu, pihak berkuasa yang dikenali sebagai (*arajangeng*) ditempatkan di *Polobessi*. Ketiga-tiga nilai ini biasanya dijumpai di ladang Bugis seperti keris, badik, pedang, dan lembing. *Polobessi* dalam bahasa Bugis bermaksud warisan atau senjata besi yang cukup mulia yang merupakan senjata bagi orang Bugis. Juga, tujuan *Polobessi* mirip dengan kata *Tosanaji* yang membawa makna yang sama dengan harta senjata besi yang mulia.



Foto 3: Baju Bodo

Dalam pakaian Bugis ini juga ia mempunyai beberapa kategori mengikut umur yang ditetapkan dan mempunyai makna yang tersendiri. Bagi bayi sehingga empat tahun tersebut ianya juga menggunakan pakaian Bugis itu sendiri. Bagi rakan sebaya pula, ianya mempunyai khas di mana mereka akan memakai baju hijau dengan diiringi ‘karawi’ atau ‘salawik’. Di samping itu, wanita juga akan memakai *jempang*, manakala bagi lelaki ianya juga memakai *Laco-laco*. Perempuan juga memakai *simak-simak* yang diperbuat daripada emas atau perak yang berfungsi melindungi mereka daripada kesejukan yang disertai dengan sarung.

Jika diamati dengan saksama, sebelum baju ini digunakan dalam pembuatan pakaian, baju ini akan dikenakan kanji dan bubur beras atau bubur asid. Hal ini kerana terdapat beberapa cara untuk membuat baju tersebut yakni, mula-mula hendaklah dibasahkan baju tersebut, kemudian ianya direndam dalam kanji supaya kaji itu seimbang. Selepas itu, batu yang berat diambil sebagai hidangan yang berat dan ditepuk semula. Setelah itu, apabila baju *Bodo* ini kering, ianya akan dilicinkan dan diseterika supaya kelihatan kemas, kemudian dilipat dan dibentuk mengikut keperluan. Nama baju *Bodo* ini mula-mula dikenali sebagai *bodo*, *waju tokko* (Bugis), baju *Tokko* (Makassar) dan *waju ponco* (Bugis). Hal ini juga kerana ianya disebabkan oleh beberapa maksud baju *labbu* yang lengan panjang. Oleh itu, orang Bugis juga akan memakai baju *Bodo* ini apabila ada aktiviti keramaian yang cukup besar.

Baju *Bodo* ini juga mempunyai lengan pendek yang dipakai oleh para gadis atau remaja seperti penari dan pembantu rumah pengantin perempuan yang cukup dilengkapi dengan barang kemas. Selain itu, ianya juga cukup berbeza dengan gaun pengantin kerana jika ditelusuri, gaun pengantin itu pada dasarnya dihiasi dengan hiasan *paceppa* dan *patenre* di bahagian tepinya. Di samping itu, baju *Bodo* ini cukup banyak mempengaruhi dengan persenjataan biasanya dipakai oleh lelaki dewasa. Kalau dilihat di benak mereka, perkembangan dalam kalangan orang Bugis itu sendiri amat kurang berleluasa disebabkan pakaian ini berbentuk segi empat tepat dibahagian dada yang tidak berjahit. Untuk memakainya, lengan ini haruslah diluncurkan dahulu ke dalam lengan manakala bahagian atasnya akan dilubangkan untuk memasukkan kepala sekaligus sebagai garis leher *Bodo*.

Makna Simbolik Songkok *Recca* Bagi Masyarakat Sebagai Komunikasi

Pemaknaan sebagai keturunan raja (bangsawan) juga ketika melihat orang yang memakai songkok *recca* ini dari filosofi dan sejarahnya songkok *recca* adalah pakaian para pemimpin/raja-raja di masa Kerajaan *Bone*. Pemakaian songkok *recca* ini hanya diperbolehkan untuk keturunan raja (bangsawan) yang berstatus sosial *renda* (budak) yang tidak dapat memakai songkok *recca* itu. Bagi yang tidak memakai songkok *recca* ini, ketika melihat orang yang memakai songkok *recca* ini akan ada makna yang muncul saat yang memakai songkok *recca* adalah tokoh dan *panutan* di masyarakat. Pemaknaannya tentang pemakaian songkok *recca* ini sebagai tokoh dan *panutan* adalah satu tatanan simbol yang terbentuk lingkungannya dalam masyarakat Bugis Bone. Hal ini kerana mereka ini sangat menonjol dalam pemakaian songkok *recca* yang hanya dalam kalangan pejabat pemerintah atau tokoh-tokoh masyarakat besar yang memakai songkok *recca* ini.

Pemaknaan itu juga akan hadir ketika masyarakat memiliki pekerjaan dan jabatan dalam pemerintahan memakai songkok *recca* saat di pejabat, bahkan menghadiri majlis pernikahan bagi orang Bugis itu sendiri. Pemakaian songkok *recca* ini akan dimaknai melalui orang-orang yang boleh dipercayai dan mampu memimpin dalam suatu organisasi. Makna ini juga akan muncul apabila hanya orang dipercayai sahaja dalam aspek pemimpin yang mempunyai sifat-sifat pemimpin di masa kerajaan dahulu. Orang yang menjadi raja pada ketika itu akan menjadi raja saat itu sentiasa melindungi dan menyayangi rakyatnya yang termanifestasikan kepada pemakai songkok *recca* itu sendiri. Di samping itu, makna dari masyarakat ini menyatakan

sebagai pemimpin adalah songkok *recca* ini tidaklah jauh dari keturunan raja atau bahkan pemerintah dan tokoh masyarakat Bugis khususnya Bugis Bone yang sekarang sentiasa memakai songkok *recca* ini. Dari pemaknaan ini juga memberikan gambaran bahawa setiap makna yang muncul dari suatu realiti atau benda yang dikenakan atau dipakai dalam tubuh sebagai pakaian atau dalam hal ini yakni songkok *recca* dijadikan penutup kepala tidaklah lepas makna simbolis dan historisnya dari lahir dan adanya pemakaian songkok *recca* itu sendiri. Makna yang muncul dari pemakaian songkok *recca* ini juga tergantung dengan individu yang memakainya. Makna pemakaian songkok *recca* ini dilihat dari individu yang memakai songkok *recca* tersebut. Ketika songkok *recca* ini dipakai oleh orang-orang yang selalu melakukan hal-hal yang buruk dalam Masyarakat, makna yang diberikan tidak begitu istimewa atau tidak bermakna dalam masyarakat. Di samping itu, ketika yang memakai songkok *recca* ini adalah orang yang jujur dan lurus, pasti akan memberikan makna yang positif dari masyarakat.



Foto 4: Songkok *Recca*

Ketika songkok *recca* ini dipakai saat acara adat yang biasanya dilakukan oleh masyarakat, pemakai songkok *recca* ini dimaknai sebagai tokoh masyarakat kerana saat kegiatan ini diberikan tempat yang paling dekat atau tempat duduk tersebut memiliki alas yang khas dan sandaran bagi pemakai songkok *recca*. Dengan itu, songkok *recca* yang mempunyai emas di pinggiran juga dipercayai oleh sebuah tatanan masyarakat bahawa ianya juga adalah anak cucu kerajaan dahulu yang mempunyai darah keturunan langsung yang memegang erat sifat-sifat raja Bugis yang salah satunya adalah setiap perkataan tersebut adalah harus dipertanggungjawabkan (*taro ada taro gau*). Pada masa yang sama, songkok *recca* juga melambangkan pemimpin yang jujur, bertanggungjawab, berwibawa, *panutan* masyarakat, bijaksana bagi pemakai, songkok *recca* namun dilihat dari sejarah dan filosofinya. Namun kini,

makna songkok *recca* itu sendiri sudah mulai berkurang kerana zaman ini sudah bergeser sehingga aturan pemakainya juga tidak sudah seperti dahulu. Songkok *recca* ini juga sangat kental dengan orang Bugis, khususnya bagi golongan bangsawan dan pada kebiasaannya juga ada juga yang memakainya. Songkok *recca* yang berlapis emas biasa dipakai oleh para pemerintah atau orang-orang yang berpengaruh (tokoh masyarakat). Wujud kepelbagaian pesan yang tersirat dari pemakai songkok *recca* – kadang-kala memperindah penampilan, kewibawaan sipemakainya juga menandakan satu ikon dan simbol tokoh setempat atau pemerintah setempat.

Songkok *recca* juga mempunyai makna sebagai penutup kepala dan memberikan fungsi kepada pemakainya dari tempat dan waktunya, contoh semasa acara adat, pernikahan dan pemerintahan. Pemakaian songkok *recca* dalam kehidupan orang Bugis juga mempunyai unsur filosofi songkok *recca*. Apabila orang Bugis itu sendiri pergi ke pasar, masjid dan keluar kota juga memiliki tujuan dan maksud bagi pemakainya kerana masyarakat Bugis juga menjaga sikap dan perilakunya dengan cara yang dituangkan dalam bentuk tindakan agar menjadi contoh yang baik dalam lingkungannya. Songkok ini juga akan dilengkapi dengan *lipa sabbe* (sarung) dan *jas* daerah yang terlihat dengan *jas* yang lainnya yang dipakai oleh orang Bugis itu sendiri. Pakaian lengkap ini hanya dipakai apabila ada waktu-waktu tertentu seperti hari jadi Raja Bone. Waktu-waktu lain juga akan dikenakan ketika orang Bugis itu sendiri hadir dalam seminar, ke kampus, dipakai waktu solat dan sebagainya. Justeru, pemakaian songkok *recca* ini memang akan dilengkapi dengan *jas* dan sarung *lipa sabbe*. Walau bagaimanapun, memakai songkok *recca* ini sudah menjadi sebahagian orang Bugis yang tidak boleh dipisahkan dari dulu lagi kerana ianya akan menikmati karya khas lokal, kemudian menjadi identiti dan tanda pengenal bahawa pemakainya adalah berketurunan orang Bugis sekaligus melestarikan dan membumikan songkok *recca* ini agar lebih dikenal di khalayak umum.

Refleksi

Dapat disimpulkan bahawa penulisan dan bahan rujukan Bugis pada hari ini amatlah kurang. Hal ini disebabkan ramai penyelidik kurang mengkaji perihal Bugis Sabah khususnya dalam simbol-simbol yang terdapat dalam budaya Bugis. Dengan itu, sumber rujukan yang terdapat pada buku Bugis Sabah ini juga akan dapat membantu serba sedikit dalam penyelidikan mengenai simbol Bugis. Penulis berharap akan ramai yang mengkaji simbol Bugis Sabah kerana ianya juga akan menyajikan dunia informasi yang begitu penting walaupun pengkaji itu bukan dari kalangan suku etnik Bugis. Justeru, melalui cara ini sudah pasti akan meraikan budaya ini di seluruh dunia dan mengeratkan hubungan dengan etnik lain. Selain itu, kerjasama antara semua etnik ini memainkan peranan yang penting disebabkan ianya juga akan mengembangkan lagi budaya Bugis di Sabah untuk diperkenalkan kepada pelancong agar datang ke Sabah dan dapat memupuk semangat cinta akan kepada etnik ini. Di samping itu, dokumentasi mengenai Bugis Sabah ini juga akan menyajikan maklumat yang cukup berguna agar generasi yang akan datang boleh mewarisinya. Malahan dengan bahan bacaan yang terdapat dan tersedia akan memudahkan generasi akan datang mengetahui asal-usul orang Bugis di Sabah. Usaha ini haruslah dikekalkan untuk masa hadapan orang Bugis, khususnya di Sabah.

KESIMPULAN

Masyarakat Bugis pada hari ini khususnya di Sabah, masih mewarisi budaya dari nenek moyang mereka. Pegangan ini begitu kuat dan diamalkan oleh kebanyakan orang Bugis, sama ada yang mendiami di Sulawesi Selatan mahupun perantau Bugis yang berhijrah ke Semenanjung Malaysia dan Sabah. Walau bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian bahasa yang dituturkan, adat, simbol, falsafah, pakaian dan senjata kebanyakan orang Bugis, masih mempunyai persamaan dan masih sama dengan Bugis di Sabah. Justeru, asimilasi dan faktor penghijrahan ini tidak banyak merubah cara hidup orang Bugis disebabkan pegangan orang Bugis begitu kuat yang berdasarkan agama Islam dan adat. Selain itu, masyarakat Bugis ini juga merupakan satu etnik yang begitu unik dan bergema dalam rumpun Melayu Nusantara, yang mana etnik Bugis ini begitu kaya dengan adat tradisinya dan tatanan simbolik khususnya dalam pakaian, senjata, aksesori dan falsafah orang Bugis itu sendiri. Pada hemat penulis, adat dalam konteks masyarakat Bugis merupakan satu tatanan dalam pandangan hidup orang Bugis. Adat yang dilakukan pada hari ini juga pada dasarnya adalah mempunyai motif tertentu. Jika diamati, setiap simbol-simbol Bugis ini haruslah dikekalkan kerana ianya adalah satu khazanah budaya yang harus dipertahankan dan dikekalkan kerana menjadi pengatur tingkah laku seseorang atau kehidupan masyarakat dan menjadi tatanan identiti masyarakat orang Bugis.

RUJUKAN

- A. Rahman Rahim, (2011). *Nilai-nilai utama kebudayaan Bugis*. Yogyakarta: Ombak
- Abu Hamid. (2003). Siri'butuh revitalisasi. dalam *Siri'dan Pesse, Harga Diri Orang Bugis, Makassar, Mandar, Toraja*, ed. Mustafa, Yahya, Pustaka Refleksi, Makassar.
- Becker, H. (n.d.). *Photography and Sociology*. Retrieved November 18, 2020, from <https://repository.upenn.edu/svc/vol1/iss1/3/>
- Clifford Geertz, (1981). *Abangan, Santri, Priyai dalam Masyarakat Jawa*. Jakarta: Dunia Pustaka Jaya.
- Creswell, J. W. (2003). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed method approaches*. London: Sage Publications, Inc.
- Goodlet, K. J. (1977). The Origin and Early Development of the Tawau Community. Tesis Sarjana Universiti Sydney, Australia (Tidak diterbitkan)
- Halilintar Lathief. (2003). Bissu: Iman yang Menghibur. Dlm. Nurhayati Rahman, Anil Hukma & Idwar Anwar (eds). *La Galigo Menelusuri Jejak Warisan Sastra Dunia*. Makassar: Universitas Hasanuddin.
- Laoddang, S. (n.d.). Pustaka Bugis: Koleksi Buku Makassar, Buku Bugis (Bagian 2). Diakses pada September 05, 2020 <http://www.suryadinlaoddang.com/2013/03/koleksi-buku-makassar-buku-bugis-bagian.html>
- Mohd. Akbal Abdullah & Abdullah Sulaiman. (2005). Kertas kerja "Pemelayuan: Traditional Melayu di Johor," *Seminar Za' ba Mengenai Alam Melayu II*. Anjuran Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia. 22-24 Februari.
- Pellauer, D., & Dauenhauer, B. (2022, December 15). Paul Ricoeur. Stanford Encyclopedia of Philosophy. <https://plato.stanford.edu/entries/ricoeur/>

- Rahman, A. (n.d.). Habitiasi Nilai-Nilai Utama kebudayaan Bugis Bagi Keluarga petani di Desa Bulutellue Kabupaten Sinjai. Balale'. *Jurnal Antropologi*.
<https://jurnal.untan.ac.id/index.php/BALELE/article/view/49664>
- Rahman Abdullah. (n.d.). Diakses pada September 06, 2020, dari
<https://abdulrahmanabdullah.com/home.html>
- Said Nurman. (2004). Religion and cultural identity among the Bugis (a preliminary remark). *Inter-Religio*, 45, 12–20.
- Shintia Maria Kapojos & Hengki Wijaya. (2018). Mengenal budaya suku Bugis (Pendekatan misi terhadap suku Bugis). *Jurnal Lembaga STAKN Kupang*, 6(2), 153–173.
- The B.N.B Herald 1/1/1896
- The B.N.B Herald 1/4/1893
- Tahara Tasrifin. (2013). Lipa Sabbe' Sengkang: Identitas dan Tantangan Teknologi Sarung Sutra Bugis. *Tecnology, Education, and Social Science International Conference*. 21-22 November 2013, UTM Malaysia.

**PENGLIBATAN KOMUNITI ETNIK DALAM PELANCONGAN
BUDAYA: SATU TINJAUAN LITERATUR**
***THE INVOLVEMENT OF ETHNIC COMMUNITIES IN CULTURAL
TOURISM: A LITERATURE REVIEW***

ALEX JO MARJUN¹
MOHAMAD PIRDAUS BIN YUSOH^{2*}

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

^{2*}Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

Corresponding Author: alexjomarjun98@gmail.com

Tarikh dihantar: 29 Oktober 2024 \ Tarikh diterima: 22 November 2024 \ Tarikh diterbitkan: 31 Disember 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/ejk.v30i.5898>

ABSTRAK Pelancongan budaya merupakan segmen pelancongan global yang pesat membangun malah memberi impak ekonomi dan sosial kepada sesebuah lokasi yang menerima kunjungan pelancong. Pelancongan berasaskan etnik pula pada masa kini sangat memberi manfaat kepada pihak yang terlibat dan berkepentingan kerana menyumbang kepada perkembangan sosial, ekonomi dan politik di kawasan yang terlibat. Penglibatan etnik dalam pelancongan budaya memainkan peranan penting dalam mempromosikan warisan budaya dan memperkayakan pengalaman pelancongan. Artikel ini meninjau literatur yang berkaitan dengan penglibatan etnik dalam pelancongan budaya, dengan tujuan untuk memahami sumbangan komuniti etnik terhadap industri pelancongan dan impak pelancongan terhadap komuniti tersebut. Kajian ini juga membincangkan pelbagai aspek seperti motivasi komuniti etnik untuk terlibat dalam pelancongan budaya, manfaat ekonomi dan sosial yang diperoleh, serta cabaran yang dihadapi. Selain itu, kajian ini meneliti isu-isu berkaitan pemeliharaan dan komersialisasi budaya etnik, serta peranan pelancongan dalam memelihara atau mengancam identiti budaya. Melalui tinjauan ini, diharapkan dapat memberi gambaran yang lebih jelas mengenai hubungan dinamik antara pelancongan budaya dan komuniti etnik, serta cadangan untuk mempromosikan penglibatan etnik yang lebih mampan dalam sektor ini.

Kata kunci: Komuniti, etnik, pelancongan budaya, penglibatan etnik.

ABSTRACT Cultural tourism is a rapidly growing segment of global tourism that has significant economic and social impacts on the locations that attract tourists. In particular, ethnic tourism offers substantial benefits to stakeholders and contributes to social, economic and political development in affected areas. The involvement of ethnic communities in cultural tourism plays a vital role in promoting cultural heritage and enriching the tourist experience. This article reviews the literature related to the participation of ethnic communities in cultural tourism in order to understand the contribution of these communities to the tourism industry and the impacts of tourism on them. The study also discusses various aspects including the motivations of ethnic communities to engage in cultural tourism, the economic and social benefits they receive and the challenges they face. In addition, the study addresses issues related to the preservation and commercialization of ethnic culture, as well as the role of tourism in maintaining or threatening cultural identity. Through this review, we hope to provide a clearer understanding of the dynamic relationship between cultural tourism and ethnic communities, as well as recommendations to promote more sustainable engagement of ethnic groups in the sector.

Keywords: Communities, ethnic, cultural tourism, ethnic involvement.

PENDAHULUAN

Pada era globalisasi ini, sektor pelancongan diiktiraf sebagai salah satu tunjang pertumbuhan utama dalam pembangunan sosioekonomi di kawasan luar bandar (Fong Sook et al., 2014) dan dilihat sebagai salah satu pendorong utama kepada pembangunan Malaysia dan mampu bersaing seterusnya mencapai status negara maju (Zurina, 2015). Bertitik mula pada tahun 1970, pihak kerajaan melihat potensi dan manfaat industri pelancongan ini kepada negara dan masyarakat. Antaranya ialah dapat meningkatkan pendapatan dalam pertukaran mata wang asing, dapat mewujudkan peluang pekerjaan dan menjana pendapatan, mendorong kepada pembangunan, mempelbagai ekonomi dan merangsang hasil kerajaan (M. Ghazali, 2000).

Antara elemen penting dalam setiap kawasan sektor pelancongan sewajarnya diwujudkan ialah zon makanan yang bersih, pengangkutan cekap dan selamat, penginapan yang selesa, lokasi yang menarik dan disediakan perkhidmatan lain-lain. Kesemua unsur-unsur ini merupakan rangkai utama dalam mana-mana kawasan pelancongan kerana menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara dan tempatan (Jusoh et al., 2011). Pertubuhan Pelancongan Dunia (WTO) mencatatkan bahawa jumlah kedatangan pelancong antarabangsa menunjukkan jumlah peningkatan antara tahun 2004 dan 2007. Jumlah ini dilihat amat memberangsangkan kerana mencatatkan peningkatan pada kadar purata tahunan 7%. Bukan itu sahaja, WTO juga menganggarkan bahawa peningkatan akan terus berlaku menjelang tahun 2020 (Badaruddin, 2008). Melalui statistik yang dinyatakan di atas, jelaslah bahawa sektor pelancongan semakin membangun dan berkembang maju di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Pada tahun 2009, Malaysia menduduki tangga ke-11 sebagai destinasi pelancongan popular dan menjadi salah satu pilihan utama dimata dunia. Ini dapat dibuktikan melalui peningkatan jumlah pelancong dengan pesat, daripada 5 juta orang pada tahun 1999 kepada 22 juta orang pada tahun 2009 (Jusoh et al., 2011). Perkembangan pelancongan ini juga dipengaruhi oleh sifat ingin tahu pelancong, mencari pengalaman baharu, menjelajahi kawasan baharu dan unik serta mempunyai masa yang terluang (Murphy, 2013).

Sabah Tourism Board (STB) merupakan satu badan bertanggungjawab bagi mempromosi industri pelancongan di Sabah. Peruntukan sebanyak RM 228 juta oleh pihak kerajaan daripada bajet negeri seperti yang termaktub dalam Dasar Hala Tuju Kerajaan Negeri. Oleh itu sebanyak RM 15 juta diperuntukkan dalam bajet 2018 bagi memperkasa pelancongan luar bandar seterusnya mempelbagai destinasi menarik di negeri ini (Sipatau et al., 2020). Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Hajiji Mohd Nor telah membentangkan Belanjawan Sabah 2021 yang mana memberi tumpuan kepada pemulihan ekonomi negeri akibat daripada pandemik COVID-19. Sebanyak RM 125.45 juta diperuntukkan untuk pembangunan luar bandar terutama sekali untuk projek pembasmian kemiskinan seperti Program Komuniti dan Ekonomi Desa dan Program Satu Daerah Satu Produk. Selain daripada itu, pihak kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM 227.97 dalam sektor pelancongan negeri Sabah bagi merangsang kembali ekonomi sektor pelancongan yang terjejas akibat pandemik (Sipatau et al., 2020).

Dalam penulisan Zanisah et al., (2009) pula menjelaskan bahawa industri pelancongan ini mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan dan pendapatan sampingan kepada komuniti

tempatan. Menurut Rosazman (2016) pula, sektor pelancongan mempunyai kaitan dengan ketibaan pelancong yang bergerak dari satu destinasi ke destinasi lain. Justeru, ketibaan para pelancong amat penting bagi membantu pertumbuhan ekonomi negara seterusnya memberi manfaat kepada penduduk tempatan. Hal ini demikian kerana terdapat aktiviti ekonomi yang berlaku seperti hotel, gerai, restoran, dan banyak lagi yang berlaku di antara pelancong dan pengusaha. Secara tidak langsung, aktiviti seperti ini membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan seterusnya menjana sumber pendapatan secara berterusan. Kumalah et al., (2015) pula menyatakan bahawa aktiviti ekonomi di kawasan pelancongan secara tidak langsung menggalakkan dan meningkatkan kualiti pembangunan fizikal setempat melalui jaringan perhubungan dan kemudahan. Richards (2003) pula menyatakan bahawa salah satu kelebihan utama pelancongan budaya adalah menjadi nadi utama kepada pembangunan dan penjana sumber ekonomi secara berterusan. Ini bermakna, penduduk tempatan akan mendapat sumber pendapatan secara berterusan dan mendapat faedah pembangunan melalui aktiviti ekonomi yang pesat berlaku.

SOROTAN LITERATUR

Komuniti

Bradshaw (2008) membincangkan dalam penulisannya tentang perdebatan secara teori definisi komuniti terutama sekali berkaitan konsep komuniti merangkumi kumpulan manusia yang berkongsi minat dan interaksi yang sama tanpa perlu berkongsi lokaliti geografi. Artikel ini juga memperkenalkan konsep '*post-place community*' yang menitikberatkan solidariti, berkongsi norma dan identiti yang serupa namun tidak semestinya mendiami ruang geografi yang sama.

MacQueen et al. (2001) pula mentakrifkan dalam penulisannya bahawa komuniti merupakan kumpulan manusia pelbagai ragam yang dihubungkan dengan ikatan sosial, berkongsi perspektif umum dan melakukan aktiviti sosial bersama dalam satu lokasi geografi. Definisi ini dihasilkan melalui wawancara dengan ramai peserta dalam kesihatan awam yang menyokong kerjasama dalam ujian vaksin HIV.

Arensberg (1954) menjelaskan bahawa komuniti merupakan sebuah unit struktur organisasi sosial dan budaya yang menyokong kajian ekologi perbandingan dan sosiologi bandar. Dalam pada itu, McMillan & Chavis (1986) mentakrifkan komuniti dalam kajiannya, '*sense of community*' merupakan satu perasaan kekitaan dan keanggotaan seseorang atau sekumpulan manusia yang mempunyai komitmen tinggi dalam sesebuah komuniti itu dan dikuatkan lagi dengan dinamika hubungan interpersonal sesama komuniti.

Komuniti dalam perspektif sosiologi pula menjelaskan bahawa, komuniti ialah sekumpulan manusia berperanan sebagai instrumen hipotesis yang boleh memberi jawapan kepada satu persoalan berkaitan dengan cara kerja aspek-aspek tertentu dalam sesebuah masyarakat (Stacey, 1969).

Ellis (2009) menjelaskan analisis teori tentang potensi jenis komuniti antarabangsa yang boleh dibentuk dalam konteks politik dan apa faktor struktur yang diperlukan bagi memanifestasikannya. Konsep 'komuniti antarabangsa' merujuk kepada jaringan global yang melibatkan negara-negara dalam menyelesaikan isu global secara bersama melalui organisasi seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Namun syarat untuk memenuhi dan membentuk 'komuniti antarabangsa' yang bermakna belum tercapai kerana perselisihan pandangan politik yang berbeza antara negara-negara.

Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa sesebuah komuniti itu merupakan sekumpulan manusia yang pelbagai ragam namun mempunyai ikatan sosial yang kuat, berkongsi norma, aktiviti sosial dan perspektif secara umumnya. Sungguhpun demikian, makna komuniti akan mengalami sedikit perubahan konteks bergantung kepada lokaliti geografi, status sosial, pekerjaan, etnik, tahap pendidikan, politik dan agama.

Etnik

Gabbert (2006) mentakrifkan etnik itu merujuk kepada bentuk perbezaan sosial yang mana sekumpulan manusia menggunakan penanda budaya atau fenotip bagi membezakan diri mereka dengan kumpulan manusia yang lain. Bukan itu sahaja, asas sosial dan potensi politik juga berbeza dengan kumpulan manusia yang lain dan ini membawa kepada satu perbezaan khusus antara manusia dalam sesebuah ruang geografi.

Ford dan Harawa (2010) membahaskan bahawa etnik ialah satu susunan sosial kompleks yang membentuk identiti peribadi dan hubungan sosial dalam sesebuah kumpulan manusia. Identiti etnik, sistem klasifikasi etnik, pengelompokan yang membentuk setiap sistem yang kontekstual. Manakala Chandra (2006) pula menjelaskan identiti etnik adalah satu subset identiti yang ditentukan oleh atribut berasaskan keturunan dan ini termasuklah aspek seperti bahasa, budaya, agama, dan sejarah bersama.

Menurut Mateos dan Mateos (2014), etnik ialah konsep kompleks yang sukar untuk didefinisikan dan diukur. Etnik merupakan satu konsep yang multidimensi merangkumi aspek seperti adat resam, agama, identiti kebangsaan, rangkaian persaudaraan dan ciri visual fizikal sangat memberi impak dan memainkan peranan.

Ghazali et al. (2011) menyoroti peranan etnik dalam konteks politik di Malaysia, terutama sekali bagaimana sokongan dari etnik Melayu dan bukan Melayu mempengaruhi parti politik seperti UMNO (*United Malays National Organisation*) dan PAS (Parti Islam Se-Malaysia). Etnik dalam konteks ini merujuk kepada kumpulan sosial berdasarkan identiti etno-budaya seperti bahasa, agama dan adat istiadat yang mengikat anggotanya.

Ode et al. (2016) membincangkan etnik di Asia Timur sering didefinisikan sebagai kategori sosial dan budaya yang melibatkan identiti bersama berdasarkan budaya, bahasa dan sejarah. Etnik juga dikaitkan dengan konsep nasional dan politik yang kuat seperti yang dilihat dalam negara seperti Jepun, Korea dan China. Sebagai contoh, dalam kajian tentang politik

berkaitan dengan kuasa politik etnik di Asia Timur, kelompok etnik sering dikaitkan dengan kekuasaan politik dan identiti nasional.

Resminingayu (2020) membincangkan dalam kajiannya etnik di Asia Tenggara dianalisis melalui tiga pendekatan teori iaitu yang pertama adalah primordialisme yang menekankan identiti etnik yang sudah lama wujud dan diwarisi secara turun temurun. Yang kedua adalah instrumentalisme iaitu untuk melihat etnik sebagai alat untuk mencapai matlamat politik atau ekonomi dan yang ketiga adalah konstruktivisme yang melihat etnik sebagai pembinaan sosial yang boleh berubah bergantung kepada konteks dan interaksi sosial.

Berdasarkan analisis dari pelbagai kajian, etnik dapat didefinisikan sebagai konsep sosial yang kompleks dan multidimensi, merangkumi aspek budaya, fenotip, dan sejarah yang membentuk identiti kumpulan manusia tertentu. Ia melibatkan penanda budaya seperti bahasa, agama, dan adat resam, serta perbezaan fenotipik yang digunakan untuk membezakan satu kumpulan dari yang lain. Etnik juga mempunyai dimensi politik dan sosial yang penting, di mana ia boleh mempengaruhi struktur sosial, identiti peribadi, serta hubungan politik dalam masyarakat. Etnik bukan hanya merupakan warisan yang turun-temurun tetapi juga boleh dibentuk dan diubah melalui interaksi sosial dan konteks sejarah.

Pelancongan Budaya

Johan Afendi dan Mohamad Zaki (2009) menjelaskan bahawa kebudayaan adalah bersifat menyeluruh termasuklah cara hidup, nilai dan norma diamalkan dalam kumpulan etnik itu. Sesuatu budaya itu dapat dilihat melalui jenis bahasa, makanan, pakaian, kepercayaan, tingkah laku dan kesenian (muzik, tarian dan drama). Selain daripada itu, pelancongan budaya juga melibatkan aktiviti penerokaan sambil melihat, merasai dan menikmati pengalaman cara hidup sesuatu kumpulan etnik.

McKercher dan Du Cros (2002) menyatakan bahawa konsep pelancongan budaya ini amatlah kompleks kerana sebarang perkara buatan manusia yang dilakukan oleh masyarakat tertentu boleh dikelaskan sebagai pelancongan-budaya. Kajian mereka juga menegaskan bahawa pelancongan-budaya didefinisikan melalui penglibatan dalam sebarang aktiviti atau pengalaman yang hampir tidak terbatas. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa, jika seseorang itu melawat salah satu tempat mempunyai daya tarikan maka orang itu merupakan seorang pelancong budaya dan aktiviti yang dilakukan ialah aktiviti pelancongan-budaya.

Pelancongan budaya itu merujuk kepada aktiviti pelancongan yang menitik beratkan unsur-unsur kebudayaan sebagai elemen terpenting (Smith, 2012). Unsur budaya itu haruslah terdiri daripada ciri pakaian yang unik, cara hidup, budaya-tani, makanan dan minuman, barangan perusahaan dan kraftangan, ciri layanan tetamu dan segala unsur yang memberi ciri unik kepada masyarakat itu sendiri. Justeru, beliau juga mengelaskan pelancongan itu kepada lima jenis kategori (pelancongan-etnik, pelancongan-budaya, pelancongan-sejarah, pelancongan-persekitaran dan pelancongan-rekreasi).

Peters (1969) pula menjelaskan dalam kajiannya bahawa alam dan masyarakat-budaya dikategorikan kepada lima bahagian utama iaitu: Pertama, budaya (tapak sejarah/arkeologi, monumen, muzium, budaya moden, institusi pendidikan politik dan agama); kedua, tradisional (festival, kraftangan, kesenian benda, pola hidup dan adat resam, muzik, dan cerita rakyat); ketiga, pemandangan (taman negara, flora dan fauna, bukit dan pantai); keempat, hiburan (keterlibatan dan penontonan dalam acara sukan, taman rekreasi dan hiburan, zoo, *oceanariums*, teater, wayang gambar, hiburan malam, makanan dan minuman tempatan) dan; kelima, lain-lain (cuaca, kesihatan, spa, daya tarikan unik yang tidak terdapat di kawasan pelancongan lain).

Kajian Robinson (1976) pula mengkategorikan pelancongan budaya itu kepada tujuh bahagian iaitu: 1) Lokasi dan jarak ketersampaian; 2) Ruang; 3) Pemandangan (gunung-ganang: *canyons*, batu karang, *cliffs*/tebing; unsur-unsur berkaitan air: sungai, tasik, air terjun, *geysers*, *glasiers* dan laut; unsur berkaitan tumbuhan: hutan rimba, padang ragut dan padang pasir); 4) cuaca (cahaya matahari, awan, iklim, hujan, salji); 5) Hidupan liar (hidupan liar di hutan simpan, safari, zoo, aktiviti berburu dan memancing); 6) Ciri unik kawasan petempatan (bandar, kampung, monumen, tinggalan sejarah/arkeologi) dan yang terakhir; 7) budaya (corak hidup harian, tradisi, sistem kemasyarakatan, kesenian dan kraftangan).

Budaya amatlah penting dalam sesebuah masyarakat. Budaya dapat dinilai daripada pelbagai sudut pandang dan antara kepentingan dan manfaat budaya kepada negara adalah berperanan dalam mempromosi keamanan dan keharmonian antara pelbagai masyarakat sama ada di peringkat antarabangsa atau pun tempatan. Sebagai usaha dalam memahaminya, makna budaya itu sendiri haruslah difahami dengan baik (Jusoh et al., 2011). Menurut pandangan sarjana dalam ahli sosiologi, budaya itu bersifat menyeluruh dan kompleks merangkumi pengetahuan, undang-undang, kepercayaan, sikap, moral, adat istiadat, pola perilaku dan kemahiran lain yang biasanya dipelajari oleh manusia sebagai seorang anggota dalam masyarakat. Budaya itu sendiri bersifat simbolik, berubah mengikut zaman, wujud hasil daripada ciptaan dan pola tingkah laku manusia, dibuang, diselaraskan serta disesuaikan (Wood, 1980).

McIntosh dan Goeldner (1986) menjelaskan dalam kajian mereka tentang definisi konseptual pelancongan budaya yang memerihalkan tujuan dan pengertian yang terdapat dalam aktiviti pelancongan. Mereka mendefinisikan pelancongan budaya ini bersifat menyeluruh dan merangkumi semua aspek perjalanan, pengembaraan pengalaman dan mempelajari sejarah warisan etnik lain. Bukan itu sahaja, cara hidup dan pemikiran semasa mereka merupakan sebahagian daripada komponen budaya itu sendiri. Dalam pada itu, Wood (1984) menerangkan dalam penulisannya bahawa budaya sebagai kontekstual berperanan dalam membentuk pengalaman sesuatu situasi pelancongan secara umum tanpa mempunyai tumpuan tertentu terhadap keunikan suatu budaya itu. Situasi ini bertentangan dengan pelancongan berasaskan etnik yang mana amat menitikberatkan kepentingan ciri dan keunikan jati diri budaya kelompok tertentu.

Manakala dalam kajian Silberberg (1995) membincangkan bahawa pelancongan budaya merupakan agen kepada kemajuan pembangunan seterusnya merangsang pertumbuhan ekonomi setempat. Melalui kemasukan pelancong di sesebuah kawasan mempunyai daya tarikan berasaskan kebudayaan, ini akan merancakkan lagi aktiviti ekonomi kawasan persekitarannya. Pelancong yang berkunjung bermotivasi dan berminat terhadap nilai tinggalan sejarah, kesenian, saintifik, dan pola tingkah laku yang terdapat pada etnik, komuniti, wilayah, kumpulan dan institusi. Bukan itu sahaja, motivasi lain pelancong yang berminat dengan pelancongan berasaskan budaya adalah ingin memperoleh pengalaman persekitaran budaya merangkumi landskap, visual, persembahan seni, gaya hidup unik, nilai tradisional dan acara-acara. Secara keseluruhannya, pelancongan budaya merupakan perjalanan untuk melihat dan mengalami budaya di suatu lokasi yang mempunyai ciri unik menjadi kepada penarik dan pendorong orang luar untuk berkunjung di sesebuah kawasan itu (Jusoh et al., 2011).

Secara keseluruhan, berdasarkan kajian lepas tersebut, pengkaji menyimpulkan bahawa pelancongan budaya merupakan satu aktiviti menitikberatkan elemen seperti pengalaman pelancong, cara hidup, nilai, norma, etnik, bahasa, makanan, pakaian, kepercayaan, tingkah laku dan kesenian seperti muzik serta tarian yang diamalkan oleh sesuatu kumpulan etnik atau masyarakat. Pelancongan budaya juga secara tidak langsung merupakan satu strategi berkesan dalam mengurangkan jurang kemiskinan di luar bandar dan bandar dengan cara pertumbuhan ekonomi tempatan melalui kemasukan pelancong yang ingin tahu terhadap nilai budaya unik, landskap, persembahan seni dan acara khas dalam sesuatu komuniti etnik atau masyarakat itu. Bukan itu sahaja sarjana-sarjana yang pakar dalam bidang geografi pelancongan merumuskan bahawa secara umumnya pelancongan budaya merupakan subsektor pelancongan yang berasaskan “*man-made*” atau pun “*buatan-manusia*” yang mana menjadi produk atau daya tarikan utama ataupun merupakan punca utama pendorong kepada pelancong untuk berkunjung di sesebuah destinasi pelancongan budaya (Smith, 2012; Peters, 1969; Robinson, 1976).

Jadual 1: Jenis Pelancongan Budaya Etnik Peringkat Dunia

Negara	Produk Budaya
<i>America</i>	<i>Red Indian Cultural Tourism</i>
<i>Brazil</i>	<i>Tikuna Tribe Cultural Tourism</i>
<i>Denmark</i>	<i>Inuit Tribe Cultural Tourism</i>
<i>Ecuador</i>	<i>Kichwa Tribe Cultural Tourism</i>
<i>Estonia</i>	<i>Setos Tribe Cultural Tourism</i>
<i>Finland</i>	<i>Sami Tribe Cultural Tourism</i>
<i>Canada</i>	<i>Metis Tribe Cultural Tourism</i>
<i>Mexico</i>	<i>Maya Cultural Tourism</i>

Sumber: Olahan Pengkaji

Penglibatan Komuniti Etnik

Menurut Tosun (1999), penglibatan komuniti haruslah dalam bentuk tindakan sukarela yang mana individu atau kumpulan terlibat mengambil peluang dan memikul tanggungjawab

kemasyarakatan. Ini bermakna mereka akan bekerjasama dan berperanan sebagai penggerak secara keseluruhan seterusnya akan melibatkan diri secara langsung dalam proses pembangunan itu sendiri. Pembangunan hasil daripada kerjasama ini akhirnya akan memberi impak kepada taraf kehidupan mereka sendiri (Tosun, 2000). Justeru itu, melalui kajian Tosun, kita juga dapat praktikkan senario ini kepada kajian penglibatan etnik dalam pelancongan budaya. Hal ini demikian kerana inti kajian utama tidak jauh berbeza iaitu mengenal pasti tahap penglibatan komuniti atau etnik dalam pelancongan berasaskan budaya.

Sepanjang proses pembangunan pelancongan, penglibatan komuniti itu dapat dilihat daripada dua perspektif iaitu terlibat dalam membuat keputusan dan apakah manfaat diberi oleh pembangunan berasaskan pelancongan budaya tersebut. Selain daripada itu, penglibatan ahli komuniti dalam melaksanakan projek pembangunan pelancongan akan mempengaruhi ke arah pembangunan lestari (Timothy, 1999). Melalui pembangunan yang dilakukan, ini akan mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan kemahiran komunikasi, memahami faedah kemasukan pelancong, melahirkan rasa tanggungjawab dan memberi mereka peluang untuk mengawal sekali gus mentadbir penggunaan sumber tempatan. Dalam pada itu, penglibatan oleh komuniti juga akan membantu bagi menjayakan projek pelancongan itu sendiri mereka lebih arif kawasan tempatan dan sumber semula jadi yang terdapat di kawasan mereka (Kalsom & Nor Ashikin, 2006). Dapatan kajian sarjana-sarjana ini masih boleh diaplikasikan dalam penglibatan etnik dalam proses pembangunan kerana mereka juga menghadapi isu yang sama seperti ingin meningkatkan kemahiran mentadbir dan komunikasi, peluang pekerjaan, rasa tanggungjawab dan banyak lagi kepada kumpulan etnik.

Burns dan Sancho (2003) menyatakan dalam kajian mereka bahawa seorang Datuk Bandar di Sepanyol berpendapat bahawa keterlibatan penduduk merupakan proses berlaku secara semula jadi dan tanpa disedari kerana penduduk merasakan mereka adalah sebahagian daripada produk pelancongan. Fallon dan Kriwoken (2003) menyatakan dalam kajian mereka penglibatan secara langsung penduduk dalam perkhidmatan tertentu sangat diperlukan kerana mereka lebih tahu dan arif dalam budaya mereka sendiri. Justeru pengetahuan penduduk tempatan dianggap lebih tepat berbanding pekerja bukan daripada penduduk asal. Getz (1986) menyatakan bahawa penglibatan tidak terbatas kepada bentuk fizikal sahaja namun dalam bentuk sokongan moral. Dalam kajian beliau juga menyeru agar penduduk tempatan memberi sokongan padu dan kuat supaya dapat merangsang ekonomi dan pembangunan setempat dengan lebih pesat.

Tipologi Penglibatan Komuniti/Etnik

Pretty (1995) telah mencipta satu Tipologi Penglibatan Komuniti Tempatan yang terdiri daripada tujuh kategori penglibatan. Dalam tipologi ini juga menjelaskan jenis-jenis tahap penglibatan komuniti tempatan. Dalam pada itu, tipologi ini juga masih relevan diaplikasikan kepada penglibatan etnik dalam pelancongan budaya kerana mempunyai persamaan situasi.

Jadual 2: Tipologi Penglibatan Komuniti Tempatan Pretty

Kategori Penglibatan	Kriteria
Penglibatan Manipulasi	Komuniti/Etnik tempatan dipilih menjadi wakil kepada pihak pentadbir namun mereka tidak mempunyai kuasa dalam memberi pandangan, membuat perancangan dan tidak ada kuasa dalam membuat sebarang keputusan. Komuniti/Etnik juga dilihat sebagai boneka semata-mata kerana segala arahan, perancangan dan keputusan dibuat oleh pihak luar dan ini menyebabkan faedah pembangunan kepada mereka tidak menentu.
Penglibatan Pasif	Penglibatan komuniti/etnik tempatan hanya melalui makluman yang diberi tentang apa yang berlaku dan yang telah berlaku. Pengumuman daripada pihak pentadbir tidak memerlukan maklum balas daripada komuniti/etnik tempatan dan mereka hanya terlibat secara tidak langsung. Penglibatan mereka ini juga semata-mata membantu menjayakan sesuatu projek.
Penglibatan melalui perundingan	Komuniti tempatan terlibat secara perundingan. Seorang pengkaji atau agen luar akan menetapkan permasalahan dihadapi dan langkah penyelesaian, mengambil kira pendapat serta menyediakan beberapa penyesuaian terhadap maklum balas penduduk. Bagaimanapun, proses perundingan tidak memberi kuasa kepada komuniti/etnik untuk membuat keputusan dan tidak akan mempengaruhi pembuat keputusan. Komuniti/Etnik masih kurang kawalan terhadap proses pelaksanaan, perkongsian maklumat bersifat sehalu, profesional tidak memerlukan pendapat penduduk.
Penglibatan Insentif	Penglibatan oleh komuniti/etnik dimotivasikan oleh insentif material yang akan mereka terima seperti insentif dalam bentuk wang, makanan atau apa-apa bersifat material. Penglibatan akan berakhir jika insentif yang ditawarkan tidak lagi diteruskan.
Penglibatan berperanan	Penglibatan penduduk dianggap penting kerana ingin mencapai objektif utama projek iaitu ingin mengurangkan kos tertentu. Keputusan penting selalunya telah dibuat oleh agensi luar sebelum melibatkan komuniti tempatan.
Penglibatan interaktif	Penglibatan komuniti/etnik tempatan adalah satu hak dan harus. Mereka terlibat dalam mengekalkan struktur dan praktis projek pembangunan kerana mereka juga mengambil bahagian dalam membuat keputusan. Namun demikian, kumpulan perancang mengawal keputusan penduduk tempatan dan menentukan bagaimana sumber yang ada digunakan, dengan itu mereka mempunyai kepentingan dalam memastikan struktur dan kaedah dipatuhi.
Penglibatan pergerakan sendiri	Komuniti/etnik berkebolehan melakukan projek pembangunan melalui inisiatif masing-masing tanpa penglibatan institusi atau pemaaju luaran. Namun keperluan untuk membina rangkaian dan kenalan dengan institusi luar adalah penting bagi mendapatkan nasihat kegunaan sumber dan teknikal tanpa hilang kawalan penggunaan sumber kepada orang luar.

Sumber: diubah suai daripada Pretty (1995)

Pelancongan Budaya Etnik di Malaysia

Berdasarkan beberapa bacaan literatur, terdapat beberapa kawasan pelancongan budaya etnik di Malaysia yang sudah lama dibangunkan, namun hebahan dalam media sosial tidak sehebat

